PROFAIL WANITA DALAM KEMISKINAN
Kajian Kes Komuniti Setinggan Melayu
Kg. Hj. Abdullah Hukum, Jalan Bangsar,
Kuala Lumpur

NORAZME BT. YASIN
No. Matrik: 046235

Latihan Ilmiah Bagi Memenuhi
Sebahagian Daripada Syarat-Syarat
Untuk Ijazah Sarjana Muda Sastera

JABATAN ANTROPOLOGI DAN SOSIOLOGI
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR
SESI 1986/87

University of Malaya




Peta yang menunjukkan kedudukan Kg. Hj. Abdullah Hukum, Jln. Bangsar, K.L.

Peta Lakar Kg. Abdullah Hukum,
Jalan Bangsar, Kuala Lumpur *




* Dilukis tidak mengikut sekil

## SINOPSIS

Latihan ilmiah ini merupakan kajian kes mengenai profail kaum wanita miskin di bandar dengan tumpuan khusus kepada setinggan Melayu Kg. Hj. Abdullah Hukum, Jalan Bangsar, Kuala Lumpur. Penulisan yang merangkumi lima bab ini memberi penekanan kepada beberapa aspek mengenai kaum wanita khususnya peranan yang dimainkan oleh mereka dalam rumahtangga, bidang ekonomi, sosial dan politik dan seterusnya mengaitkan peranan dan kedudukan kaum wanita ini dengan rangka konsep yang dikemukakan.

Bab I dimulakan dengan penghuraian tentang tujuan dan kepentingan kajian, skop kajian, metode-metode yang digunakan serta kesulitan yang dihadapi semasa kajian luar dijalankan. Seterusnya pengkaji menghuraikan mengenai konsep yang digunakan iaitu konsep status dan peranan, konsep peranan wanita dan konsep kemiskinan. Bab ini juga menerangkan mengenai latarbelakang tempat kajian iaitu dilihat dari aspek sejarah penubuhan kampung, struktur kepimpinan, demografi dan pekerjaan serta kemudahan-kemudahan asas yang terdapat di kampung tersebut.

Dalam Bab II pengkaji memberi huraian tentang peranan wanita dalam rumahtangga dengan membincangkan mengenai peranan mereka sebagai isteri dan ibu.

Penglibatan wanita dalam bidang ekonomi, sosial dan politik dibincangkan dalam Bab III dan IV. Bab III merupakan perbincangan mengenai penglibatan wanita dalam bidang ekonomi. Dua aspek ekonomi yang disentuh ialah ekonomi formal dan informal serta berbagai aspek yang berkaitan seperti faktor-faktor yang mempengaruhi penglibatan dan struktur pekerjaan responden, tingkat pendapatan, tabungan dan pinjaman, pola perbelanjaan, pemilikan harta benda serta institusi kredit tidak formal.

Bab IV merupakan huraian mengenai penyertaan wanita dalam kegiatan sosial dan politik dengan penumpuan kepada persatuan-persatuan dan kegiatan-kegiatan yang disertai dan juga hubungan wanita dengan jiran tetangga serta media massa.

Bab V merupakan bab kesimpulan dengan melihat kepada kedudukan kaum wanita di sini dan seterusnya mengaitkannya dengan konsep yang dikemukakan.

DAFTAR KANDUNGAN


| | | Mukasurat |
|---|---|---|
| PETA | ... ... ... | i |
| SINOPSIS | ... ... ... | iii |
| KANDUNGAN | ... ... ... | v |
| SENARAI JADUAL | ... ... ... | viii |
| PENGHARGAAN | ... ... ... | x |
| BAB I : | PENDAHULUAN | |
| | 1.1 Tujuan Kajian | 1 |
| | 1.2 Kepentingan Kajian | 3 |
| | 1.3 Skop Kajian | 4 |
| | 1.4 Metodologi Kajian | 5 |
| | 1.4.1 Kaedah Soalselidik | 5 |
| | (a) Soalan Tertutup | 6 |
| | (b) Soalan Terbuka | 6 |
| | 1.4.2 Kaedah Temuduga | 7 |
| | 1.4.3 Kaedah Temubual | 7 |
| | 1.4.4 Kaedah Pemerhatian Penyertaan | 8 |
| | 1.4.5 Rujukan Bahan-Bahan Terkumpul (Library Research) | 8 |
| | 1.5 Kesulitan Kajian | 8 |
| | 1.6 Bidang Teori dan Konsep | 9 |
| | 1.6.1 Konsep Status dan Peranan | 9 |


University of Malaya

Mukasurat


(a) Konsep Peranan Wanita Dalam Rumahtangga 11

(b) Peranan Wanita Sebagai Pekerja dan Ahli Masyarakat 16

1.6.2 Konsep Kemiskinan 24

(a) Konsep Kemiskinan Mutlak 25

(b) Konsep Kemiskinan Relatif 27

1.7 Latarbelakang Tempat Kajian 31

1.7.1 Sejarah Kampung 32

1.7.2 Struktur Kepimpinan dan Organisasi 33

1.7.3 Demografi dan Pekerjaan 33

1.7.4 Kemudahan Asas 37

BAB II : PERANAN WANITA DALAM KELUARGA DAN RUMAHTANGGA

2.1 Pola-Pola Kekeluargaan 39

2.2 Peranan Wanita Dalam Rumahtangga 42

2.2.1 Peranan Wanita Sebagai Isteri 44

2.2.2 Peranan Wanita Sebagai Ibu 54

BAB III : PERANAN WANITA DALAM BIDANG EKONOMI

3.1 Aktiviti-Aktiviti Ekonomi 63

3.1.1 Ekonomi Formal 64

3.1.2 Ekonomi Informal 70

3.2 Tingkat Pendapatan Responden 77

Mukasurat


3.3 Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Penglibatan dan Jenis Pekerjaan Responden ... 79

3.4 Organisasi Kutu ... 87

3.5 Perbelanjaan ... 89

3.6 Hakmilik ... 91

3.7 Tabungan dan Pinjaman ... 92

BAB IV : PERANAN WANITA DALAM BIDANG SOSIAL DAN POLITIK

4.1 Pergerakan Wanita UMNO ... 95

4.2 Kelas Kemajuan Masyarakat (KEMAS) ... 101

4.3 Aktiviti-Aktiviti Yang Tidak Tetap ... 107

4.3.1 Aktiviti Keagamaan dan Perayaan-Perayaan Tertentu ... 107

4.3.2 Gotong-Royong ... 108

4.4 Kegiatan Yang Bercorak Bukan Politik ... 109

4.5 Wanita dan Jiran Tetangga ... 112

4.6 Persatuan Luar Yang Disertai Oleh Wanita ... 114

4.7 Wanita dan Media Massa ... 116

BAB V : KESIMPULAN ... 118

BIBLIOGRAFI

LAMPIRAN 1 - Soalselidik

LAMPIRAN 2 - Kajian-Kajian Mengenai Wanita Luar Bandar

SENARAI JADUAL


| | | Mukasurat |
|---|---|---|
| Jadual 1 : | Taburan Responden Mengikut Pola-Pola Kekeluargaan | 40 |
| Jadual 2 : | Jumlah Ahli Dalam Rumahtangga | 40 |
| Jadual 3 : | Negeri Asal Responden | 41 |
| Jadual 4 : | Pekerjaan Responden | 43 |
| Jadual 5 : | Kerja-Kerja Dalam Rumahtangga | 45 |
| Jadual 6 : | Jumlah Anak Responden | 57 |
| Jadual 7 : | Umur Responden dan Suami | 58 |
| Jadual 8 : | Status Anak-Anak Responden | 59 |
| Jadual 9 : | Tingkat Pencapaian Pelajaran Anak-Anak Responden Yang Telah Menamatkan Persekolahan | 60 |
| Jadual 10 : | Kedudukan Wanita Dalam Ekonomi | 64 |
| Jadual 11 : | Pekerjaan Responden Dalam Ekonomi Formal | 65 |
| Jadual 12 : | Pekerjaan Responden Dalam Ekonomi Informal | 71 |
| Jadual 13 : | Tingkat Pendapatan Responden | 77 |
| Jadual 14 : | Tingkat Pendapatan Suami Berbanding Dengan Isteri Yang Bekerja | 79 |
| Jadual 15 : | Pekerjaan Suami Responden dan Pendapatan Purata | 81 |
| Jadual 16 : | Bentuk Keluarga Berbanding Dengan Responden Yang Bekerja | 82 |
| Jadual 17 : | Taraf Pelajaran Suami Responden | 85 |


University of Malaya

Mukasurat


Jadual 18 : Taraf Pelajaran Responden dan Jumlahnya Berbanding Dengan Responden Yang Bekerja 86

Jadual 19 : Tahap Umur dan Jumlah Responden Yang Bekerja 86

Jadual 20 : Hakmilik Harta Benda 92

Jadual 21 : Kedudukan Responden Dalam Pergerakan Wanita UMNO 101

Jadual 22 : Persatuan Luar Yang Disertai Oleh Wanita 115


University of Malaya

# PENGHARGAAN

Bismillahhirrahmanirrahim,

Syukur kehadrat Ilahi kerana dengan izinnya latihan ilmiah ini berjaya disiapkan. Penulisan ini sudah tentu tidak akan sempurna tanpa bantuan dan pertolongan dari berbagai pihak. Justeru itu di ruangan ini, saya ingin merakamkan setinggi penghargaan dan rasa terhutang budi kepada semua pihak tersebut. Semoga segala usaha dan sumbangan mereka diberkati Allah.

Pertamanya, saya ingin merakamkan setinggi penghargaan dan jutaan terima kasih kepada Penyelia saya, Prof. Madya Dr. Azizah Kassim yang telah bersusah payah meneliti draf-draf yang dikemukakan serta teguran-teguran yang membina.

Tidak ketinggalan kepada seluruh pensyarah Jabatan Antropologi dan Sosiologi yang telah menyumbangkan ilmu mereka dan juga kakitangan Jabatan yang telah memberikan kerjasama terutama Kak Jah yang sudi menaip latihan ilmiah ini dan juga Sdr. Misnan.

Saya juga ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada pihak NACIWID yang membiayai kajian ini.

Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada Encik Abd. Ghani Thamby, Ketua Kg. Hj. Abdullah Hukum dan seluruh penduduk kampung tersebut terutama para responden yang telah memberi kerjasama yang menggalakkan

University of Malaya

sepanjang kajian luar dijalankan.

Untuk teman-teman seperjuangan terutama rakan-rakan sekuliah Jabatan Antropologi dan Sosiologi, rakan-rakan serumah, Ana yang memberi bantuan semasa kajian luar dijalankan serta mereka-mereka yang tidak dapat disebutkan di sini.

Semoga hari-hari yang berlalu menjadi kenangan abadi buat kita semua.

Jabatan Antropologi dan Sosiologi
Universiti Malaya
Kuala Lumpur
20 Februari 1987

Norazme bt. Yasin
No. Matrik: 046235

University of Malaya

# BAB I

# PENDAHULUAN

## 1.1 Tujuan Kajian

Profail wanita dalam kemiskinan dengan tumpuan kepada wanita bandar menjadi fokus kajian penulis. Dengan tumpuan kepada golongan ini kajian ini bertujuan melihat kedudukan, corak hidup dan peranan mereka sama ada di dalam atau di luar rumahtangga.

Sejajar dengan proses pembangunan negara, semua rakyat mempunyai tanggungjawab untuk sama-sama melaksana dan menjayakan proses tersebut. Tanggungjawab ini tidak saja dipikul oleh kaum lelaki malah kaum wanita juga memainkan peranan dan melibatkan diri dalam projek yang dilaksanakan itu. Memandangkan bahawa peranan wanita dalam pembangunan negara adalah penting sama ada peranan itu dimainkan cara 'private' atau 'public' maka tinjauan begini adalah wajar dilakukan.

Tujuan utama kajian adalah untuk melihat sejauhmana penglibatan serta kedudukan kaum wanita dalam rumahtangga, ekonomi sosial dan politik dan apakah status dan peranan mereka telah mengalami perubahan sejajar dengan pembangunan negara. Perkara-perkara yang akan dibincangkan adalah seperti berikut.

(a) Rumahtangga

Walaupun kaum wanita tidak menyumbangkan tenaga mereka secara formal dengan menjawat jawatan yang penting tetapi sumbangan mereka kepada keluarga dan rumahtangga tidak dapat dinafikan kepentingannya.

Penulis cuba melihat kedudukan dan peranan mereka sebagai isteri dan ibu. Sebagai ibu mereka memainkan peranan penting dalam mendidik anak-anak untuk menjadi masyarakat yang berguna kepada bangsa dan negara dan ini merupakan pelaburan yang sangat penting.

Juga untuk melihat hubungan dengan suami dan anak-anak serta tanggungjawab yang dihadapi dalam rumahtangga kerana kadang-kadang wanita menjadi pembuat keputusan yang bersabit dengan perbelanjaan dan simpanan, penjagaan kesihatan, mengawasi pelajaran anak-anak serta untuk melihat masa yang diperuntukkan dalam mengurus rumahtangga.

(b) Ekonomi

Untuk meninjau kegiatan ekonomi mereka sama ada secara formal atau informal dan pendapatan yang diperolehi. Adakah kegiatan ekonomi mereka dapat meninggikan taraf hidup atau hanya secukup hidup, sama ada mereka memperolehi pendapatan dari sumber-sumber lain dan bagaimana pendapatan itu dibelanjakan. Adakah mereka terlibat dengan institusi kredit tidak formal seperti kumpulan kutu wang dan kutu barang dan membuat tabungan dengan institusi-institusi seperti bank dan sebagainya.

(c) Kegiatan Sosial dan Politik

Kajian ini juga bertujuan melihat penglibatan kaum wanita di kawasan kajian dalam kegiatan sosial dan politik. Apakah faktor yang mendorong mereka memasuki persatuan dan faedah yang didapati dari berpersatuan. Sekiranya mereka tidak memasuki persatuan apakah sebabnya dan kesannya kepada mereka yang tidak mengambil bahagian sama ada dari segi pengetahuan am dan peluang-peluang tertentu.

Daripada tiga aspek di atas, pengkaji ingin melihat apakah angkubah-angkubah yang mempengaruhi kehidupan kaum wanita berkenaan khususnya dari segi pembahagian masa untuk kegiatan rumahtangga dan di luar rumahtangga. Dalam kesibukan menghadapi tugas ini adakah ia mempunyai masa yang terluang untuk berehat serta menjalin hubungan dengan keluarga dan jiran tetangga.

## 1.2 Kepentingan Kajian

Permasalahan hidup golongan miskin di bandar ternyata kurang mendapat perhatian dari para pengkaji kerana selama ini fokus perhatian lebih tertumpu kepada peranan kaum wanita di luar bandar (Lihat Lampiran 2). Jadi kajian ini dirasakan penting untuk melihat peranan serta corak hidup mereka.

Dari satu sudut, mereka juga patut diberi perhatian kerana wanita di bandar lebih banyak terdedah kepada berbagai permasalahan. Berhadapan dengan berbagai pembangunan pesat di kota, mereka terpaksa

bekerja keras untuk hidup dan terpaksa bersaing dalam masyarakat yang lebih kompleks untuk menikmati kemudahan dan kelengkapan seperti masyarakat kota lainnya.

Walaupun penulisan dan kajian mengenai kaum wanita di negara ini telah bertambah tetapi jika dibanding dengan Amerika Syarikat dan Jepun, ternyata kita masih ketinggalan. Jadi kajian ini diharapkan sedikit sebanyak akan dapat menambah lagi pengetahuan mengenai peranan kaum wanita kerana mereka memainkan peranan utama dalam mencorak kehidupan keluarga walaupun taraf kehidupannya tidak tinggi.

Sumbangan wanita adalah sangat penting khususnya dalam masyarakat bandar. Mereka memberi sumbangan yang amat penting kepada sektor perkilangan, bekerja sebagai buruh, penjaja dan lain-lain. Dengan adanya sumbangan mereka, sektor perkilangan telah mendapat tenaga buruh dengan murah dan dengan adanya penjaja seperti warung-warung menyebabkan orang ramai memperolehi makanan dengan harga yang lebih murah. Apakah pulangan yang diterima oleh wanita setelah menyumbangkan tenaga dalam bidang ekonomi ini? Apakah taraf mereka telah dapat ditingkatkan? Inilah antara persoalan-persoalan yang akan dibincangkan dalam latihan ilmiah ini.

## 1.3 Skop Kajian

Kawasan kajian ialah kawasan setinggan Melayu Kg. Hj. Abdullah

University of Malaya

Hukum, Jalan Bangsar, Kuala Lumpur. Majoriti penduduk adalah miskin berbanding dengan masyarakat sekitarnya.

Responden terdiri daripada 50 orang wanita yang telah berumahtangga sama ada bersuami, balu atau janda. Umur mereka tidak dihadkan. Pemilihan responden berdasarkan mereka yang telah berumahtangga memandangkan keadaan wanita yang telah berkahwin adalah lebih banyak memainkan peranan yang penting sama ada di dalam atau di luar rumahtangga. Golongan yang dipilih sebagai responden mewakili suri rumah dan mereka yang bekerja sama ada secara formal atau informal.

## 1.4 Metodologi Kajian

Dalam usaha mendapatkan data,pengkaji telah menggunakan beberapa kaedah. Dalam disiplin antropologi - sosiologi kaedah-kaedah ini adalah penting bagi mendapatkan data-data yang diperlukan.

### 1.4.1 Kaedah Soalselidik

Kaedah soalselidik merupakan kaedah utama dalam kajian ini. Soalselidik ini mengandungi soalan yang telah dibentuk khas untuk mengumpul data kajian. Soalannya diatur dan digubal begitu rupa supaya menolong responden merasa selesa dan boleh mengingat semula perkara-perkara yang telah berlaku. Tiap-tiap responden diberi soalan yang serupa. Ini membolehkan pengkaji membuat perbandingan antara seorang responden dengan responden yang lain. Perbezaan

dalam peraturan soalan boleh mempengaruhi maksud dan implikasi kepada soalan yang diberi.

Soalselidik ini mengandungi dua bentuk iaitu soalan tertutup dan soalan terbuka. Soalan terbuka dan tertutup amat popular digunakan kerana ia memudahkan data diperolehi. Penggabungan kedua jenis soalan ini amat berkesan sekali.

(a) Soalan Tertutup

Responden mempunyai pilihan yang terhad. Pemilihan yang paling simple ialah soalan dua pilihan atau soalan dikotomus di mana responden perlu menjawab 'Ya/Tidak'.

Soalan tertutup juga mengandungi satu siri jawapan yang memerlukan responden memilih jawapan yang paling hampir dengan kedudukannya. Bentuk ini dikenali juga sebagai soalan aneka pilihan. Soalan tertutup boleh menolong untuk memastikan jawapan diberi berkaitan dengan maksud yang diperlukan dan berguna untuk dianalisa.

(b) Soalan Terbuka

Soalan terbuka dibentuk untuk memberi kebebasan pada responden tentang sesuatu yang diperlukan berbanding dengan seseorang itu terhad untuk membuat pilihan. Responden diberi peluang untuk menjawab mengikut kehendaknya sendiri. Namun begitu pengkaji mempunyai kebebasan untuk mengulangi soalan-soalan jika jawapan tidak bertepatan

dengan soalan, dengan mengemukakan soalan-soalan dengan lebih mendalam.

### 1.4.2 Kaedah Temuduga

Pengkaji juga menggunakan metode temuduga secara formal untuk melengkapkan lagi kajian ini. Antaranya ialah menemuduga Ketua UMNO (Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu) dan Ketua Wanita UMNO cawangan kampung ini. Daripada temuduga ini pengkaji dapat mengetahui mengenai kegiatan kaum wanita di sini dan sambutan yang diberikan oleh mereka. Juga dapat diketahui mengenai sejarah dan latarbelakang kampung, kemudahan asas dan sebagainya.

### 1.4.3 Kaedah Temubual

Temubual secara informal dijalankan dengan responden mengenai sebarang masalah, dan secara tidak langsung menyelitkan beberapa soalan yang ingin diketahui jawapannya dari responden dalam masa perbualan tadi. Dengan cara ini juga pengkaji berpeluang menerangkan maksud tinjauan, menerangkan soalan yang sudah dan menukar cara menyoal mengikut reaksi responden. Maklumat yang lebih akan dapat diperolehi dan responden sendiri merasa selesa dengan apa yang dijalankan oleh pengkaji. Mengikut Selltiz:

> "Many people are willing and able to cooperate in a study when all they have to do is talk."
> (1965: 241)

University of Malaya

1.4.4 Kaedah Pemerhatian Penyertaan

Cara pemerhatian juga dilakukan dalam penganalisaan dari aspek-aspek perlakuan sosial responden sama ada segala keterangan benar. Dalam kaedah pemerhatian pengkaji cuba memerhati geraklaku kumpulan yang dikaji dan mencatit apa yang dilihat, dengan itu dapat mengesahkan kebenaran sesuatu jawapan dengan memerhati keadaan sekeliling seperti keadaan rumah dan sebagainya semasa menjalankan kajian. Faedah dari kaedah ini ialah segala kejadian boleh direkodkan semasa ianya berlaku.

1.4.5 Rujukan Bahan-Bahan Terkumpul (Library Research)

Kaedah ini digunakan untuk menyempurnakan hasil kajian khususnya yang berkaitan dengan kajian ini. Juga untuk mendapat penjelasan lanjut terutama bagi mengetahui bidang teori dan konsep dan juga penyertaan wanita di lain-lain kawasan setinggan dalam ekonomi, sosial dan politik.

1.5 Kesulitan Kajian

Dalam menjalankan kajian ini pengkaji menghadapi beberapa masalah. Kesulitan ini ditimbulkan dari sikap responden yang ditemui. Kedatangan pengkaji seolah-olah satu bebanan kepada mereka. Beberapa responden yang ditemui terus terang menyatakan kebosanan mereka untuk menjawab soalan-soalan yang dikemukakan kerana mereka sering dikunjungi oleh pengkaji-pengkaji dan pembanci sebelum ini. Terdapat responden

yang menyatakan mereka seperti diperbodohkan dengan berbagai-bagai soalan yang dikemukakan kepada mereka.

Untuk mendapatkan data yang benar-benar tepat dan jitu dari responden terutama yang menyentuh peribadi seperti pendapatan, pemilikan harta-benda agak sukar kerana ada yang merasa takut, malu dan sebagainya. Terdapat responden yang tidak mengetahui pendapatan dan pekerjaan suami mereka. Ini terbukti bila mana mereka menyebut jawatan juruteknik sebagai jurutera. Kadang-kadang responden tidak memahami apa yang diinginkan oleh pengkaji terutama dalam soalan-soalan yang berbentuk 'open-ended' dan ini menyebabkan pengkaji terpaksa menerangkan kepada mereka apa yang diingini.

Pengkaji menghadapi masalah untuk menemui responden yang bekerja kerana mereka jarang berada di rumah dan bagi yang bekerja di kilang misalnya, mereka bekerja mengikut syif jadi adalah sukar bagi pengkaji untuk memastikan yang mereka mempunyai kelapangan untuk ditemubual.

## 1.6 Bidang Teori dan Konsep

### 1.6.1 Konsep Status dan Peranan

Konsep kedudukan dan peranan dengan secara berkesan sekali dalam sains kemasyarakatan diperkatakan oleh Ralph Linton (1964) yang menggunakan istilah taraf (status) dan peranan (roles).

Peranan dan kedudukan merupakan konsep yang rapat sekali. Kedua-dua konsep ini timbul kerana adanya perhubungan kemasyarakatan timbal balik antara individu dengan individu dan antara kumpulan dengan kumpulan dalam satu-satu masyarakat. Di dalam perhubungan yang bertimbal balik dalam masyarakat, seseorang itu mempunyai berbagai kedudukan. Misalnya bagi seorang wanita, beliau adalah isteri kepada suaminya dan ibu kepada anak-anaknya. Tiap-tiap satu kedudukan ada peranan yang mesti dijalankan. Gabungan semua peranan ini menentukan kedudukannya dalam masyarakat.

Mengikut Ralph Linton, tiap-tiap taraf atau kedudukan ada peranan yang mesti dijalankan oleh individu yang memenuhi taraf dan kedudukan itu. Tidak ada taraf tanpa peranan atau sebaliknya. Untuk menegaskan perkara ini beliau menyatakan:

> "A role represent the dynamic aspect of status .... Role and status are quite inseparable and the distinction is only academic interest."
>
> (1964: 114)

Beliau seterusnya menyatakan yang dimaksudkan dengan peranan ialah perlakuan yang benar-benar dilakukan oleh seseorang yang memenuhi taraf itu.

Peranan yang dimainkan oleh individu adalah satu perlakuan dari satu kedudukan atau status individu itu. Oleh kerana tiap-tiap individu mempunyai tugas dan hak yang tertentu di dalam masyarakat

yang ia anggotai bererti tugas dan hak yang ada padanya itu menentukan tugas peranan yang dimainkan olehnya, seperti yang diterangkan oleh David L. Sills,

> "... to represent the behavior of a given position."
> (1968: 546)

(a) <u>Konsep Peranan Wanita Dalam Rumahtangga</u>

Konsep ini dikemukakan oleh golongan tradisional seperti Rosaldo (1974), Friedl (1976), Dalstrom (1962), Margaret Mead (1935) serta pendapat-pendapat lain yang sealiran dengan mereka.

Mengikut pendapat golongan tradisi, sejak tamadum manusia masih di peringkat primitif lagi, sudah terdapat pembahagian yang khusus dalam peranan lelaki dan wanita. Selalunya ini didasarkan pada ciri-ciri fizikal dan umur.

Keseluruhannya ahli-ahli tradisionalis berpendapat bahawa penentuan peranan antara lelaki dan wanita adalah disebabkan oleh faktor biologi-psikologi serta faktor sosio-budaya.

Dari segi biologi, wanita dikatakan mempunyai ciri-ciri fizikal dan sifat yang lemah lembut (feminine) dan dianggap sesuai dengan tugas-tugas ringan dalam lingkungan rumahtangga seperti menjaga anak, memasak, membasuh, mengemas rumah dan sebagainya yang tidak memerlukan tenaga fizikal yang banyak. Sementara kaum lelaki dengan

ciri-ciri fizikal yang perkasa (masculine) membenarkan mereka keluar ke lingkungan 'public' untuk menjalankan tugas yang berat.

Ramai pengkaji menyatakan bahawa wanita dan lelaki berbeza dari segi psikologi. Kaum lelaki dikatakan lebih bersifat rasional, aktif dan agresif. Kaum wanita sebaliknya lebih emosional, pasif dan submisif. Oleh itu wanita sudah sewajarnya hidup dalam lingkungan rumahtangga. Dari segi psikologi juga, bahawa peranan antara lelaki dan wanita telah disosialisasi sejak anak-anak lagi iaitu anak-anak perempuan dididik dengan tugas-tugas rumahtangga manakala anak lelaki lebih terdedah kepada rakan sebaya (peer-group).

Dalam famili tradisional khususnya famili Melayu seseorang itu akan hanya diterima menjadi anggota masyarakat sepenuhnya setelah mereka berkahwin. Oleh kerana itu setiap individu dijangka akan berkahwin dan mempunyai anak. Perkahwinan dan kekeluargaan adalah dianggap penting bukan untuk individu tetapi untuk perlanjutan famili besar dan unit ekonomi yang baru. Faktor-faktor ini boleh mempengaruhi proses pola sosialisasi mengikut jantina (sex-role socialization).

Anak-anak gadis lazimnya dibesarkan dengan persiapan untuk memainkan peranan sebagai isteri dan ibu. Lazimnya anak-anak akan menjadi pelatih kepada ibubapa mereka. Anak-anak perempuan akan menolong membuat kerja-kerja rumah seperti mencuci pinggan-mangkuk, membersih, mengemas rumah malahan menjaga adik yang lebih kecil semasa ibu tidak ada di rumah. Sementara itu anak lelaki akan

menjadi pelatih kepada bapa dengan mengikut bapa membuat kerja-kerja di luar rumah. Dengan lain kata, pemisahan antara lelaki menjadi pelatih kepada bapa dan anak perempuan menjadi pelatih kepada ibu telah juga memisahkan lingkungan lelaki dan wanita. Kelihatan bahawa rumahtangga adalah arena bagi perempuan dan dunia luar lingkungan rumahtangga adalah arena bagi lelaki.

Secara keseluruhannya pembahagian kerja secara sexual memperjelas fungsi suami dan isteri. Bott dalam kajiannya 'Family and Social Network' (1957) menyatakan:

> "All couples took it for granted that these should be a basic division of labour between husband and wife in which the husband was primarily responsible for supporting the family financially and the wife was primarily responsible for looking after the children and seeing the housework and cooking were done. The world will be upside down if the women went out to work and the husband stayed home to care for the house and children."
> (Fransella & Frost, 1977: 15)

Dalam Islam sendiri, tugas-tugas dalam rumahtangga dipertanggungjawabkan kepada wanita. Lelaki dijadikan sebagai manusia yang kuat, tegas, lebih bertenaga, lebih kasar dan boleh terdedah dalam suasana yang kasar. Wanita dijadikan sebagai manusia yang lemah lembut, pemalu, sensitif dan halus pandangannya. Jadi wanita diberi tugas yang sesuai dengannya.

Hujjah-hujjah bahawa pembahagian peranan antara lelaki dan wanita adalah berdasarkan faktor biologi dan psikologi serta faktor-faktor sosio-budaya terutamanya diperkatakan oleh dua tokoh terkemuka iaitu Ernestie Friedl (1976) dan Rosaldo M.Z. (1974).

Friedl E. (1976: 2) menyatakan terdapat dua aliran pemikiran yang bertentangan mengenai hal ini. Aliran pemikiran yang pertama telah melihat peranan wanita dari sudut biologikal dan psikologikal dan aliran kedua; dari sudut environmental (budaya dan sosial).

Menurut aliran pemikiran yang pertama, perbezaan dari segi biologi dan psikologi merupakan sebab-sebab yang efektif dalam pembahagian tugas dan hak di kalangan wanita dan lelaki dalam semua masyarakat. Perbezaan peranan yang berdasarkan biologi-psikologi yang diutarakan oleh Friedl E. ini adalah seperti yang telah dihuraikan.

Aliran kedua iaitu aliran environmentalis melihat pembahagian tugas antara jantina dari sudut budaya dan sosial. Menurut aliran pemikiran ini, peranan lelaki dan wanita lebih banyak dipengaruhi oleh persekitaran sosio-budaya masyarakat yang dianggotai. Penentuan peranan antara lelaki dan wanita adalah disebabkan oleh fungsi keadaan sosial dan budaya bukan kerana warisan biologikal semata-mata.

Menurut Friedl juga, konsep 'male-dominance' atau penguasaan oleh pihak lelaki wujud dalam mana-mana masyarakat. Konsep 'male-dominance' bererti pihak lelaki mendapat lebih banyak peluang untuk

memiliki sesuatu dan untuk melibatkan diri dalam berbagai bidang sama ada sosial, ekonomi dan politik. Kegiatan dan penglibatan mereka dalam masyarakat diberi nilai yang tinggi dan mereka mempunyai kuasa mengawal ke atas yang lain. Ini bermakna kuasa lebih banyak berada di pihak lelaki. Sedangkan peluang bagi kaum wanita adalah terhad kerana mereka tidak dapat melepaskan diri sepenuhnya dari tugas-tugas biologi.

Rosaldo M.Z. (1974) dalam menilai tingkahlaku manusia mengemukakan konsep 'sexual-assymetry' iaitu ketidakseimbangan penilaian dari segi budaya dan masyarakat ke atas peranan dan status antara lelaki dan wanita. Bagi Rosaldo, pertentangan antara aspek 'domestic' dan 'public' berkaitan dengan aspek psikologi, budaya dan organisasi sosial. Pembahagian antara 'domestic' dan 'public' inilah yang telah melahirkan konsep 'sexual-assymetry'.

Domestic merujuk kepada:

> "... those minimal institutions and modes of activity that are organised immediately around one or more mothers and the children."

Manakala public merujuk kepada:

> "... activities, institutions and forms of association that link, rank, organize or subsume particular mother child-group."
> (1974: 23)

Punca wanita tinggal dalam lingkungan domestic adalah kerana proses dan asas biologi yang menyebabkan mereka tidak dapat membebaskan diri dari peranan sebagai ibu, melahir dan membesarkan anak. Mengikut Rosaldo:

> "Women become absorbed in domestic activities because of their roles as mothers. Then economic and political activities are constrained by the responsibilities of child care, and the focus of their emotions and attentions is particularistic and directed towards children and the home."
> (1974: 24)

Walau bagaimanapun, pekerjaan wanita dalam rumahtangga tidak diberi nilai yang tinggi, walaupun wanita memperuntukkan sebahagian besar masa untuk rumahtangga. Sistem budaya lebih memberi keutamaan dan nilai kepada peranan dan aktiviti yang dilakukan oleh lelaki.

Menurut Rosaldo (1974: 19) dalam masyarakat Filipina misalnya, kaum lelaki berburu dalam kumpulan, manakala kaum wanita bercucuk-tanam (di kebanyakan tempat) secara individu. Walaupun padi yang ditanam oleh wanita menawarkan makanan pada keluarga, tetapi daging yang dikongsi oleh komuniti adalah merupakan makanan yang diberi nilai yang tinggi.

(b) <u>Peranan Wanita Sebagai Pekerja dan Ahli Masyarakat</u>

Stereotaip yang dikemukakan oleh golongan tradisionalis

seperti Rosaldo (1974), Friedl (1976), Dahlstrom (1962) dan Margaret Mead (1935) mendapat tentangan dari pengkaji baru yang dikenali sebagai golongan modernis yang terdiri dari Fransella & Frost (1977), Mednick (1975), Joan Huber (1973), Irene Tinker (1976) dan pengkaji-pengkaji lain yang sealiran, yang menekankan tentang perubahan dalam peranan kaum wanita.

Tugas wanita tidak lagi berkisar di sekitar rumahtangga semata-mata tetapi mereka telah menceburi bidang yang sama taraf dengan kaum lelaki. Peranan kaum wanita telah menjangkau lingkungan rumahtangga menembusi bidang sosial, ekonomi, politik dan kebudayaan. Bagi mereka yang tergolong dalam golongan moden menegaskan bahawa:

> "... the image of women as wife and mother only, and men as breadwinner is a myth..."
> (Fransella & Frost, 1977: 20)

Asas sosio-budaya dan alam keliling yang berhubung dengan perubahan yang berlaku dalam bidang sosio-ekonomi telah menyebabkan berlakunya perubahan dalam pandangan dan sikap masyarakat terhadap wanita, yang telah membenarkan mereka untuk melakukan sebahagian daripada pekerjaan yang bukan hanya dilakukan oleh kaum lelaki sahaja. Justeru itu sikap memandang rendah terhadap kaum wanita mula disingkir oleh masyarakat.

Ciri-ciri fizikal yang wujud secara semulajadi pada diri wanita tidak menghalang mereka dari melibatkan diri dalam berbagai

University of Malaya

kegiatan sosial dan aktiviti di luar rumah. Apa yang penting kaum wanita sendiri mesti menghapuskan segala pandangan tentang adanya perbezaan antara lelaki dan wanita. Didapati perubahan sosio-budaya boleh menyebabkan perubahan peranan antara lelaki dan wanita.

Dari segi biologi-psikologi, kaum lelaki dikatakan mempunyai sifat yang lebih cerdik, lebih banyak ciri-ciri fisiologi dan kebolehan daripada wanita yang menyebabkan kaum lelaki lebih berjaya daripada wanita. Bagaimanapun kajian-kajian selanjutnya menunjukkan bahawa konsep kecerdasan dan kebolehan yang berdasarkan jantina tidak lagi sesuai untuk menentukan perbezaan peranan antara lelaki dan wanita. Faktor motivasi boleh mempengaruhi kebolehan seseorang dalam pekerjaan tanpa mengira jantina. Penentuan persekitaran menunjukkan bagaimana proses sosialisasi seseorang telah mempengaruhi perbezaan peranan ini.

Perbezaan peranan sosial di kalangan lelaki dan wanita dalam masyarakat telah mulai berubah akibat daripada kemasukan industri moden. Perbezaan peranan bergantung pada interpretasi masyarakat itu sendiri mengenai apa yang dianggap sebagai kerja lelaki dan apa pula kerja wanita.

Peranan wanita sebagai pekerja bergantung pada tradisi tempatan dan dalam kontek sosial sesuatu masyarakat. Hallen and Rosemayr (1971) menyatakan pekerja kilang kain yang telah berkahwin di Austria, kerap memenuhi dan terlibat dengan pekerjaan mereka walaupun bayarannya rendah dan keadaan kerja yang tidak memuaskan.

Bagi mereka kerja telah menjadi satu tradisi (Fransella & Frost, 1977: 120).

Harriet Holter dan Lois Wladis telah memperkatakan tentang perubahan dalam peranan wanita dewasa ini. Menurut mereka, perubahan dalam peranan tersebut adalah dipengaruhi oleh perubahan teknologi. Dengan penggunaan alat-alat moden menyebabkan wanita mempunyai lebih banyak masa untuk ditumpukan kepada hal-hal yang dapat memperbaiki taraf hidup mereka (Mednick, 1975).

Kajian oleh Khadijah Hj. Mohammad (1969: 250) telah membuka jalan kepada perbincangan mengenai penglibatan wanita dalam pekerjaan dan implikasinya ke atas famili. Penemuan penting yang ditunjuk oleh beliau ialah penglibatan wanita dalam pekerjaan dan implikasinya ke atas famili. Penemuan penting yang ditunjuk oleh beliau ialah penglibatan wanita dalam pekerjaan telah mengubah corak keluarga daripada keluarga tradisional kepada keluarga yang berada di perantauan antara keluarga tradisional dan moden. Satu ciri utama yang ditemui dalam keluarga baru ini ialah kerjasama antara suami dan isteri dalam memikul urusan rumahtangga, perbelanjaan dan proses membuat keputusan.

Didapati industrialisasi bukan saja menambah pilihan pekerjaan yang lebih luas kepada kaum lelaki malah juga kepada kaum wanita. Taraf pendidikan yang diterima oleh lelaki dan wanita membolehkan mereka menjawat jawatan dalam sektor awam dan swasta.

Sebahagian besar dari wanita yang mendapat pendidikan formal akan bekerja. Golongan pekerja wanita ini khususnya wanita yang telah berkahwin rata-ratanya akan terus memainkan peranan tradisionalnya sebagai isteri dan ibu di samping peranan yang baru sebagai pekerja. Implikasi darinya akan wujud penyebaran kuasa antara suami isteri. Bagi wanita yang bekerja jumlah masa yang digunakan untuk anak-anak tidak penting tetapi bagaimana masa yang ada digunakan bersama-sama anak mereka adalah penting. Ibu yang bekerja akan menjadi 'role model' kepada anak-anak khususnya anak-anak perempuan.

Sering diandaikan bahawa penglibatan wanita dalam pekerjaan di luar rumah menyebabkan sumbangan yang diberikan dalam mengendali peranan dalam rumahtangga semakin berkurangan. Sebaliknya sumbangan suami semakin meningkat. Penemuan yang didapati dari hasil-hasil kajian yang telah dilakukan menunjukkan bahawa ada kerja-kerja rumah yang lebih kerap dilakukan oleh isteri dan ada kerja rumah yang dikongsi bersama. Walau bagaimanapun dianggap bahawa sumbangan suami dalam menjalankan tugas itu bukanlah suatu perkara baru terutama dalam famili Melayu. Misalnya tanggungjawab membeli bahan makanan dan pakaian untuk famili adalah hak suami. Para isteri diminta memberi pendapat.

Wanita yang bekerja mengalami sedikit masalah berhubung dengan peranan yang baru sebagai pekerja dan peranan tradisional

sebagai isteri dan ibu. Walau bagaimanapun masalah ini sementara sahaja dan kebanyakan mereka mengadakan beberapa strategi seperti mengambil pembantu rumah, meminta pertolongan suami dan anak, menghadkan masa kerja dan sebagainya. Jadi wanita yang bekerja terpaksa memegang tiga peranan iaitu sebagai isteri, ibu dan pekerja.

Dari kajian-kajian yang dijalankan menunjukkan kebanyakan wanita bekerja untuk mendapatkan wang. Wanita yang belum berkahwin, bekerja untuk diri mereka sendiri manakala yang telah berkahwin, bekerja untuk membantu keluarga mereka atau meninggikan taraf hidup keluarga.

Hoffmen (1963) berpendapat wanita yang menyatakan mereka bekerja 'untuk wang' mungkin mempunyai sebab lain mengapa mereka bekerja. Sesungguhnya wanita yang mempunyai anak mungkin tidak mahu memberitahu yang mereka suka untuk bekerja, takut dikatakan mereka menolak keluarga dan anak mereka. Wang adalah sebab yang boleh diterima tetapi terdapat faktor-faktor lain yang menyebabkan wanita bekerja (Fransella & Frost, 1977: 119).

Latarbelakang yang menyebabkan wanita bekerja atau guna tenaga wanita dan hal yang memungkinkannya telah dikaji semula oleh Hoffmen & Nye (1974). Menurut mereka jika kaum wanita boleh mengatasi masalah dan peranan mereka sebagai isteri dan ibu, maka mereka memerlukan sesuatu untuk diri mereka daripada pekerjaan yang diceburi. Jadi untuk apakah wanita bekerja? Dalam satu kajian di Amerika mengenai

University of Malaya

wanitanya, Sobol (1963) mendapati 21% daripada wanita berkenaan berkata mereka bekerja untuk membuat sesuatu yang penting, untuk mempunyai kerjaya dan sukakan pekerjaan itu. Bagi wanita yang mempunyai anak yang telah besar menyatakan mereka bekerja untuk kepuasan peribadi (Fransella & Frost, 1977: 119).

Secara idealnya seorang wanita sepatutnya mesti menumpukan sepenuh perhatian kepada keluarga dan rumahtangga tetapi wanita telah mempercayai bahawa cara untuk membangun keluarga dan negara adalah dengan cara meninggikan taraf ekonomi.

Pada masa dahulu wanita dianggap lemah dalam masyarakat. Kedudukan demikian mula berubah apabila wanita terlibat dalam proses pendidikan dan menerima pelajaran yang telah mengubah corak dan susunan masyarakat. Peranan wanita tidak hanya terikat kepada rumahtangga tetapi telah mula bergerak bebas dalam masyarakat.

Kebebasan wanita untuk berhubung menyebabkan wanita semakin aktif dalam aktiviti luar rumahtangga. Isteri mempunyai kuasa dalam membuat keputusan dan suami menerima pandangan tersebut. Dalam soal membuat keputusan wanita dapat memberi ide yang tidak lagi dianggap tidak penting dan dalam kepimpinan wanita telah muncul menjadi pemimpin.

Kaum wanita telah banyak menyeimbangkan tugas tradisionalnya sebagai isteri dan ibu dengan tugas dan peranan sebagai pekerja dengan

kerjaya masing-masing. Penyertaan wanita dalam semua bidang adalah perlu untuk pembangunan negara dan anggapan serta pandangan yang menyatakan bahawa wanita hanya sesuai untuk kerja-kerja 'domestic' sudah tidak sesuai lagi.

Kesimpulannya dalam menghurai dan menjelaskan mengenai konsep peranan wanita ini pengkaji mengemukakan dua aliran yang berbeza.

Aliran pertama iaitu golongan tradisionalis menyatakan bahawa penentuan peranan antara lelaki dan wanita adalah berdasarkan pada perbezaan biologi-psikologi serta faktor sosio-budaya. Berdasarkan faktor biologi dan psikologi inilah yang menyebabkan wanita harus tinggal dalam lingkungan 'domestic'.

Sementara aliran kedua yang tidak sependapat dengan golongan tradisionalis dikenali sebagai golongan modenis yang menyatakan bahawa peranan seperti ini tidak semestinya berterusan kerana boleh diubahsuai mengikut faktor sosio-budaya dan persekelilingan. Faktor-faktor pendorong seperti keperluan ekonomi, pendidikan dan pelajaran, motivasi serta perubahan teknologi dan sebagainya telah menyebabkan peranan wanita tidak lagi tertumpu dalam lingkungan 'domestic'. Faktor-faktor biologi dan psikologi tidak seharusnya menghalang wanita dari bergiat di luar rumahtangga.

University of Malaya

Dengan mengemukakan konsep-konsep ini, pengkaji ingin melihat sejauhmana pendapat yang dikemukakan oleh golongan tradisionalis dapat diaplikasikan kepada kaum wanita di kawasan kajian dan apakah faktor-faktor yang mendorong wanita di kawasan ini bekerja dan bergiat di luar daripada lingkungan rumahtangga seperti mana yang dikemukakan oleh golongan modenis.

1.6.2 Konsep Kemiskinan

Kemiskinan adalah konsep yang mengandungi berbagai pengertian dan tanggapan serta mudah pula dipengaruhi oleh perasaan. Perbezaan ini timbul disebabkan perbezaan pendekatan kajian. Penggunaan dan pemahaman yang kurang tepat mengenai konsep ini akan memberi gambaran yang mengelirukan mengenai keadaan sebenar taraf hidup sesebuah negara.

Dalam memberi ukuran kemiskinan ini, tidak ada ukuran yang diterima secara universal. Tidak adanya penetapan ini adalah disebabkan kemajuan antara tiap negara dan susunlapis masyarakat adalah berbeza. Adalah suatu perkara yang mustahil untuk mengambil ukuran kemiskinan di negara-negara maju seperti Amerika Syarikat dan Jepun dan negara-negara Eropah untuk dibanding dengan Malaysia atau negara membangun yang lain. Para pentadbir mengambil kira satu bentuk penetapan kriteria kemiskinan mutlak misalnya, 'garis kemiskinan'.

Di Malaysia bilangan isi rumah dan kadar kemiskinan dikira berasaskan satu penetapan garis kemiskinan. Kemiskinan telah ditakrif

dan diukur berasaskan taraf hidup yang terdapat di dalam negara selaras dengan keadaan negara ini dan tidak boleh dibanding dengan negara-negara lain. Kemiskinan telah dianggapkan sebagai keupayaan purata sesebuah isi rumah untuk mendapatkan barang-barang dan perkhidmatan asas.

Dua konsep kemiskinan yang biasa digunakan ialah kemiskinan mutlak iaitu kemiskinan yang berasaskan konsep secukup hidup dan kemiskinan relatif yang merupakan keadaan yang tidak seimbang di kalangan berbagai golongan pendapatan. Konsep kemiskinan mutlak telah diterima dengan meluas berbanding dengan konsep kemiskinan relatif yang jarang diketengahkan.

(a) <u>Konsep Kemiskinan Mutlak</u>

Konsep kemiskinan mutlak telah diterima dengan meluas kerana ianya bertujuan menjelaskan kemiskinan sebagai kekurangan pendapatan yang diperlukan untuk memenuhi keperluan-keperluan sarahidup yang minimum.

Ukuran kemiskinan mutlak yang kerap digunakan ialah kadar kemiskinan, iaitu peratusan penduduk atau isi rumah yang mempunyai taraf hidup yang lebih rendah daripada garis kemiskinan yang ditentukan.

Pendapatan di garis kemiskinan ialah satu tingkat pendapatan sesebuah isi rumah untuk membolehkannya secara purata menikmati makanan berzat yang mencukupi yang biasanya ditakrif mengikut kiraan

kalori dan keperluan-keperluan lain seperti pakaian dan alas kaki, sewa tempat kediaman, bahan api dan tenaga, pengangkutan dan perhubungan, kesihatan, pelajaran dan rekreasi. Garis kemiskinan ini bukan saja keperluan makanan tetapi meliputi keperluan-keperluan lain. Oleh yang demikian garis yang ditakrifkan di negara ini mengambil kira taraf hidup di Malaysia yang jauh lebih tinggi daripada negara-negara membangun yang lain.

Ukuran secara mutlak tidak sesuai untuk semua negara kerana garis kemiskinan yang ditetapkan adalah berbeza antara satu negara dengan negara lain. Bagi Malaysia mengikut Laporan Unit Penyelidikan Sosio-Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (SERU) dalam Mingguan Malaysia 22 September 1985, garis kemiskinan di Malaysia bagi tahun 1983 ialah $384.00 sebulan. Ini bermakna individu atau keluarga yang mempunyai paras pendapatan di bawah garis kemiskinan ini digolong sebagai miskin.

Ukuran mutlak ini mempunyai beberapa kelemahan kerana garis kemiskinan ditetapkan dengan sewenang-wenangnya. Pengukuran mutlak juga kurang berkesan sebab mungkin ada perbezaan-perbezaan antara kumpulan yang berlainan. Pengukuran secara mutlak berdasar pada keperluan hidup adalah tidak lengkap kerana terdapat banyak masalah dan kesukaran untuk mempastikan secara objektif jenis dan perbelanjaan yang dapat dianggap sebagai perbelanjaan untuk memenuhi keperluan-keperluan asas kerana keperluan asas manusia sering berubah akibat

urbanisasi serta perbezaan indeks harga antara tiap negara. Ukuran mutlak juga tidak sesuai kerana tiap garis pendapatan kemiskinan yang dikemukakan harus disesuaikan dengan kemajuan sesuatu negara dan taraf hidup rakyatnya.

Penggunaan sesuatu pendapatan garis kemiskinan untuk mengukur tingkat dan keadaan kemiskinan telah diketahui kelemahannya. Walaupun pendapatan menunjukkan kedudukan ekonomi seseorang atau sesebuah isi rumah ianya tidak dapat menggambarkan kebajikan atau taraf hidup sebenar mereka. Perbezaan kos hidup antara kawasan bandar dan luar bandar juga tidak diambil kira dalam penetapan garis kemiskinan mutlak ini.

(b) <u>Konsep Kemiskinan Relatif</u>

Kemiskinan boleh ditakrifkan dengan memuaskan hanya secara relatif dengan mengambil kira keadaan sesebuah masyarakat atau negara berkenaan. Tidak terdapat satu takrif kemiskinan yang khusus yang boleh digunakan untuk semua negara pada setiap masa tanpa mengambil kira struktur masyarakat dan tahap pembangunan di negara berkenaan. Terdapat negara-negara yang mengalami kemiskinan tetapi keadaannya adalah berbeza daripada keadaan kemiskinan yang dialami oleh negara-negara maju hingga yang terdapat di negara-negara membangun yang telah mencapai kejayaan ekonomi serta mempunyai pendapatan dan taraf hidup yang tinggi.

University of Malaya

Kemiskinan relatif merangkumi kedua-dua konsep kemiskinan mutlak dan pendapatan yang tidak seimbang kerana ianya mengandungi beberapa aspek daripada konsep tersebut. Pendekatan perbandingan (relatif) ialah membandingkan kemiskinan dengan keadaan kedudukan taraf hidup masyarakat itu keseluruhan iaitu yang secara terus mengaitkan kemiskinan dengan agihan pendapatan dalam masyarakat tersebut. Oleh itu boleh dikatakan seseorang itu miskin apabila pendapatannya menunjukkan kurang daripada pendapatan purata penduduk. Ukuran kemiskinan relatif ini lebih menekankan aspek kemasyarakatan yang berkaitan dengan susunlapis masyarakat dan ketidakseimbangan sosio-ekonomi yang menyebabkan terjadinya ukuran demikian.

E.J. Hobsbawn dalam International Encyclopedia of Social Science memberi tiga makna kemiskinan iaitu kemiskinan sosial, kepapaan dan kemiskinan moral. Kepapaan menerangkan mengenai kategori orang yang tidak berupaya untuk menampung diri mereka sendiri dalam semua segi atau pada had yang minima tanpa bantuan luar. Kemiskinan moral melihat kemiskinan dari segi sistem nilai masyarakat atau kumpulan-kumpulan kecil institusi, ia didefinisikan kemiskinan itu sebagai moral yang dapat diterima dan status yang diberikan kepada mereka atau menghalang orang miskin dari bergembira.

Konsep kemiskinan sosial mempunyai hubungan dengan konsep kemiskinan secara relatif iaitu ianya tidak sahaja disebabkan ketidakseimbangan ekonomi tetapi juga ketidakseimbangan sosial.

Menurut E.J. Hobsbawn:

> "Social poverty implies not merely economic inequality (of property, income, living standards, etc.) but also social inequality, that is a relation of inferiority, dependence, or exploitation. In other words, it implies the existence of a social stratum definable by, among other things, lack of wealth. In this sense poverty is relative, implying no particular level of income or amount of property..."
>
> (David L. Sills, 1968: 398)

Tegasnya kemiskinan tidak semata-mata berdasarkan aspek harta tetapi kedudukan yang rendah dalam hierarki sosial. Menurutnya lagi,

> "However, the contrast is also at all times with the power and privilege that go with wealth; and consequently poverty always implies weakness and a low position in the social hierarchy, or personal inferiority. That the upper social classes are rich, the lower poor, is generally taken for granted."
>
> (David L. Sills, 1968: 399)

Adalah sukar untuk mengukur kemiskinan dari sudut bukan material seperti perasaan rendah diri, untuk mendapat peluang dan status golongan miskin ini. Sebahagian daripada aspek-aspek ini diukur secara berasingan/tersendiri (misalnya, untuk mendapat kemudahan pelajaran dan pekerjaan), tetapi keadaan-keadaan seperti frustrasi, dendam dan tidak mempunyai hak-hak keistimewaan sepenuhnya setakat ini dielakkan untuk dibuat ukuran dan perbandingan. Masalah ini menjadi complicated disebabkan perubahan sosial atau disintergrasi sosial.

Ahli-ahli sosiologi pula, melihat kemiskinan tidak semata-mata berdasarkan kepada pendapatan yang diterima oleh seseorang. Mereka berpendapat faktor-faktor lain seperti pengagihan pendapatan, peluang sosial dan ekonomi juga perlu dilihat dalam menghurai konsep konsep kemiskinan. Kebanyakan ahli sosiologi melihat kemiskinan dari rangkakerja (framework) masalah sosial. Mereka lebih menumpukan perhatian dalam penghuraian sebab dan akibat kemiskinan yang dialami oleh sesuatu golongan masyarakat. Mereka memberi pengertian kemiskinan seperti berikut:

> "Poverty may be regarded as subsistence inequality or externality. Subsistence is concerned with minimum provision needed to maintain health and working capacity .... Inequality is concerned with relative position of income group to each other.... Externality is concerned with the social consequences of poverty for the rest of society rather than in terms of the needs of the poor."
>
> (Martein Rein, 1974: 46)

Beberapa masalah juga timbul dalam usaha menentukan bagaimana kemiskinan relatif patut diukur. Sesuatu kumpulan itu ditakrifkan sebagai miskin berbanding dengan kedudukan kumpulan lain dalam masyarakat. Sebagaimana ukuran kemiskinan mutlak, ukuran kemiskinan relatif juga mempunyai beberapa batasan tertentu. Berasaskan pendapatan kumpulan 40 peratus terendah sebagai ukuran, pertumbuhan ekonomi dianggap dapat mengurangkan kemiskinan relatif dan meningkatkan kebajikan masyarakat apabila pendapatan purata kumpulan tersebut meningkat (Rancangan Malaysia Kelima, 1986 - 1990: 97).

University of Malaya

Berdasarkan kajian yang dilakukan, kemiskinan di kawasan ini adalah lebih bercorak relatif kerana hanya enam rumahtangga (12%) berpendapatan di bawah garis kemiskinan yang ditetapkan iaitu $384 sebulan. Walaupun majoriti rumahtangga berpendapatan melebihi garis kemiskinan, perhatian perlu diberi kepada perbezaan keadaan hidup antara kawasan bandar dan luar bandar, apabila membuat perbandingan mengenai paras kemiskinan antara kedua kawasan tersebut. Paras harga dan kos hidup adalah berbeza antara kawasan bandar dan luar bandar. Perbezaan angkatunjuk harga pengguna antara kawasan bandar dan luar bandar dianggarkan kira-kira 10% - 12% (Rancangan Malaysia Kelima, 1986 - 1990: 107). Ini menunjukkan bahawa kos hidup di bandar adalah lebih tinggi daripada luar bandar.

## 1.7 Latarbelakang Tempat Kajian

Fokus kajian ialah kawasan setinggan Kg. Hj. Abdullah Hukum, Jalan Bangsar, Kuala Lumpur. Kampung ini dicantumkan dengan beberapa kampung sekitarnya dan mempunyai keluasan 17.2 hektar. Disebabkan banjir sering melanda kawasan ini, Dewan Bandaraya telah membina rumah pangsa di seberang Sungai Kelang pada tahun 1980. Ini bermakna kampung ini terbahagi kepada dua. Dengan itu kampung yang ada ini mempunyai keluasan 5.2 hektar yang merangkumi Kampung Paya dan Kampung Lalang.

Dari segi fizikal, kawasan ini dialiri oleh Sungai Kelang dan amat berdekatan dengan landasan keretapi. Rumah-rumah yang di-

dirikan kebanyakannya berbentuk rumah orang-orang Melayu yang terdapat di kampung-kampung dan terdapat juga rumah-rumah panjang yang didirikan oleh pihak Dewan Bandaraya setelah berlakunya kebakaran di kawasan ini pada tahun 1974.

1.7.1 Sejarah Kampung

Kg. Hj. Abdullah Hukum dinamakan sempena penerokanya yang pertama berasal dari Sungai Abu, Kerinci, Indonesia. Sebelum berangkat ke Tanah Suci untuk menunaikan fardu haji, Allahyarham Hj. Abdullah dikenali sebagai Ria Jaya. Sekembalinya dari Tanah Suci, beliau dianugerahkan sebidang tanah seluas kira-kira 0.5 hektar oleh Sultan Selangor, Tuanku Abdul Samad kerana jasa-jasanya ketika bertugas di istana baginda.

Hj. Abdullah membuka kampung itu pada tahun 1946 bersama beberapa pengikutnya. Beliau memang terkenal dengan ketegasannya mentadbirkan kampung itu serta menghukum penduduknya yang melakukan kesalahan. Oleh itu kampung ini terkenal dengan keadaannya yang aman dan penduduknya yang hidup saling bantu-membantu. Dengan sebab itu kampung ini terkenal sebagai Kg. Hj. Abdullah Hukum.

Kebanyakan orang-orang Melayu menduduki kawasan ini selepas Peristiwa 13 Mei, 1969. Sebelum peristiwa ini ianya diduduki oleh orang-orang Cina. Sebelum tahun 1974 tanah di sini adalah tanah TOL (Temporary Occupational Land) tetapi selepas 1974 TOL ditarik balik,

maka kawasan ini menjadi kawasan setinggan. Kebakaran juga sering terjadi iaitu pada tahun 1974, 1977 dan 1980 menyebabkan kerajaan telah mendirikan beberapa buah rumah panjang di kawasan ini.

### 1.7.2 Struktur Kepimpinan dan Organisasi

Kawasan ini di bawah pentadbiran Dewan Bandaraya, Kuala Lumpur dan mereka mempunyai struktur kepimpinan yang tersendiri. Pemimpinnya digelar Ketua Kampung. Terdapat berbagai pertubuhan dan organisasi yang mempunyai struktur kepimpinannya.

Di kampung ini telah wujud cawangan UMNO iaitu Cawangan UMNO Kg. Hj. Abdullah Hukum Bersatu sejak tahun 1960an lagi. Di peringkat cawangan ini juga terdapat biro khas untuk wanita dan pemuda yang dikenali sebagai Jawatankuasa Pergerakan Pemuda dan Jawatankuasa Pergerakan Wanita. Di bawah organisasi UMNO ini telah diwujudkan beberapa struktur kepimpinan misalnya Jawatankuasa Surau.

Di atas inisiatif UMNO cawangan juga, telah mengwujudkan berbagai organisasi dan gerakan seperti Persatuan Belia, RELA, Kegiatan KEMAS, Persatuan Pemadam dan sebagainya.

### 1.7.3 Demografi dan Pekerjaan

Lokasinya yang strategi untuk aktiviti ekonomi sama ada formal atau informal menyebabkan kawasan ini menjadi tumpuan 3,000 penduduk dengan pecahan bangsa 80% Melayu, 15% India dan 5% lagi

penduduk adalah terdiri dari bangsa Cina.

Banyak terdapat kemudahan pekerjaan di kawasan sekitarnya iaitu pekerjaan bawahan yang tidak memerlukan kelulusan akademik dan kemahiran yang tinggi. Terdapat banyak pejabat-pejabat kerajaan dan swasta serta kilang-kilang di kawasan ini yang mendorong penghuni setinggan ini menjalankan perniagaan kecil-kecilan terutama menjadi penjaja makanan.

Pecahan pekerjaan bagi penduduk di kampung ini ialah 60% buruh, 20% menjalankan perniagaan dan 20% lagi bekerja di pejabat-pejabat sama ada sebagai kakitangan kerajaan atau swasta.

(a) Buruh

Majoriti penduduk (60%) di kampung ini bekerja sebagai buruh. Kebanyakan mereka menjadi buruh di kilang-kilang seperti di kawasan Petaling Jaya, Sungai Way, Shah Alam dan sebagainya.

Boleh dikatakan lokasi tempat kerja mempengaruhi tempat tinggal mereka. Ini ialah kerana majoriti golongan buruh ini adalah pekerja-pekerja di pejabat Lembaga Letrik Negara (LLN) yang terletak amat berdekatan dengan kampung sehingga mereka boleh berjalan kaki ke tempat kerja. Hal ini sudah tentu dapat menjimatkan belanja dan kos.

Pekerjaan sebagai buruh adalah yang paling mudah diperolehi sesuai dengan taraf pelajaran mereka yang rendah memandangkan pekerjaan ini tidak memerlukan kelulusan dan kemahiran yang tinggi. Pekerjaan ini juga amat senang didapati kerana sektor perkilangan misalnya amat memerlukan tenaga buruh dan penduduk setinggan merupakan sumber utama tenaga buruh ini.

Selain daripada itu, ramai penduduk di sini yang bekerja sebagai driver sama ada dengan syarikat-syarikat, bank, orang perseorangan dan sebagainya dan juga bekerja sebagai pengawal keselamatan.

Oleh kerana pekerjaan sebagai buruh tidak memberikan pendapatan yang lumayan, majoriti golongan ini membuat kerja lebih masa dan kerja sambilan seperti menjalankan perniagaan kecil-kecilan untuk menambah pendapatan. Purata pendapatan pekerjaan sebagai buruh ini ialah $350 sebulan.

(b) <u>Menjalankan Perniagaan</u>

Dalam kegiatan ini terdapat penduduk yang menjalankannya secara kecil-kecilan dan ada yang mengusahakan secara yang lebih besar.

Perniagaan yang dijalankan secara kecil-kecilan misalnya berjaja makanan di luar daripada kawasan ini, menjual makanan ringan di rumah-rumah sendiri, menjalankan perniagaan-perniagaan lain seperti buah-buahan dan sebagainya, membuat kuih-muih untuk dijual dan

University of Malaya

berbagai-bagai lagi. Pekerjaan ini amat mudah dilakukan kerana bagi mereka yang tidak mempunyai kelulusan akademik yang tinggi hanya dengan cara ini mereka dapat menampung hidup di bandar. Berbanding dengan pekerjaan sebagai buruh, kegiatan perniagaan secara kecil-kecilan ini memberi keuntungan yang agak lumayan memandangkan tidak banyak modal yang diperlukan dan juga sambutan yang menggalakkan dari pelanggan. Misalnya kegiatan berjaja makanan amat menggalakkan kerana ramai penduduk bandar yang sibuk tidak berpeluang memasak sendiri makanan mereka.

Terdapat juga di kalangan penduduk di sini yang menjalankan perniagaan dengan agak besar misalnya sebagai pembekal makanan, perniagaan kedai runcit, perniagaan membeli dan menjual ayam daging, perniagaan minyak tanah dan sebagainya. Kegiatan perniagaan ini lebih memerlukan modal yang besar dan kebanyakan mereka yang menjalankan perniagaan ini mempunyai kenderaan sendiri seperti van dan motokar untuk kemudahan pengangkutan. Purata pendapatan mereka yang menjalankan perniagaan ini ialah $600 sebulan.

Kerajinan dan minat menjadi faktor penting dalam menjalankan perniagaan ini. Kebanyakan mereka bekerja kuat untuk menambah pendapatan. Waktu kerja adalah tidak tetap; ramai antara mereka yang bekerja pada tiap-tiap hari termasuk hari minggu.

(c) Pekerjaan Pejabat

20% penduduk kawasan ini bekerja di pejabat-pejabat sama ada sebagai kakitangan kerajaan dan juga kakitangan swasta. Mereka melibatkan diri dalam bidang pentadbiran terutama di bidang perkeranian. Majoriti penduduk di kawasan ini mempunyai taraf pelajaran yang rendah, jadi pekerjaan di bidang perkeranian adalah yang sesuai dengan mereka.

Hanya segelintir kecil yang memiliki taraf pelajaran yang tinggi dan berupaya menjawat jawatan yang agak tinggi dalam hierarki pekerjaan. Terdapat juga segolongan kecil penduduk di sini adalah terdiri daripada anggota polis dan tentera.

Kesimpulannya penduduk di sini melibatkan diri dalam struktur pekerjaan bandar. Dapatlah dikatakan bahawa status pelajaran mempengaruhi struktur pekerjaan mereka. Oleh kerana majoriti penduduk memiliki taraf pelajaran dan kemahiran yang rendah mereka tidak berupaya menjawat jawatan yang tinggi dalam struktur pekerjaan. Namun begitu, ini tidak menghalang mereka daripada memperolehi pendapatan yang agak lumayan. Misalnya dengan menceburkan diri dalam bidang perniagaan.

1.7.4 Kemudahan Asas

Kemudahan asas sentiasa diberi keutamaan oleh pihak Dewan Bandaraya yang telah membelanjakan kira-kira $39,000 untuk membina jalan tar dan pagar sepanjang landasan keretapi berhampiran.

University of Malaya

Kemudahan-kemudahan lain seperti bekalan letrik, paip awam, pondok telefon dan dua buah surau yang berfungsi untuk kelas agama, kelas muqaddam, kelas fardu ain, kelas kaum ibu dan juga ceramah-ceramah. Juga terdapat dua buah dewan yang berfungsi untuk kelas Tadika, kegiatan KEMAS dan projek Nadi Sang Kancil yang menyediakan kemudahan klinik untuk ibu mengandung dan kanak-kanak dan juga kelas TADIKA. Lain-lain kemudahan seperti Persatuan Silat, RELA, PEMADAM dan sebagainya. Persatuan-persatuan yang ada ini membolehkan penduduk bergiat cergas di dalamnya.

BAB II

PERANAN WANITA DALAM KELUARGA DAN RUMAHTANGGA

## 2.1 Pola-Pola Kekeluargaan

Kajian yang dijalankan terhadap 50 rumahtangga menunjukkan bentuk famili yang terdapat di kawasan ini adalah bentuk famili asas dan famili luas, iaitu 54% rumahtangga berbentuk famili asas, manakala selebihnya berbentuk famili luas.

Dalam famili luas ini terdapat anak-anak yang telah berkahwin terus tinggal dengan famili asas dan juga famili asas disertai oleh keluarga dekat isteri atau suami seperti ibu, abang, adik dan saudara mara yang berhijrah ke bandar untuk bekerja. Saudara-saudara yang menumpang ini boleh mengurangkan bebanan dari segi ekonomi kerana mereka menyumbangkan sejumlah wang tertentu kepada famili asas dan juga turut membantu kerja-kerja dalam rumahtangga.

Didapati di sini, jumlah famili luas agak tinggi (46%). Keadaan ini disebabkan kos hidup yang tinggi di bandar menyebabkan mereka tidak mampu untuk menyewa rumah sendiri, serta kemiskinan yang dialami menyebabkan ikatan kekeluargaan itu lebih kuat. Jadual 1 menunjukkan taburan responden mengikut pola-pola kekeluargaan.

University of Malaya

Jadual 1: Taburan Responden Mengikut Pola-Pola Kekeluargaan

| Bentuk Keluarga | Jumlah Responden | Peratus |
|---|---|---|
| Famili Asas | 27 | 54 |
| Famili Luas | 23 | 46 |
| Jumlah | 50 | 100 |

Bentuk famili dan jumlah ahli dalam famili ini penting kerana ia sedikit sebanyak menentukan peranan dan beban tugas responden dalam rumahtangga.

Jadual 2: Jumlah Ahli Dalam Rumahtangga

| Jumlah Dalam Keluarga | Jumlah Responden | Peratus |
|---|---|---|
| 0 - 3 | 5 | 10 |
| 4 - 6 | 27 | 54 |
| 7 - 9 | 13 | 26 |
| 10 Ke Atas | 5 | 10 |
| Jumlah | 50 | 100 |

Kebanyakan responden tergolong dalam keluarga yang berjumlah antara empat hingga enam orang (54%), diikuti dengan bilangan tujuh hingga sembilan orang (26%). Hanya 10% responden tergolong dalam keluarga yang mempunyai ahli kurang dari tiga orang dan juga lebih

dari sepuluh orang.

Boleh dikatakan hampir semua responden yang ditemui berasal dari luar kawasan ini. Jadi terdapat saudara-saudara yang menumpang apabila mereka berhijrah ke bandar.

Jadual 3: Negeri Asal Responden

| Negeri Asal Responden | Jumlah Responden | Peratus |
|---|---|---|
| Melaka | 13 | 26 |
| Perak | 12 | 24 |
| Selangor | 10 | 20 |
| Negeri Sembilan | 5 | 10 |
| Johor | 5 | 10 |
| Wilayah Persekutuan | 1 | 2 |
| Kedah | 1 | 2 |
| Pulau Pinang | 1 | 2 |
| Terengganu | 1 | 2 |
| Kelantan | 1 | 2 |
| Jumlah | 50 | 100 |

Majoriti responden berasal dari negeri-negeri berhampiran seperti Melaka, Perak dan Selangor. Kebanyakan mereka berhijrah ke Kuala Lumpur kerana mengikut suami setelah berkahwin (48%) untuk memulakan penghidupan baru di sini, 30% berhijrah disebabkan bekerja

University of Malaya

sebelum berkahwin, 18% mengikut keluarga dan 4% lagi memang dilahirkan di kawasan ini kerana ibubapa mereka juga menetap di kampung yang sama.

Oleh kerana majoriti responden berasal dari luar bandar, maka penghijrahan mereka ke bandar sedikit sebanyak menentukan pandangan, nilai dan corak hidup mereka yang tidak sepenuhnya diresapi unsur-unsur bandar.

Walaupun kehidupan bandar amat mencabar, 66% responden bercadang untuk terus menetap di sini. Ini menunjukkan walaupun mereka hidup dalam keadaan kemiskinan berbanding dengan masyarakat sekitar dan kos hidup pula tinggi, mereka sanggup berhadapan dengan cabaran hidup di kota untuk terus menetap di sini.

28% responden pula bercadang untuk balik ke kampung asal sama ada kampung suami atau isteri apabila tamat tempoh pekerjaan. Bagi mereka, hidup di kampung lebih baik. Bandar hanyalah tempat sementara untuk mencari rezeki sementara umur masih muda. 6% lagi tidak dapat menentukan keputusan mereka sama ada menetap atau balik ke kampung asal dan ini semua bergantung kepada keadaan.

## 2.2 Peranan Wanita Dalam Rumahtangga

Seringkali apabila membincang mengenai peranan wanita, perhatian kita lebih tertumpu kepada ruang 'private'. Ini ialah kerana kehidupan wanita tidak dapat dipisahkan dari tugas-tugas dan peranan dalam rumahtangga yang merupakan tugas tradisi kaum wanita.

Oleh kerana ada responden selain dari menjadi suri rumah, mereka juga bergiat dalam ekonomi untuk menambah pendapatan keluarga (seperti yang akan dibincangkan dalam Bab III), maka pada pendapat responden-responden berkenaan pembahagian tugas dalam rumahtangga yang 'rigid' ini seharusnya tidak menjadi ikutan. Kajian menunjukkan hanya 48% responden yang menjadi suri rumah sepenuh masa.

Jadual 4: Pekerjaan Responden

| Pekerjaan Responden | Jumlah Responden | Peratus |
|---|---|---|
| Suri Rumah | 24 | 48 |
| Pekerjaan Formal | 11 | 22 |
| Pekerjaan Informal | 15 | 30 |
| Jumlah | 50 | 100 |

Wanita-wanita yang bekerja tidak terlepas dari tanggungjawab dalam rumahtangga, cuma apabila mereka keluar bekerja, tugas menjaga anak diambil alih oleh orang lain atau institusi lain. Ini bermakna bagi wanita yang bekerja, mereka terpaksa memainkan dua peranan. Namun begitu, tugas-tugas rumahtangga tidak diabaikan kerana mereka mampu melakukan dua tugas yang berbeza ini.

Secara idealnya, di dalam sesebuah rumahtangga, suami dianggap sebagai ketua manakala isteri berperanan sebagai pembantu suami dalam segala urusan rumahtangga. Namun begitu bagi wanita-wanita

di sini, mereka turut memainkan peranan penting seperti membantu suami mencari nafkah hidup, memberi pandangan dan pendapat, mengatur perbelanjaan dan sebagainya. Oleh kerana ada responden yang juga menjadi penyumbang dari segi kewangan, maka pendapat dan pandangan mereka tidak dipandang rendah oleh suami.

Wanita juga berperanan sebagai pengurus dan pentadbir rumahtangga. Dalam menjalankan tugas-tugas ini, ia mestilah pandai berjimat-cermat dari segi ekonomi seta pandai merancangkan kerja-kerjanya.

2.2.1 Peranan Wanita Sebagai Isteri

Semua responden yang ditemui berstatus sebagai isteri. Tidak ada responden yang berstatus sebagai janda menunjukkan di kalangan responden tidak berlaku perceraian. Kajian Azizah Kassim (1985: 161) juga menunjukkan kadar perceraian yang rendah di kawasan setinggan yang dikajinya iaitu 3% perceraian di kalangan mereka yang berkahwin berbanding dengan penduduk bandar yang lain. Dalam beberapa kes misalnya di Petaling Jaya adalah ditaksirkan kadar perceraian adalah 25% setahun (Azizah Kassim, 1982).

Sebagai seorang isteri, sudah tentu terdapat perbezaan peranan berbanding semasa mereka belum berumahtangga. Beban tugas sudah pasti lebih berat terutama dari segi tanggungjawab yang harus dipikul.

Ternyata tugas-tugas dalam rumahtangga seperti menjaga anak, memasak, mencuci pakaian dan sebagainya mengambil masa yang banyak dalam kehidupan mereka seharian. Jadual di bawah menunjukkan kekerapan kerja dalam rumahtangga.

Jadual 5: Kerja-Kerja Dalam Rumahtangga

| Jenis Tugas | Kekerapan Melakukannya | |
|---|---|---|
| | Setiap Masa | Kadang-Kadang |
| Memasak | Isteri | Anak/Adik Perempuan |
| Membasuh | Isteri | Anak/Adik Perempuan |
| Mengemas Rumah | Isteri/Anak Perempuan | Anak Perempuan |
| Membersih Kawasan Sekeliling | Isteri/Suami | Anak Lelaki |
| Menjaga Anak | Isteri | Suami/Anak Perempuan |
| Mengambil Air | Isteri | Suami/Anak |
| Pergi Pasar | Isteri | Suami |

Dari kekerapan kerja seperti di atas, ternyata isteri orang yang banyak melakukan kerja-kerja dalam rumahtangga. Ini menunjukkan tugas-tugas dalam rumahtangga masih merupakan monopoli isteri. Tidak dapat dinafikan kadangkala suami mereka memberi bantuan jika keadaan memerlukan, misalnya jika isteri sakit, isteri tiada di rumah, sibuk dan sebagainya. Jika keadaan tidak mendesak, suami tidak rela mengambil alih tugas isteri. Terdapat responden yang menyatakan mereka langsung

tidak mendapat bantuan dari suami.

Bagi kaum wanita di sini, mereka terpaksa bangun awal pagi untuk menyediakan sarapan untuk suami yang akan pergi bekerja dan juga anak-anak yang akan ke sekolah, mengemas rumah, mencuci pakaian dan berbagai-bagai kerja lagi. Penghuni-penghuni setinggan ini menggunakan kemudahan paip awam dengan mengikut giliran masing-masing, iaitu dua jam dalam sehari dikhaskan kepada setiap rumahtangga. Adalah juga menjadi tugas kaum wanita untuk memasang getah di paip awam ini untuk menyalirkan air ke rumah terutama jika giliran mereka di waktu pagi.

Kebanyakan responden berkenaan menyatakan tidak sempat untuk berehat, tiba pula waktu tengahari, makan tengahari pula mesti disediakan. Mereka hanya dapat berehat pada waktu petang. Selepas itu, mereka perlu menyediakan makan malam pula. Bagi responden yang membuat kerja-kerja sampingan untuk menambah pendapatan seperti membuat kuih-muih, menjahit dan sebagainya, mereka mesti tidur lewat malam. Kerja-kerja untuk menambah pendapatan ini dilakukan setelah tugas-tugas rumah selesai.

Bagi suri rumah sepenuh masa, mereka tidak menghadapi banyak masalah dalam mengurus rumahtangga kerana tumpuan mereka hanya kepada tugas rumahtangga semata-mata. Seorang suri rumah yang ditemui menyatakan bahawa kerja-kerja rumah semuanya dilakukan sendiri. Suaminya tidak pernah memberi bantuan. Selain dari menjaga tiga

orang anaknya yang masih kecil, beliau juga terpaksa menjaga ibu mertuanya yang sudah tua dan dua orang anak lelaki suaminya dengan isteri terdahulu. Dari perbualan dengannya, jelas menunjukkan ia kurang senang dengan anak tirinya itu. Katanya'apalah yang diharapkan dari anak lelaki, kerja rumah tak boleh tolong.' Suaminya yang bekerja sebagai Pengajar Memandu Kereta, balik dari kerja pada lewat petang. Balik dari kerja ia akan tidur dan seringkali keluar rumah hingga lewat malam.

Menurut responden berkenaan lagi, anak kecilnya tidak pernah diambil tahu sehinggakan anak kecil itu tidak manu kepada bapanya. Ternyata hanya isteri dibebankan dengan kerja rumah. Oleh kerana suami sering keluar rumah, maka hubungan dengan isteri dan anak-anak menjadi renggang kerana apabila suami balik ke rumah lewat malam anak-anak sudah tidur.

Bagi wanita yang bekerja, terutama yang bekerja di luar rumah, mereka terpaksa menyesuaikan diri antara tugas sebagai pekerja dengan tugas-tugas dalam rumahtangga. Bantuan dari suami amat diperlukan dan seringkali suami-suami mereka tidak keberatan untuk memberi bantuan. Namun begitu ada juga responden yang bekerja tidak mendapat bantuan dari suami. Seorang responden yang bekerja sebagai pelayan pejabat menyatakan pekerjaannya di luar rumah amatlah memerlukan bantuan dari suami, apalagi mereka tidak mempunyai pembantu rumah, tetapi suaminya tidak rela melakukan tugas-tugas dalam rumahtangga

walaupun beliau meminta bantuan.

Jadi bantuan dari suami bergantung pada kerelaan dan budi bicara suami masing-masing. Suami yang bertimbang rasa rela menolong isteri dalam urusan dan tugas-tugas rumahtangga, sama ada isteri bekerja atau tidak.

Golongan wanita yang bekerja ini, walaupun mereka mempunyai kerjaya di luar rumah, mereka tidak terlepas dari bebanan mengurus rumahtangga. Tugas ini sudah tentu lebih berat apalagi kesemua mereka tidak mempunyai pembantu rumah. Ini menunjukkan walaupun wanita bekerja untuk menambah ekonomi keluarga, peranan sebagai isteri tidak diabaikan. Di samping itu, terdapat responden yang tidak bekerja di luar rumah tetapi mereka melibatkan diri dalam kegiatan ekonomi informal seperti membuat kuih-muih dan menjahit. Kegiatan ini sudah pasti menambah beban tugas responden.

Bagi responden-responden yang beranak kecil bebanan tugas adalah lebih berat, kerana terpaksa melakukan tugas-tugas dalam rumahtangga sendirian. Walau bagaimanapun responden yang mempunyai anak yang telah besar terutama anak-anak perempuan, beban tugas boleh menjadi ringan, jika ini telah disosialisasi sejak kecil lagi supaya menolong ibu. Dengan itu pembahagian tugas berlaku antara lelaki dan perempuan.

Bentuk keluarga turut mempengaruhi tugas responden dalam rumahtangga. Responden yang terus tinggal bersama ibubapa, ibu mereka akan membantu kerja-kerja dalam rumahtangga.

Dalam keadaan tertentu, keluarga luas ini akan menambah bebanan tugas wanita dalam rumahtangga terutama jika yang menumpang itu adalah lelaki kerana mereka tidak memberi sebarang bantuan dalam kerja-kerja rumah. Kehadiran saudara-saudara perempuan untuk tinggal bersama memberi keuntungan kepada responden dalam pengurusan rumahtangga. Kes Puan Zaidah di bawah ini dapat menghuraikan perkara ini.

Kes 1

> "Sebagai seorang operator pengeluaran di sebuah kilang tisu di Petaling Jaya serta mempunyai dua orang anak kecil, kehadiran dua orang adik perempuannya untuk tinggal bersama dapat meringankan beban tugasnya. Sebagai pekerja kilang, beliau terpaksa bekerja mengikut giliran yang sudah pasti mengganggu urusan rumahtangga. Bantuan dari suami sukar diharapkan kerana pekerjaan suaminya sebagai driver yang memerlukan banyak masa dihabiskan di luar rumah.
>
> Walaupun kedua adiknya bekerja, mereka saling bantu membantu dalam segala kerja. Salah seorang dari adiknya juga bekerja di kilang yang sama dan berlainan giliran bekerja. Jadi apabila beliau bekerja, tugas-tugas rumahtangga seperti membasuh memasak dan menjaga anak diambil alih oleh adiknya."

Pendekata dalam menguruS rumahtangga masa yang terluang amatlah sedikit. Walau bagaimanapun majoriti responden yang ditemui menyatakan urusan rumahtangga bukanlah satu bebanan yang amat berat kerana sudah menjadi kebiasaan dan ini merupakan tugas kaum wanita. Didapati wanita-wanita sentiasa memakai sarung dan baju pendek serta tidak 'bermake-up' menunjukkan mereka sentiasa bekerja berbanding dengan wanita kelas atasan yang sentiasa berpakaian rapi. Bagi wanita di sini, mereka tidak mempunyai masa untuk bermake-up kecuali apabila keluar dari rumah.

Nyatalah sebahagian besar masa responden dihabiskan dengan kerja-kerja rumah dan sentiasa terikat dengan rumahtangga sehingga apabila pengkaji bertanya kepada salah seorang responden, apakah kegiatan yang dilakukannya pada waktu lapang dan hujung minggu, beliau menyatakan waktu itu dilakukan untuk menyediakan masakan yang enak-enak untuk keluarga. Pada waktu yang terluang ini juga kebanyakan responden menghabiskan masa dengan melakukan kerja-kerja yang lazimnya dilakukan oleh orang perempuan seperti menjahit, mengait, membuat gubahan dan sebagainya.

Wanita juga mempunyai tanggungjawab yang lebih dalam soal kesihatan keluarga. Selain dari tugas-tugas rumahtangga yang dibincangkan di atas kesihatan keluarga juga adalah penting. Seboleh-bolehnya setiap responden inginkan keluarganya sihat dan jauh dari segala penyakit. Kesihatan juga sering dikaitkan dengan tugas wanita

kerana merekalah yang sering bertugas menjaga kebersihan dalam rumah dan dari segi penyediaan makanan.

Dari 50 rumahtangga yang dikaji, didapati tidak ramai ahli-ahli keluarga yang menghidapi penyakit yang serius, cuma tujuh orang responden menyatakan mereka menghidapi beberapa penyakit seperti darah tinggi, lelah, kencing manis, penyakit jantung dan seorang responden mengalami dua kali keguguran. Manakala tiga orang suami responden menghidapi penyakit darah tinggi.

Didapati dari segi penyakit-penyakit yang agak serius di kalangan ahli-ahli keluarga yang sakit, ia adalah demam biasa yang dihidapi oleh semua orang. Namun begitu, keadaan kebersihan bagi setengah-setengah rumahtangga tidaklah begitu memuaskan. Keadaan rumah mereka kurang bersih dan tidak terurus.

Dari segi penggunaan rawatan moden adalah amat menggalakkan. Kesemua responden dan keluarga mengguna perkhidmatan kesihatan moden sama ada swasta atau kerajaan apabila ahli keluarga menghidapi penyakit. Walau bagaimanapun tidak dapat dinafikan terdapat responden yang masih mengguna perkhidmatan bomoh dan berubat sendiri di samping mengguna perkhidmatan kesihatan moden. Ramai responden dan keluarga yang mendapatkan rawatan dari klinik swasta kerana kebanyakan mereka mendapat perkhidmatan percuma disebabkan pekerjaan suami mereka.

Penggunaan perancang keluarga di kalangan responden adalah kurang menggalakkan. Penggunaan perancang keluarga boleh menjarakkan anak, yang membolehkan ibu-ibu dapat memberi sepenuh perhatian kepada anak-anak tetapi kebanyakan responden tidak menyedari akan hakikat ini kerana 60% responden tidak mengamal perancang keluarga. 40% responden yang mengamal perancang keluarga menyatakan mereka berbuat demikian untuk menjarangkan anak dan juga faktor-faktor lain seperti anak ramai, masalah kesihatan, tidak mampu dari segi ekonomi dan mendapat tahu akan kebaikannya.

Isteri juga memainkan peranan penting dalam membuat keputusan. Secara idealnya dalam sesebuah rumahtangga, suami adalah ketua. Namun begitu, ini tidak bermakna segala keputusan adalah datang dari suami dan isteri tidak boleh berbuat demikian.

Oleh kerana suami sering berada di luar rumah, maka kadangkala isteri bertindak sebagai ketua keluarga. Merekalah yang memberi kata putus dalam segala hal terutama terhadap anak-anak mereka. Wanita juga mempunyai pengaruh dalam keluarga kerana anak-anak seringkali lebih suka bertukar fikiran dan meminta pendapat ibu kerana anak-anak lebih dekat kepada ibu daripada bapa.

Isteri-isteri jugalah yang banyak membuat keputusan untuk menabung, mengatur perbelanjaan dan sebagainya. Ini ialah kerana para isterilah yang banyak terlibat dalam pengurusan rumahtangga, jadi mereka amat memahami akan kedudukan kewangan. Mereka jugalah

yang seringkali keluar berbelanja untuk mendapatkan keperluan seharian. Seringkali suami hanya menjadi penyumbang dari segi kewangan kepada keluarga tetapi mereka kurang arif dari segi perbelanjaan tertentu terutama perbelanjaan yang remeh-temeh seperti perbelanjaan dapur.

Kajian yang dijalankan menunjukkan para isterilah (48%) yang lebih banyak memainkan peranan dalam mengatur perbelanjaan seperti perbelanjaan dapur, pakaian, perbelanjaan sekolah anak-anak dan sebagainya. Ini bermakna mereka diberi kepercayaan oleh suami dalam hal-hal kewangan. Manakala 22% lagi responden bersama-sama suami, membincangkan dari segi perbelanjaan sama ada perbelanjaan kecil-kecilan hinggalah kepada hal-hal seperti kenduri kendara, membeli rumah dan sebagainya. Ini menunjukkan terdapat kerjasama antara suami isteri dan pihak suami tidak bertindak sendirian, tetapi memerlukan isteri dalam memberi pendapat dan bantuan dalam segala hal sama ada dari segi kewangan mahupun masalah-masalah lain.

Terdapat 28% responden yang suami mereka mengatur perbelanjaan dalam rumah. Namun begitu, ini tidak bermakna pihak isteri diketepikan dalam soal ini. Oleh kerana majoriti responden membeli keperluan dapur untuk jangkamasa sebulan, jadi adalah menjadi tugas mereka untuk menentukan barangan yang dibeli mencukupi untuk tempoh tersebut. Di sinilah terletak kebijaksanaan isteri dari segi penggunaan barang-barang itu supaya tidak membazir dan mencukupi.

Di sini dapat dilihat bahawa taraf isteri tidaklah rendah di sisi suami dalam memberi pandangan dan pendapat.

Dalam soal-soal lain, isteri juga sering diminta untuk memberi pendapat dan membuat keputusan. Isteri-isteri yang diberi tugas untuk menguruskan perbelanjaan mereka mesti bijak berbelanja. Kebanyakan mereka menyatakan suami-suami mereka memberikan wang hanya sebulan sekali. Jadi adalah menjadi tugas mereka untuk berjimat-cermat dan memilih tempat yang sesuai untuk mendapatkan barangan murah seperti di pasar-pasar malam. Mereka berbuat demikian kerana jika terdapat wang lebihan, boleh ditabungkan.

Suami cenderung meminta pendapat isteri dan menghormati pendapat yang diberikan oleh isteri-isteri mereka, apalagi isteri turut bekerja menyumbang wang kepada keluarga. Sukar ditemui responden yang menyatakan mereka hanya menjadi pengikut dan sukar bersuara dalam rumahtangga. Seorang responden yang bekerja menyatakan beliaulah yang lebih tegas dalam urusan rumahtangga. Sebagai isteri mereka harus patuh pada suami tetapi dalam hal-hal tertentu mereka boleh bersuara dan memberi pandangan, bukan menjadi pengikut atau 'pak turut semata-mata'.

2.2.2 <u>Peranan Wanita Sebagai Ibu</u>

Selain dari berperanan sebagai seorang isteri, responden-responden ini juga memainkan peranan sebagai seorang ibu. Secara

idealnya tugas mendidik anak lebih merupakan tugas ibu, kerana anak seringkali lebih dekat kepada ibu dari bapa.

Oleh kerana wanita juga turut membantu suami mencari wang, maka pada pendapat responden-responden berkenaan, tugas mendidik dan menjaga anak tidak semestinya dibenankan kepada isteri semata-mata. Tidak dapat dinafikan mereka ini mendapat bantuan dari suami dalam hal penjagaan anak, terutama bagi mereka yang bekerja. Kes Puan Asiah ini dapat menjelaskan perkara ini.

Kes 2

> "Sebagai seorang tukang sapu di sebuah pejabat swasta, beliau hanya bekerja antara pukul 9.00 pagi hingga 12.00 tengahari. Anaknya akan ditinggal pada jiran sebelah sewaktu ia bekerja. Suaminya seorang pekerja kilang yang bekerja mengikut giliran (syif). Jika suaminya tidak bekerja pada waktu siang, maka akan menjadi tugas suaminya untuk menjaga anak pada siang hari tersebut."

Boleh dikatakan semua anak-anak responden yang berumur enam tahun dihantar ke Tadika kerana di kawasan ini sendiri terdapat dua buah Tadika dengan bayaran yang agak murah iaitu $5 sebulan. Oleh kerana ada kemudahan di kawasan ini serta bayaran yang murah maka kecenderungan ibubapa untuk menghantarkan anak-anak mereka mendapat pendidikan prasekolah adalah tinggi. Ada responden (4%) yang menghantar anak ke Tadika tempat kerja suami iaitu di Lembaga Letrik Negara (LLN) Jalan Bangsar. Seorang responden menghantar

anaknya ke Tadika di kawasan Bangsar Park dengan bayaran yang lebih tinggi iaitu lebih kurang $30.00 sebulan termasuk bayaran sewa bas.

Anak-anak responden juga dihantar belajar agama dan mengaji Quran kerana ibubapa di sini mengambil berat tentang hal-hal keagamaan anak-anak mereka. Kelas pelajaran agama dan Al-Quran ini diadakan di surau kampung ini iaitu pada waktu petang apabila balik dari sekolah.

Dari segi pelajaran akademik pula, responden yang ditemui menyatakan mereka selalu menasihati anak-anak mereka dalam pelajaran dan menyemak buku-buku pelajaran anak-anak mereka terutama di peringkat sekolah rendah. Kadangkala suami mereka mengambil alih tugas ini. Kebanyakan responden (80%) mengakui mereka tidak menyemak buku-buku pelajaran anak-anak mereka di peringkat sekolah menengah kerana mereka sendiri kurang memahami dan ini sesuai dengan taraf pelajaran responden dan juga suami mereka yang rendah (Lihat Jadual 17 dan 18). Mereka juga merasakan anak-anak ini sudah besar jadi buku-buku pelajaran anak-anak mereka tidak perlu disemak lagi. Ada juga responden dan suami mereka yang langsung tidak pernah mengambil tahu tentang hal ini sama ada anak-anak mereka di peringkat sekolah rendah atau menengah dengan membiarkan sahaja kepada anak-anak. Namun begitu, jumlahnya adalah kecil (14%).

Beban tugas seseorang ibu, bergantung kepada jumlah dan umur anak. Bagi responden yang mempunyai anak yang telah dewasa, beban tugas dan peranan adalah berbeza berbanding dengan mereka yang masih beranak kecil. Responden yang mempunyai anak yang ramai dan masih kecil pula, beban tugas adalah sangat berat. Jadual di bawah menunjukkan jumlah anak responden.

Jadual 6: Jumlah Anak Responden

| Jumlah Anak Responden | Jumlah Responden | Purata Umur Ibu |
|---|---|---|
| 0 - 3 | 30 (60%) | 33 |
| 4 - 6 | 14 (28%) | 37 |
| 7 - 9 | 5 (10%) | 44 |
| 10 Ke Atas | 1 ( 2%) | - |
| Jumlah | 50 (100%) | |

Majoriti responden mempunyai kurang dari enam orang anak. Kebanyakan mereka adalah golongan muda yang berumur 35 tahun ke bawah. Keseluruhan umur responden dan suami seperti di Jadual 7.

Peringkat umur responden mempengaruhi beban tugas sebagai ibu. Wanita yang berumur dalam lingkungan dua puluhan dan tiga puluhan adalah mereka yang kebanyakan mempunyai anak yang masih kecil, jadi beban tugas adalah lebih kerana anak yang masih kecil ini memerlukan

Jadual 7: Umur Responden dan Suami

| Tahap Umur | Jumlah Responden | Jumlah Suami |
|---|---|---|
| 22 - 28 | 15 (30%) | 9 (18%) |
| 29 - 35 | 18 (36%) | 17 (34%) |
| 36 - 42 | 7 (14%) | 12 (24%) |
| 43 - 49 | 7 (14%) | 7 (14%) |
| 50 Ke Atas | 3 ( 6%) | 5 (10%) |
| Jumlah | 50 (100%) | 50 (100%) |

penjagaan yang lebih. Tetapi bagi responden yang berusia dalam lingkungan empat puluhan dan lima puluhan yang kebanyakan mempunyai anak yang telah dewasa beban tugas mereka akan menjadi ringan. Majoriti responden yang ditemui mempunyai anak yang masih kecil. Jadual 8 menunjukkan status anak-anak responden.

Selain dari tugas-tugas seperti penyediaan makanan, mencuci pakaian dan sebagainya yang dilakukan untuk suami maka tugas-tugas ini juga dilakukan untuk anak-anak mereka yang masih kecil.

Tugas ibu dalam mendidik anak adalah sangat penting. Selain dari berperanan dalam mensosialisasikan anak-anak dan mengawasi tingkahlaku mereka kejayaan anak-anak dalam kehidupan dan pelajaran juga sering dikait dengan tugas ibu kerana ibulah yang sentiasa berdamping dengan anak-anak kerana bapa banyak meng-

habiskan masa di luar rumah. Setiap ibu inginkan anak-anaknya berjaya dalam hidup dan pelajaran tetapi kajian yang dijalan menunjukkan tingkat pencapaian anak-anak responden tidaklah begitu menggalakkan. Lihat Jadual 9.

Jadual 8: Status Anak-Anak Responden

| Status Anak-Anak | Jumlah Anak-Anak Responden | Peratus |
|---|---|---|
| Belum Sekolah | 72 | 40.5 |
| Sekolah Rendah | 43 | 24.2 |
| Sekolah Menengah | 22 | 12.4 |
| Maktab/Universiti | - | - |
| Bekerja | 34 | 19 |
| Kahwin (Tidak Bekerja) | 4 | 2.2 |
| Menganggur | 3 | 1.7 |
| Jumlah | 178 | 100 |

Didapati tingkat tertinggi taraf pencapaian pelajaran anak-anak responden ialah Tingkatan Lima. Majoriti anak-anak mereka menamatkan persekolahan sehingga Tingkatan Tiga. Mereka yang menamatkan persekolahan ini kebanayakan mewarisi pekerjaan bapa-bapa mereka sebagai buruh. Tidak terdapat anak-anak responden yang menjejak kaki ke pusat pengajian tinggi. Walaupun mereka hidup di kota yang terdedah kepada berbagai kemudahan pelajaran.

Jadual 9: Tingkat Pencapaian Pelajaran Anak-Anak Responden Yang Telah Menamatkan Persekolahan

| Tingkat Pencapaian Pelajaran Anak-Anak Responden | Jumlah | Peratus |
|---|---|---|
| Darjah 6 | 4 | 10 |
| Tingkatan 3 | 19 | 47.5 |
| Tingkatan 4 | 2 | 5 |
| Tingkatan 5 | 15 | 37.5 |
| Jumlah | 40 | 100 |

Adalah juga menjadi tugas ibu mengambil berat tentang kesihatan anak-anak. Di kalangan anak-anak responden tidak ramai yang menghidapi penyakit-penyakit yang serius, cuma empat orang anak responden menghidapi penyakit appendix, sakit jantung dan lelah. Didapati terdapat responden yang kurang mengawasi kebersihan anak-anak mereka sama ada dari segi pakaian, tempat bermain dan sebagainya yang boleh menyebabkan anak-anak membesar dalam keadaan tidak memuaskan.

Bagi ibu-ibu yang tidak bekerja, masalah penjagaan anak tidaklah begitu merumitkan kerana mereka boleh menumpukan sepenuh masa terhadap anak-anak mereka tetapi bagi ibu-ibu yang bekerja mereka mesti memikirkan masalah ini sepeninggalan mereka bekerja.

University of Malaya

Antara golongan yang bekerja ini, tidak seorang pun mempunyai pembantu rumah. Dengan sebab itu anak-anak mereka akan dijaga oleh jiran, saudara mara atau dihantar ke nurseri. Bayaran yang perlu dibayar untuk penjagaan anak ini berbeza-beza antara $60.00 hingga $170.00 sebulan bergantung kepada jumlah anak kerana terdapat responden yang menghantar dua orang anak mereka untuk dijaga oleh jiran. Seorang responden membawa bersama anak-anaknya ke nurseri tempat kerjanya dengan bayaran $180.00 sebulan untuk dua orang.

Anak-anak mereka akan diambil selepas balik dari kerja iaitu lebih kurang pukul 5.00 hingga 6.00 petang. Ini bermakna sewaktu mereka bekerja tugas menjaga anak diambil alih oleh orang lain atau institusi lain, menunjukkan tugas ibu yang lazimnya mendidik anak seperti pada zaman pra-industri telah mengalami perubahan.

Tugas sebagai isteri dan ibu adalah berat bagi wanita yang bekerja ini disebabkan dua beban tugas yang mesti dipikul. Mereka mesti bekerja lebih dari orang lain. Responden yang menghadapi masalah penjagaan anak, mereka akan berhenti kerja bila tugas-tugas rumahtangga menjadi terlalu berat. Terdapat 20% responden yang pernah bekerja tetapi kesemua mereka terpaksa berhenti kerja kerana masalah penjagaan anak. Ini menunjukkan betapa besar peranan sebagai ibu dalam menumpukan perhatian kepada

anak-anak tetapi tidak pula kita mendengar ada bapa yang berhenti kerja kerana anak.

Perbincangan di atas menunjukkan tugas menjaga anak lebih merupakan tugas ibu. Wanita tidak sedia mengorbankan rumahtangga kerana pekerjaan, kerana mereka dan pihak lelaki percaya bahawa tanggungjawab utama isteri adalah di rumah.

University of Malaya

# BAB III

## PERANAN WANITA DALAM BIDANG EKONOMI

Persekitaran yang kompleks dan keperluan kewangan menjadi daya penggerak kepada kaum wanita di kawasan kajian untuk melibatkan diri dalam kegiatan ekonomi. Keseluruhan wanita yang melibatkan diri sedikit sebanyak telah menjadi penyumbang kepada keluarga membantu suami masing-masing untuk meninggikan taraf hidup.

Dua aspek ekonomi yang akan disentuh ialah ekonomi formal dan informal. Kegiatan-kegiatan ekonomi ini dilakukan sama ada di luar mahupun di dalam lingkungan keluarga dan rumahtangga.

### 3.1 Aktiviti-Aktiviti Ekonomi

Kaum wanita di kawasan ini melibatkan diri dalam berbagai kegiatan ekonomi formal dan informal. Ekonomi formal dalam konteks ini merujuk kepada pekerjaan yang mendatangkan upah atau pendapatan yang tetap, mengikut peraturan atau masa yang ditetapkan dan mempunyai majikan manakala ekonomi tidak formal merupakan pekerjaan yang dilakukan sendirian atau bersama keluarga, tidak mempunyai majikan, kerja tidak mengikut peraturan atau masa dan pendapatannya adalah tidak tetap. 52% responden yang ditemui melibatkan diri dalam kegiatan ekonomi.

University of Malaya

Jadual 10: Kedudukan Wanita Dalam Ekonomi

| Bidang Ekonomi | Jumlah Responden | Peratus |
|---|---|---|
| Ekonomi Tidak Formal | 15 | 30 |
| Ekonomi Formal | 11 | 22 |
| Suri Rumah Sepenuh Masa | 24 | 48 |
| Jumlah | 50 | 100 |

Jadual di atas menunjukkan 30% responden terlibat dalam ekonomi tidak formal manakala 22% melibatkan diri dalam ekonomi formal. Ini menunjukkan penglibatan responden dalam ekonomi tidak formal adalah lebih penting.

3.1.1 Ekonomi Formal

Peratus penglibatan responden dalam ekonomi formal seperti yang dinyatakan di atas adalah kecil jumlahnya. Hal ini disebabkan taraf pelajaran yang rendah masalah pengurusan rumahtangga dan juga masalah penjagaan anak. Struktur pekerjaan responden dalam ekonomi formal adalah seperti Jadual 11.

Penyertaan wanita dalam ekonomi formal bermakna mereka harus menghabiskan banyak masa di luar rumah yang menyebabkan tugas menjaga anak terpaksalah diambil alih oleh orang lain atau oleh institusi lain (seperti dinyatakan dalam Bab II).

Jadual 11: Pekerjaan Responden Dalam Ekonomi Formal

| Jenis Pekerjaan | Jumlah Responden | Pendapatan/ Purata Pendapatan |
|---|---|---|
| Pencuci/Tukang Sapu | 3 ( 6%) | $183 |
| Operator Pengeluaran | 2 ( 4%) | $390 |
| Staff Nurse | 1 ( 2%) | $700 |
| Teknologi Makmal Perubatan | 1 ( 2%) | $665 |
| Kerani | 1 ( 2%) | $495 |
| Guru KEMAS | 1 ( 2%) | $350 |
| Pelayan Pejabat | 1 ( 2%) | $400 |
| Tukang Masak | 1 ( 2%) | $250 |
| Jumlah | 11 (22%) | |

Oleh kerana semua responden tidak mempunyai pembantu rumah mereka juga terpaksa menguruskan rumahtangga sendiri dan terpaksa membahagi dan menyesuaikan diri antara tugas-tugas di luar rumah dengan tugas-tugas dalam rumahtangga. Ini bermakna mereka terpaksa bangun awal-awal pagi untuk mengemas rumah, menyediakan sarapan pagi sebelum mereka dan suami ke tempat kerja, anak-anak ke sekolah dan juga menghantar anak-anak kecil mereka untuk dijaga oleh jiran atau saudara mara.

Apabila balik dari kerja mereka terpaksa pula menyediakan makanan, mencuci pakaian dan sebagainya. Terdapat responden yang balik ke rumah pada waktu tengahari untuk menyediakan makan tengahari kerana tempat kerja terletak berhampiran dengan rumah, misalnya seorang responden yang bekerja sebagai tukang sapu dengan Lembaga Letrik Negara (LLN) hanya perlu menyeberangi Jalan Bangsar untuk ke tempat kerja.

Bagi responden yang bekerja agak jauh dari rumah, misalnya responden yang bekerja sebagai Teknologi Makmal Perubatan dengan sebuah Institusi Pengajian di Jalan Raja Muda dan responden yang bekerja sebagai Pelayan Pejabat di Taman Tun Dr. Ismail, Damansara, mereka hanya balik ke rumah pada waktu petang. Mereka ini hanya perlu menyediakan makan malam sahaja.

Penduaan peranan ini menyebabkan wanita-wanita ini menghadapi beberapa masalah seperti penjagaan anak, pengurusan rumahtangga dan keletihan tetapi mereka tabah menerimanya kerana kedudukan ekonomi yang terdesak. Galakan dari suami dan kemahuan diri yang kuat menyebabkan pekerjaan dapat diteruskan. Majoriti responden yang bekerja menyatakan mereka tidak terlalu banyak menghadapi masalah dalam pekerjaan, apa yang penting ialah mereka mesti bijak dalam membahagi-bahagikan tugas.

Pekerjaan sebagai Teknologis Makmal Perubatan dan pekerjaan sebagai Kerani dengan sebuah agensi kerajaan, waktu kerja adalah mengikut waktu pejabat iaitu antara pukul 8.00 pagi hingga 4.15 petang. Dalam jangkamasa ini, mereka menghabiskan masa di pejabat. Responden yang bekerja sebagai kerani oleh kerana tempat kerjanya terletak tidak jauh dari rumah iaitu di Jalan Bangsar, biasanya beliau akan sampai ke rumah sebelum pukul 5.00 petang. Bagi responden yang berjawatan sebagai Teknologi Makmal Perubatan, beliau hanya akan sampai ke rumah antara pukul 5.00 hingga 5.30 petang, oleh kerana tempat kerjanya terletak agak jauh dari rumah iaitu di Jalan Raja Muda.

Responden yang berjawatan sebagai Guru Kemas atau Guru Sains Rumahtangga hanya perlu menghabiskan masa di pejabat pada waktu pagi iaitu antara pukul 9.00 hingga 11.00 pagi. Sebaliknya sebelah petang iaitu antara pukul 2.00 hingga 4.00 petang beliau terpaksa keluar pejabat pergi ke kawasan-kawasan tertentu seperti kawasan-kawasan setinggan dan pejabat-pejabat untuk mengendalikan kelas-kelas masakan dan kerjatangan. Keadaan ini tidaklah berlaku pada tiap-tiap hari kerana pengendalian kelas-kelas ini hanya tiga hari dalam seminggu. Ini bermakna pada waktu-waktu lain beliau boleh berada di rumah dan waktu-waktu ini diisi dengan mengambil upah membuat gubahan dan sebagainya.

Waktu kerja bagi pekerjaan sebagai Pencuci/Tukang Sapu dan Pelayan Pejabat adalah berlainan. Responden yang berjawatan sebagai Pelayan Pejabat dengan sebuah syarikat swasta, waktu kerjanya adalah antara 9.00 pagi hingga 5.00 petang. Dua orang responden yang bekerja sebagai Pencuci/Tukang Sapu dengan syarikat swasta, kerja mereka hanya separuh hari. Selepas waktu ini responden berkenaan akan balik ke rumah untuk menyediakan makan tengahari. Pada waktu petang, salah seorang responden yang bekerja sebagai Pencuci/Tukang Sapu ini akan membuat kuih-muih untuk jualan.

Seorang lagi responden yang bekerja sebagai Tukang Sapu dengan sebuah agensi kerajaan iaitu dengan Lembaga Letrik Negara (LLN) yang terletak di Jalan Bangsar bekerja antara 9.00 pagi hingga 12.00 tengahari. Selepas waktu ini beliau akan balik ke rumah untuk menyediakan makan tengahari. Pada waktu petang iaitu antara pukul 2.00 hingga 4.00 petang, beliau akan berada semula di tempat kerja.

Pekerjaan sebagai Operator Pengeluaran kilang dan Staff Nurse memerlukan responden bekerja mengikut giliran yang yang sudah tentu memberi kesan pada pengurusan rumahtangga dan anak-anak terutama pada waktu malam. Pekerjaan sebagai Operator Pengeluaran kilang memerlukan seseorang pekerja itu mengikut giliran antara 7.00 pagi hingga 3.00 petang, 3.00 petang hingga 11.00 malam dan 11.00 malam hingga 7.00 pagi. Jangkamasa giliran seperti di atas

adalah untuk tempoh satu minggu. Walaupun ini agak membebankan tetapi mereka sanggup menghadapi masalah ini kerana mereka merasa bertanggungjawab untuk sama-sama mencari nafkah hidup.

Dua orang responden bekerja sebagai Operator Pengeluaran kilang. Seorang responden bekerja dengan kilang membuat tisu di Petaling Jaya dan seorang lagi bekerja dengan kilang elektronik di Sungai Way. Oleh kerana kedua-dua mereka telah lama bekerja dan berpengalaman dalam bidang ini, gaji yang diterima adalah agak tinggi iaitu antara $12 hingga $13 untuk sehari. Biasanya responden ini akan bekerja pada tiap-tiap hari kecuali hari minggu. Jika mereka tidak bekerja bermakna mereka akan kehilangan sejumlah tertentu wang untuk hari berkenaan kecuali jika mendapat cuti sakit. Mereka juga menerima ganjaran perkhidmatan kesihatan percuma dan juga elaun pengangkutan untuk berulang-alik ke tempat kerja dari pihak majikan.

Responden yang berjawatan sebagai Staff Nurse, jangkamasa giliran adalah lebih kurang sama dengan pekerja kilang iaitu antara pukul 7.00 pagi hingga 2.00 petang, 2.00 petang hingga 11.00 malam dan 11.00 malam hingga 7.00 pagi.

Salah seorang responden yang ditemui bekerja sebagai Tukang Masak dengan sebuah Institusi Pengajian di Lembah Pantai. Kerja beliau juga mengikut giliran iaitu antara 7.00 pagi hingga

2.00 petang atau antara 2.00 petang hingga 7.00 malam. Kakak kepada responden berkenaan tinggal bersamanya, dengan itu beliau tidak menghadapi banyak masalah dalam pengurusan rumahtangga.

Keseluruhannya kegiatan ekonomi formal memberikan responden berkenaan suatu pendapatan yang tetap kecuali pekerja kilang, upah yang diterima adalah mengikut hari mereka bekerja. Pendapatan responden dalam ekonomi formal ini berbeza-beza antara $150 hingga $700 bergantung kepada kelulusan akademik dan jenis pekerjaan. Ini bermakna keseluruhan pekerjaan dalam ekonomi formal adalah lebih terjamin kerana bayaran tetap yang diterima pada tiap-tiap bulan berbanding dengan ekonomi informal yang tidak tetap pendapatannya. Keseluruhannya status pelajaran responden yang rendah (seperti yang akan dihuraikan selanjutnya) tidak memungkinkan mereka menjawat jawatan yang lebih baik dengan gaji yang lumayan dalam struktur pekerjaan ekonomi formal.

### 3.1.2 <u>Ekonomi Informal</u>

Majoriti dari responden (30%) melibatkan diri dalam kegiatan ekonomi informal. Jenis pekerjaan responden dalam ekonomi informal adalah seperti Jadual 12.

Dalam kegiatan ini ada pekerjaan yang memerlukan responden berada di luar rumah tetapi kebanyakan pekerjaan dilakukan dalam lingkungan rumahtangga. Bagi responden yang bekerja dalam lingkungan

University of Malaya

rumahtangga masalah penjagaan anak tidak timbul.

Jadual 12: Pekerjaan Responden Dalam Ekonomi Informal

| Jenis Pekerjaan | Jumlah Responden | Pendapatan/ Purata Pendapatan |
|---|---|---|
| 1. Berniaga | 9 (18%) | $300 |
| - Makanan Ringan | | |
| - Kedai Runcit | | |
| - Warung/Kedai Nasi | | |
| - Membuat Kuih-Muih | | |
| 2. Mengasuh/Menjaga Budak | 3 ( 6%) | $136 |
| 3. Menjahit | 2 ( 4%) | $275 |
| 4. Pembantu Kedai Runcit | 1 ( 2%) | $100 |
| Jumlah | 15 (30%) | |

Dua orang responden yang ditemui menjalankan perniagaan makanan. Seorang responden menjalankan perniagaan warung nasi di kawasan Bangsar dan seorang lagi menguruskan kedai makanan yang juga menjual nasi di kawasan Petaling Jaya. Pekerjaan ini memerlukan responden berada di luar rumah hingga ke petang iaitu antara 11.00 pagi hingga 7.00 petang. Perniagaan dijalankan setiap hari termasuk hari minggu. Kegiatan ekonomi informal tidak memerlukan waktu dan peraturan yang tetap berbanding dengan ekonomi formal. Ini bermakna jika keadaan tidak mengizinkan seperti sakit, masalah pengurusan

rumahtangga, ingin berehat dan sebagainya, mereka boleh memutuskan tidak akan bekerja pada hari tersebut.

Seorang responden yang menjalankan perniagaan warung nasi mendapat bantuan dari suami dan anak-anak yang telah dewasa dalam menjalankan perniagaannya. Masalah pengurusan rumahtangga tidak timbul kerana kesemua anak-anaknya telah dewasa. Beliau menyatakan perniagaannya agak laris kerana tempat/gerai perniagaannya terletak berhampiran dengan pejabat-pejabat kerajaan dan swasta dan juga kilang-kilang.

Seorang lagi responden mengurus kedai yang juga menjual nasi di Petaling Jaya. Beliau juga harus berada di kedainya itu hingga ke petang. Selain dari mendapat bantuan dari suami, responden ini mendapat bantuan dari ibunya yang tinggal bersama dalam menjalankan perniagaan ini.

Responden-responden yang menjalankan perniagaan nasi ini memasak sendiri berbagai-bagai jenis lauk-pauk untuk dijual iaitu lebih kurang antara sepuluh hingga dua belas jenis. Lauk-pauk ini dimasak sendiri di rumah dan juga di tempat jualan. Hasil jualan dari perniagaan ini berbeza-beza antara responden berkenaan iaitu antara $300 hingga $500 sebulan.

Seorang responden menjalankan perniagaan kedai runcit di kampung tersebut. Barang-barang jualan seperti barang keperluan

dapur, minuman dalam botol dan kotak, air batu dan sebagainya. Di kedainya juga terdapat mesin pemarut kelapa elektrik untuk kemudahan suri rumah di kawasan tersebut. Perniagaan, kebanyakannya dijalankan sendirian kerana beliau tidak mempunyai anak dan suaminya pula bekerja sebagai penjaja ikan. Suaminya akan memberi bantuan hanya pada waktu-waktu tertentu. Perniagaan dijalankan hingga ke malam iaitu lebih kurang pukul 9.00 malam. Pendapatan yang diperolehi hasil dari perniagaan ini lebih kurang $400 sebulan. Terdapat pelanggan-pelanggan yang membeli barangan secara berhutang. Menurut responden berkenaan ini tidak dapat dielakkan memandangkan mereka mengenali antara satu sama lain.

Empat orang responden menjalankan perniagaan kecil-kecilan menjual makanan ringan seperti kacang, jeruk, keropok, ais kerim dan sebagainya. Makanan ini dijual di rumah masing-masing. Hasil pendapatan dari perniagaan ini tidak seberapa dan berbeza-beza antara $50 hingga $150.

Dua orang responden mengambil upah menjahit pakaian. Pendapatan dari hasil menjahit ini mengikut kepandaian dan kecekapan menjahit. Seorang responden yang ditemui hanya mengambil upah menjahit pakaian secara kecil-kecilan dan pendapatan yang diterima lebih kurang $50 sebulan. Seorang lagi responden menjadikan menjahit pakaian sebagai pekerjaan yang memberikan hasil yang agak lumayan kepadanya kerana pelanggan bukan saja dari kawasan berhampiran

tetapi dari luar kawasan itu. Beliau memperolehi lebih kurang $500 sebulan dan kadang-kadang lebih jika banyak tempahan diterima terutama di musim-musim perayaan seperti Hari Raya Puasa dan Hari Raya Haji.

Didapati tiga orang responden mengambil upah mengasuh atau menjaga budak. Mereka menjaga anak jiran atau anak saudara mara yang ibunya bekerja. Anak-anak ini akan ditinggalkan hanya pada waktu siang sepeninggalan ibu mereka bekerja iaitu antara pukul 7.30 pagi hingga 6.00 petang. Anak-anak ini akan diambil selepas ibu mereka balik dari kerja. Seorang responden bekerja menjaga dua orang cucunya sewaktu anaknya yang tinggal bersama pergi bekerja dan beliau menerima upah dari anaknya itu. Pendapatan mereka yang mengambil upah mengasuh ini berbeza-beza antara $80 hingga $230.

Dua orang responden menjalankan aktiviti membuat kuih-muih dan nasi lemak untuk dijual. Untuk membuat kuih-muih dan nasi lemak ini mereka mesti menyediakan ramuan pada waktu malam setelah segala urusan rumahtangga selesai. Ini bermakna mereka mesti tidur lewat malam dan harus bangun pada awal pagi untuk menyiapkannya. Seorang responden misalnya membuat 50 bungkus nasi lemak setiap hari untuk dijual. Walau bagaimanapun kuih-muih dan nasi lemak yang dibuat ini tidak dijual sendiri tetapi diletakkan di kedai makanan atau diupah orang lain menjualnya.

Seorang responden bekerja sebagai pembantu kedai runcit saudaranya. Kedai runcit ini terletak tidak jauh dari rumahnya iaitu di Taman Ghazali Shafie. Pekerjaan ini adalah tidak tetap kerana beliau hanya akan membantu jika ada kelapangan. Selalunya beliau hanya bekerja pada waktu pagi iaitu antara pukul 9.00 hingga 11.00 pagi. Hasil dari kerja ini walaupun tidak seberapa tetapi katanya ia dapat meringankan perbelanjaan barang dapur.

Secara amnya kegiatan ekonomi informal tidak memerlukan responden banyak berada di luar rumah dan pekerjaan ini adalah tidak tetap. Ini bermakna hari dan waktu bekerja mengikut responden sendiri. Jika keadaan tidak mengizinkan seperti yang dinyatakan di atas mereka boleh berhenti untuk seketika.

Status pelajaran tidak mempengaruhi kegiatan wanita dalam ekonomi informal ini memandangkan kegiatan ini tidaklah memerlukan sebarang kelulusan akademik. Tingkat pendapatan responden dalam ekonomi informal ini bergantung pada kecenderungan dan minat individu dalam pekerjaan itu. Sekiranya mereka bekerja lebih, pendapatan yang diperolehi juga adalah lebih misalnya seorang responden yang mengambil upah menjahit pakaian menyatakan untuk memperolehi pendapatan yang lebih beliau harus tidur lewat malam menyiapkan tempahan yang diterima.

University of Malaya

Seorang responden bekerja sebagai pembantu kedai runcit saudaranya. Kedai runcit ini terletak tidak jauh dari rumahnya iaitu di Taman Ghazali Shafie. Pekerjaan ini adalah tidak tetap kerana beliau hanya akan membantu jika ada kelapangan. Selalunya beliau hanya bekerja pada waktu pagi iaitu antara pukul 9.00 hingga 11.00 pagi. Hasil dari kerja ini walaupun tidak seberapa tetapi katanya ia dapat meringankan perbelanjaan barang dapur.

Secara amnya kegiatan ekonomi informal tidak memerlukan responden banyak berada di luar rumah dan pekerjaan ini adalah tidak tetap. Ini bermakna hari dan waktu bekerja mengikut responden sendiri. Jika keadaan tidak mengizinkan seperti yang dinyatakan di atas mereka boleh berhenti untuk seketika.

Status pelajaran tidak mempengaruhi kegiatan wanita dalam ekonomi informal ini memandangkan kegiatan ini tidaklah memerlukan sebarang kelulusan akademik. Tingkat pendapatan responden dalam ekonomi informal ini bergantung pada kecenderungan dan minat individu dalam pekerjaan itu. Sekiranya mereka bekerja lebih, pendapatan yang diperolehi juga adalah lebih misalnya seorang responden yang mengambil upah menjahit pakaian menyatakan untuk memperolehi pendapatan yang lebih beliau harus tidur lewat malam menyiapkan tempahan yang diterima.

Adakalanya wanita melibatkan diri dalam kegiatan ekonomi formal dan tidak formal serentak/sekali gus, misalnya seorang responden yang bekerja sebagai tukang sapu juga membuat kuih-muih untuk dijual. Tugasnya sebagai tukang sapu hanya pada waktu pagi iaitu sehingga pukul 12.00 tengahari. Selepas menyediakan makan tengahari iaitu lebih kurang pukul 3.00 petang, beliau akan memulakan kerja-kerja membuat kuih ini untuk jualan. Kuih-muih juga akan dibuat pada waktu pagi yang menyebabkan beliau terpaksa bangun awal pagi iaitu kira-kira pukul 4.00 pagi untuk membuat kuih-muih sebelum ke tempat kerja. Beliau memperolehi pendapatan kira-kira $450 sebulan hasil dari kedua-dua kerja ini.

Seorang lagi responden bekerja sebagai Operator Pengeluaran kilang dan berniaga alat-alat solek. Hasil pendapatan dari kedua-dua jenis pekerjaan ini lebih kurang $800 sebulan.

Terdapat responden yang mempelbagaikan aktiviti ekonomi, misalnya seorang responden yang membuat kuih-muih untuk dijual juga mengambil upah menjahit pakaian secara kecil-kecilan di samping menjaga anak kepada kakaknya yang bekerja. Kerja menjahit pakaian dilakukan pada waktu malam dan pagi dan membuat kuih dilakukan pada waktu petang.

3.2 Tingkat Pendapatan Responden

Tingkat pendapatan berbeza-beza antara seorang responden dengan responden yang lain. Lihat jadual di bawah.

Jadual 13: Tingkat Pendapatan Responden

| Tingkat Pendapatan ($) | Jumlah Responden | Peratus |
|---|---|---|
| 50 - 100 | 6 | 12 |
| 101 - 200 | 3 | 6 |
| 201 - 300 | 5 | 10 |
| 301 - 400 | 4 | 8 |
| 401 - 500 | 5 | 10 |
| 501 Ke Atas | 3 | 6 |
| Jumlah | 26 | 52 |

Jadual di atas menunjukkan pendapatan responden tidaklah begitu tinggi. Sebilangan besar iaitu enam orang (12%) responden berpendapatan di tahap $50 - $100. Mereka yang berpendapatan $500 ke atas hanya 3 orang (6%). Keadaan ini disebabkan taraf pelajaran dan struktur pekerjaan responden seperti yang akan dihuraikan selanjutnya yang menyebabkan tingkat pendapatan responden yang rendah.

Majoriti responden seperti yang telah dihuraikan melibatkan diri dalam ekonomi kecil-kecilan. Misalnya pendapatan dari mengasuh/ menjaga budak jauh lebih murah daripada perkhidmatan komersial yang terdapat di bandaraya ini. Kebanyakan mereka yang terlibat dalam kegiatan ekonomi informal ini adalah golongan yang sudah berumur jadi mereka tidak terdaya melakukan sesuatu aktiviti atau pekerjaan itu secara besar-besaran. Golongan muda tidak banyak melibatkan diri kerana masalah penjagaan anak dan urusan rumahtangga.

Dalam ekonomi formal pula, pekerjaan yang dilakukan kebanyakannya tidak memerlukan kemahiran dan kelulusan akademik yang tinggi seperti pekerjaan sebagai Tukang Sapu, Pelayan Pejabat dan Pekerja Kilang yang memungkinkan tingkat pendapatan yang rendah.

Terdapat perbezaan antara tingkat pendapatan responden yang bekerja dalam ekonomi formal dan tidak formal. Ini ialah kerana wanita yang melibatkan diri dalam ekonomi tidak formal kebanyakan secara kecil-kecilan. Pendapatan minima bagi pekerjaan informal ini ialah $50 berbanding dengan $150 bagi ekonomi formal.

Selain dari pendapatan di atas termasuk suri rumah sepenuh masa menerima pendapatan dari sumber-sumber lain iaitu sumbangan dari anak-anak yang telah bekerja atau saudara-mara yang menumpang. Lapan orang responden yang bekerja dan enam orang responden yang tidak bekerja menerima sumbangan ini. Sumbangan tersebut berbeza-

beza antara $50 hingga $350. Sumbangan kewangan ini sering diberi kepada ibu kerana kerana bapa sudah ada pendapatan dan juga anak-anak lebih dekat kepada ibu. Bagi responden yang tidak bekerja pendapatan tersebut sekurang-kurangnya dapat mengurangkan perbelanjaan dalam rumahtangga.

### 3.3 Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Penglibatan Dan Jenis Pekerjaan Responden

Didapati tingkat pendapatan suami mempengaruhi responden sama ada untuk melibatkan diri dalam kegiatan ekonomi atau tidak. Jadual di bawah memperjelaskan hal ini.

Jadual 14: Tingkat Pendapatan Suami Berbanding Dengan Isteri Yang Bekerja

| Tingkat Pendapatan Suami ($) | Jumlah Responden Yang Bekerja | Peratus |
|---|---|---|
| 301 - 400 | 9 | 18 |
| 401 - 500 | 8 | 16 |
| 501 - 600 | 5 | 10 |
| 601 - 700 | 1 | 2 |
| 701 - 800 | 1 | 2 |
| 801 Ke Atas | 2 | 1 |
| Jumlah | 26 | 52 |

University of Malaya

Jadual 14 menunjukkan semakin rendah pendapatan suami, kecenderungan responden untuk bekerja adalah tinggi. Pada tingkat pendapatan suami $500 ke bawah jumlah responden yang bekerja adalah 17 orang (34%) berbanding dengan tingkat pendapatan $500 ke atas jumlah responden yang bekerja adalah sembilan orang (18%).

Keperluan kewangan menyebabkan responden ini bekerja untuk meringankan beban suami. Oleh kerana kos hidup yang tinggi di bandar sudah tentu pendapatan suami mereka tidak cukup untuk menampung segala perbelanjaan supaya mencapai taraf hidup yang sempurna. Setiap responden yang ditemui menyatakan mereka sanggup bekerja asalkan anak-anak dan keluarga dapat hidup dengan senang.

Mereka mempunyai kesedaran bahawa tanggungjawab mencari nafkah hidup tidak semestinya dibebankan kepada suami semata-mata dan mereka akan membantu seberapa upaya yang boleh. Kesemua mereka sependapat menyatakan bahawa dalam zaman seperti sekarang wanita harus bekerja kerana keadaan ekonomi dan keperluan untuk hidup semakin mencabar. Jika mereka berharap pada suami semata-mata bermakna mereka tidak boleh menikmati berbagai kemudahan dan kelengkapan kerana status pekerjaan dan pendapatan suami yang rendah sudah tentu tidak berupaya menyediakan segala yang dihajati. Jadual 15 menunjukkan status pekerjaan dan pendapatan/pendapatan purata suami responden.

Jadual 15: Pekerjaan Suami Responden
Dan Pendapatan Purata

| Jenis Pekerjaan Suami Responden | Jumlah | Pendapatan/ Pendapatan Purata |
|---|---|---|
| Buruh | 16 (32%) | $428 |
| Driver | 6 (12%) | $483 |
| Berniaga | 3 ( 6%) | $567 |
| Pengawal Keselamatan | 3 ( 6%) | $383 |
| Konduktor Bas | 3 ( 6%) | $477 |
| Juruteknik | 4 ( 8%) | $638 |
| Mekanik | 2 ( 4%) | $763 |
| Penjaga Stor | 2 ( 4%) | $650 |
| Kerani | 2 ( 4%) | $578 |
| Polis Trafik | 1 ( 2%) | $850 |
| Juruelektrik | 1 ( 2%) | $500 |
| Pembantu Penyelidik | 1 ( 2%) | $900 |
| Pengajar Memandu | 1 ( 2%) | $400 |
| Pencari Fail | 1 ( 2%) | $450 |
| Pembaca Meter | 1 ( 2%) | $530 |
| "Machine Maintenance" | 1 ( 2%) | $700 |
| Tukang Masak | 1 ( 2%) | $350 |
| Pencen | 1 ( 2%) | $350 |
| Jumlah | 50 (100%) | |

Bentuk keluarga juga turut mempengaruhi penglibatan responden dalam pekerjaan. Didapati daripada 22 rumahtangga (44%) yang berbentuk luas, terdapat 14 responden (28%) yang bekerja. Dari bilangan keluarga kecil pula hanya 12 responden (24%) yang bekerja. Jadual di bawah menunjukkan keadaan tersebut.

Jadual 16: Bentuk Keluarga Berbanding Dengan Responden Yang Bekerja

| Bentuk Keluarga | Jumlah Keluarga | Jumlah Responden Yang Bekerja |
|---|---|---|
| Luas | 22 (44%) | 14 (28%) |
| Asas | 28 (56%) | 12 (24% |
| Jumlah | 50 (100%) | 26 (52%) |

Didapati lebih ramai responden dari keluarga luas yang bergiat dalam ekonomi. Ini ialah kerana mereka mendapat bantuan daripada saudara-saudara yang tinggal bersama ataupun responden yang bekerja itu tinggal bersama ibubapa mereka. Misalnya seorang responden yang bekerja sebagai Tukang Masak dengan sebuah Institusi Pengajian di Lembah Pantai menyatakan beliau dapat bekerja kerana kakaknya yang tinggal bersama mengambil alih tugas-tugas rumahtangga dan penjagaan anak sewaktu beliau bekerja.

Walaupun dalam keadaan tertentu saudara yang tinggal bersama ini adalah juga terdiri dari mereka yang bekerja tetapi

University of Malaya

mereka masih dapat membantu kerja-kerja rumah yang boleh mengurangkan beban responden dan seterusnya memberi peluang kepada mereka untuk melibatkan diri dalam kegiatan ekonomi.

Dalam kegiatan ekonomi informal seperti yang telah dijelaskan tadi, seorang responden bekerja menjaga dua orang cucu apabila anaknya yang tinggal bersama pergi bekerja. Responden berkenaan menerima upah bulanan dari anaknya itu. Walaupun sudah tua, beliau harus menerima tugas ini kerana anaknya tinggal bersama. Seorang lagi responden dari keluarga luas yang menjalankan perniagaan kedai nasi, dapat menjalankan kerjanya dengan senang kerana beliau tinggal bersama ibubapanya.

Bagi responden yang tergolong dalam keluarga asas pula, penglibatan dalam kegiatan ekonomi adalah kurang kerana keadaan keluarga yang tidak mengizinkan mereka berbuat demikian. Mereka menghadapi banyak masalah dalam urusan rumahtangga kerana tidak ada bantuan dari saudara mara dan kebanyakan mereka beranak kecil.

Terdapat responden yang ditemui menyatakan mereka ingin untuk bekerja tetapi menghadapi masalah penjagaan anak. Jika adapun orang yang akan menjaga anak mereka upahnya terlalu mahal dan tidak termampu oleh mereka. Ini berlainan jika ianya terdiri dari saudara mara, upah yang diberi adalah kadar yang boleh saja. Kebanyakan responden dari keluarga asas ini adalah juga mereka yang kebanyakan

mempunyai anak-anak yang masih kecil, jadi keperluan kewangan seperti perbelanjaan untuk pelajaran tidak begitu mendesak. Dengan itu kecenderungan untuk melibatkan diri dalam ekonomi tidak begitu tinggi.

Taraf pelajaran merupakan faktor utama yang menentukan struktur pekerjaan responden dalam ekonomi formal. Status pelajaran yang rendah (Lihat Jadual 18) tidak memungkinkan mereka menjawat jawatan yang tinggi dalam hierarki pekerjaan dengan gaji yang lumayan. Mereka hanya mampu menjawat jawatan yang rendah seperti Tukang Sapu, Pekerja Kilang dan sebagainya yang tidak memerlukan kelulusan akademik yang tinggi. Taraf pelajaran mempengaruhi tingkat pendapatan responden dalam ekonomi formal. Oleh kerana kebanyakan mereka berpelajaran dan berjawatan rendah sudah tentu gaji yang diterima juga adalah rendah. Status pelajaran yang rendah bukan sahaja dialami oleh responden tetapi hal ini juga dialami oleh suami-suami mereka. Lihat Jadual 17.

Namun begitu taraf pelajaran tidak mempengaruhi penglibatan responden dalam kegiatan ekonomi, kerana terdapat banyak struktur pekerjaan bawahan seperti Pekerja Kilang, Tukang Sapu dan sebagainya di bandaraya ini. Mereka juga boleh melibatkan diri dalam kegiatan ekonomi informal yang tidak memerlukan sebarang kelulusan akademik. Didapati sejumlah empat orang responden yang tidak bersekolah, kesemuanya terlibat dengan kegiatan ekonomi berbanding dengan

28 responden yang mendapat pendidikan menengah hanya 15 orang bergiat dalam kegiatan ekonomi.

Jadual 17: Taraf Pelajaran Suami Responden

| Taraf Pelajaran Suami Responden | Jumlah | Peratus |
|---|---|---|
| Tidak Bersekolah | - | - |
| Sekolah Rendah (Darjah 1 - 3) | 2 | 4 |
| Sekolah Rendah (Darjah 4 - 6) | 17 | 34 |
| Sekolah Menengah (Tingkatan 1 - 3) | 11 | 22 |
| Sekolah Menengah (Tingkatan 4 - 6) | 18 | 36 |
| Sekolah Arab | 1 | 2 |
| Maktab/Universiti | 1 | 2 |
| Jumlah | 50 | 100 |

Dalam ekonomi tidak formal taraf pelajaran tidak mempengaruhi tingkat pendapatan responden kerana ianya bergantung kepada minat, kerajinan dan kecekapan. Jadual 18 menunjukkan taraf pelajaran responden dan jumlah responden yang bekerja mengikut tahap tersebut.

Faktor umur tidak mempengaruhi penglibatan responden dalam kegiatan ekonomi. Ini bermakna tidak semestinya usia tua itu menghalang mereka dari bergiat dalam kegiatan ekonomi untuk menambah pendapatan. Jadual 19 menunjukkan tahap umur dan jumlah responden yang bekerja mengikut tahap umur tersebut.

Jadual 18: Taraf Pelajaran Responden dan Jumlahnya Berbanding Dengan Responden Yang Bekerja

| Taraf Pelajaran Responden | Jumlah Responden | Jumlah Yang Bekerja |
|---|---|---|
| Tidak Bersekolah | 4 ( 8%) | 4 (8%) |
| Sekolah Rendah (Darjah 1 - 3) | 1 ( 2%) | - |
| Sekolah Rendah (Darjah 4 - 6) | 13 (26%) | 6 (12%) |
| Sekolah Arab | 3 ( 6%) | - |
| Sekolah Menengah (Tingkatan 1 - 3) | 18 (36%) | 9 (18%) |
| Sekolah Menengah (Tingkatan 4 - 6) | 10 (20%) | 6 (12%) |
| Maktab/Universiti | 1 ( 2%) | 1 ( 2%) |
| Jumlah | 50 (100%) | 26 (52%) |

Jadual 19: Tahap Umur dan Jumlah Responden Yang Bekerja

| Umur Responden (Tahun) | Jumlah Responden | Jumlah Responden Yang Bekerja |
|---|---|---|
| 22 - 28 | 15 (30%) | 6 (12%) |
| 29 - 35 | 18 (36%) | 8 (16%) |
| 36 - 42 | 7 (14%) | 7 (14%) |
| 43 - 49 | 7 (14%) | 3 ( 6%) |
| 50 Ke Atas | 3 ( 6% | 2 ( 4%) |
| Jumlah | 50 (100%) | 26 (52%) |

Pada peringkat umur 50 ke atas daripada sejumlah tiga responden, dua daripadanya bergiat dalam ekonomi tidak formal. Pada peringkat ini responden berkenaan tidak lagi menghadapi masalah pengurusan rumahtangga kerana anak-anak sudah besar. Untuk mengisi masa yang terluang, mereka melakukan kerja untuk menambah pendapatan.

Begitu juga pada peringkat umur 36 - 49 tahun daripada jumlah 14 orang responden di peringkat ini, 10 orang daripadanya bergiat dalam ekonomi. Pada peringkat ini juga majoriti responden mempunyai anak-anak yang telah besar dan telah bersekolah. Mengikut mereka anak-anak yang telah bersekolah ini memerlukan perbelanjaan yang lebih yang mengharuskan mereka menambah pendapatan.

Jadual 19 jelas memperlihatkan bahawa daripada jumlah 33 responden di peringkat umur 22 - 35 tahun hanya 14 orang yang bergiat dalam ekonomi. Ini menunjukkan tidak semestinya usia muda itu aktif dalam ekonomi. Keadaan ini disebabkan beberapa halangan. Pada peringkat ini majoriti responden beranak kecil. Penjagaan anak dan pengurusan rumahtangga lebih memerlukan responden berkenaan memberi perhatian pada soal tersebut. Keadaan ini jelas dilihat apabila pengkaji menemui beberapa responden pada peringkat umur ini yang terpaksa berhenti kerja apabila mereka mempunyai anak.

### 3.4 <u>Organisasi Kutu</u>

Sistem kutu menjadi suatu organisasi tidak formal yang

penting di kawasan ini. Sistem ini membantu responden dalam penabungan.

Kumpulan kutu mempunyai jumlah ahli tertentu. Sistem kutu yang dianggotai oleh responden kebanyakan kurang dari sepuluh orang. Ahli-ahli adalah terdiri daripada penduduk setempat terutama jiran-jiran yang berhampiran.

Kumpulan kutu ini mempunyai ketua dan beliaulah yang diamanah untuk memegang wang dan ketua ini orang yang dipercayai oleh rakan-rakan dan orang yang diharapkan. Pemilihan atau giliran untuk menerima wang adalah mengikut undian.

Sistem kutu ini sebagai langkah untuk mengatasi masalah-masalah ekonomi dan sistem kredit yang menggalak wanita untuk menabung dan berjimat-cermat. Di sebalik fungsi ekonomi sistem ini mempunyai fungsi sosial yang dapat mengeratkan lagi perhubungan.

Daripada 50 responden yang ditemui, 29 orang (58%) terlibat dalam sistem ini iaitu 50% menyertai kutu wang manakala 8% lagi menyertai kumpulan kutu barang. Mereka yang terlibat dalam sistem kutu wang jumlahnya adalah berbeza-beza antara $10 hingga kepada maksimanya $200. Bagi responden yang tidak bekerja mereka menyertai secara kecil-kecilan iaitu $10. Responden-responden ini menyertai kumpulan yang berlainan dan ada juga menyertai kumpulan yang sama. Mereka yang terlibat dalam kutu barang pula jumlah pembayaran antara

$10 hingga $30 sebulan. Barang-barang yang dibeli biasanya adalah seperti pinggan mangkuk dan kain.

Responden yang melibatkan diri menyatakan tujuan mereka menyertai sistem ini adalah untuk mendapat wang sekali gus kerana jika tidak berbuat demikian wang itu akan habis dibelanjakan. Dengan menyertai sistem ini wang itu mesti diserahkan dan tidak boleh dielakkan lagi.

Wang yang diperolehi digunakan untuk perbelanjaan dapur, pelajaran anak-anak dan membeli barang-barang seperti barang kemas, kelengkapan rumah dan sebagainya. Mereka menyatakan hanya dengan cara ini mereka dapat membeli barang-barang. Dengan menyertai kumpulan kutu barang mereka dapat memperolehi sesuatu barang seperti pinggan mangkuk kerana sukar bagi mereka membeli secara tunai.

Kajian Wong Kwai Cheng (1983: 79 - 80) di kawasan setinggan Cina menunjukkan terdapat juga aktiviti ekonomi tidak formal seperti ini.

### 3.5 Perbelanjaan

Para wanita di sini sama ada yang bekerja atau tidak turut memainkan peranan penting di samping suami dalam menentukan corak perbelanjaan. Perbelanjaan di sini adalah dalam berbagai aspek, daripada perbelanjaan barang dapur, pelajaran anak-anak,

University of Malaya

kesihatan dan perbelanjaan-perbelanjaan lain seperti kelengkapan rumah dan sebagainya.

Adalah sukar untuk membuat satu analisa yang tepat mengenai jumlah perbelanjaan dalam rumahtangga terutama barang-barang dapur. Dalam soal ini hanya dibuat anggaran sahaja. Untuk barang-barang dapur perbelanjaan berbeza antara responden. Mereka berbelanja antara $120 hingga $450 sebulan. Perbelanjaan ini mengikut jumlah ahli dalam keluarga. Bagi keluarga yang kecil jumlahnya perbelanjaan dapur didapati kurang berbanding dengan keluarga yang mempunyai jumlah ahli yang ramai. Namun begitu, perbelanjaan ini adalah tidak tetap kerana mereka menyatakan kadang-kadang untuk makanan yang lebih enak seperti daging memerlukan perbelanjaan yang lebih besar.

Perbelanjaan pelajaran anak-anak pula lebih kepada wang saku dan tambang kerana dari segi buku teks anak-anak mereka mendapat pinjaman. Responden dan suami membelanjakan lebih kurang $50 bagi seorang anak yang bersekolah setiap bulan. Jadi anggaran perbelanjaan persekolahan anak-anak antara $50 - $200 mengikut jumlah anak yang bersekolah.

Perbelanjaan lain termasuklah membayar ansuran barang, wang kutu, kesihatan, sewa rumah dan sebagainya. Sejumlah 14 orang responden mendiami rumah yang disewa. Sewa tersebut berbeza-beza

antara $35 - $180 sebulan.

Bagi responden yang bekerja dan mempunyai anak kecil, sejumlah tertentu wang diperuntukkan untuk mengupah menjaga anak mereka, iaitu berbeza-beza antara $60 - $180.

Majoriti responden menyatakan pendapatan yang kecil adalah tidak mencukupi memandangkan harga barangan yang mahal. Didapati juga ramai antara mereka yang cenderung berbelanja lebih daripada pendapatan. Dengan sebab itu mereka terpaksa berhutang daripada barang-barang kelengkapan rumah hinggalah kepada barang-barang dapur.

3.6 <u>Hakmilik</u>

Dari segi pemilikan harta benda agak ramai yang memiliki alat-alat kelengkapan moden. Jadual 20 menunjukkan jumlah responden yang memiliki harta benda.

Untuk pemilikan harta benda ini wanita turut memberi sumbangan dari segi pendapatan untuk memiliki barang-barang tersebut. Jika tidak mendapat bantuan kewangan dari isteri sudah tentu pemilikan harta ini agak sukar. Selalunya suami akan berbincang dengan isteri mengenai barangan yang akan dibeli.

Walau bagaimanapun kebanyakan mereka membeli barang-barang ini secara ansuran. Bilangan yang membeli secara tunai adalah sedikit. Bayaran ansuran adalah pada tiap-tiap bulan. Ada barangan

University of Malaya

yang dibeli secara ansuran ini telah diselesaikan bayarannya dan ada yang masih membayarnya. Jumlah wang untuk bayaran ansuran ini adalah antara $25 - $114.

Jadual 20: Hakmilik Harta Benda

| Jenis Barang | Jumlah Responden | Peratus |
|---|---|---|
| Radio | 47 | 94 |
| Televisyen | 49 | 98 |
| Mesin Jahit | 22 | 44 |
| Barang Kemas | 46 | 92 |
| Motokar | 6 | 12 |
| Video | 8 | 16 |
| Peti Ais | 42 | 84 |
| Mesin Basuh | 6 | 12 |
| Seti Kerusi | 43 | 86 |
| Dapur Gas | 34 | 68 |
| Motosikal | 11 | 22 |
| Rumah | 36 | 72 |

### 3.7 Tabungan dan Pinjaman

Selain dari menyertai sistem kutu, majoriti responden membuat penabungan dalam institusi kewangan. 36% responden mempunyai simpanan sendiri, 34% berkongsi simpanan dengan suami, 18% simpanan

University of Malaya

hanya dimiliki oleh suami manakala 12% lagi tidak mempunyai sebarang simpanan. Terdapat 10% anak-anak responden yang masih bersekolah mempunyai simpanan.

Simpanan dibuat di Pejabat Pos, Bank, Amanah Saham Nasional (ASN) dan Tabung Haji. Terdapat responden yang mempunyai dua tabungan seperti Bank dan Amanah Saham Nasional; Tabung Haji dan Amanah Saham Nasional dan sebagainya.

Beberapa faktor mendorong responden untuk menabung. Kebanyakan responden menyatakan mereka menabung untuk digunakan pada waktu-waktu terdesak, untuk masa tua, untuk pelajaran anak-anak, lebih selamat dan bagi responden yang agak tua mereka menyatakan tujuan tabungan adalah untuk menunaikan haji.

Pinjaman atau hutang memang terdapat di kalangan responden dan suami mereka. Kebanyakannya berhutang dalam jumlah yang kecil seperti hutang membeli barang dapur, hutang kain, kelengkapan rumah dan sebagainya.

Terdapat lima orang suami responden yang membuat pinjaman dari bank dan koperasi untuk membeli rumah. Maksima pinjaman ialah $39,000. Dua orang responden membuat pinjaman dari koperasi tempat kerja. Pinjaman ini digunakan untuk perbelanjaan dan kelengkapan rumah. Jumlah bayaran yang mesti dibayar adalah berbeza-beza antara $150 hingga $392 setiap bulan.

Walaupun pada hakikatnya suami yang membuat pinjaman tetapi isteri turut memberi bantuan kerana daripada jumlah lima orang suami responden yang membuat pinjaman, tiga daripadanya isteri mereka melibatkan diri dalam kegiatan ekonomi.

Kesimpulannya dari huraian di atas, wanita yang berupaya akan melakukan apa saja aktiviti ekonomi untuk menambah pendapatan. Dapatlah dikatakan bahawa faktor kewanganlah yang menjadi pendorong utama kepada kaum wanita di kawasan kajian untuk bergiat dalam ekonomi di samping membantu suami mencari nafkah hidup. Wanita-wanita berkenaan juga mendapat galakan dari suami masing-masing dalam pekerjaan mereka.

Faktor kewangan perlu untuk mencapai taraf hidup yang sempurna. Keperluan kewangan bukan saja untuk memenuhi keperluan asas tetapi supaya dapat menikmati kemudahan dan kelengkapan moden seperti alat-alat elektrik, kenderaan dan sebagainya. Oleh kerana keadaan tempat tinggal yang belum menentu sudah tentu mereka ini juga ingin memiliki rumah sendiri.

## BAB IV

## PERANAN WANITA DALAM BIDANG SOSIAL DAN POLITIK

Berbagai aktiviti diadakan di kawasan ini bagi membolehkan penyertaan wanita dalam bidang sosial dan politik. Ini menunjukkan wanita telah diberi kebebasan untuk bergiat cergas di luar rumah-tangga dan terpulanglah kepada mereka sendiri untuk menceburi bidang tersebut.

Aktiviti-aktiviti yang dijalankan di kawasan ini dibahagikan kepada dua bahagian iaitu pertama, kegiatan yang dianjurkan oleh parti cawangan iaitu Parti UMNO dan kedua, kegiatan sosial yang bercorak bukan politik. Kegiatan yang dianjurkan oleh parti cawangan UMNO adalah bercorak tetap dan tidak tetap. Keseluruhannya kegiatan wanita dalam bidang sosial dan politik dipengaruhi oleh status pelajaran dan corak kehidupan mereka.

### 4.1 Pergerakan Wanita UMNO

Cawangan UMNO Kg. Hj. Abdullah Hukum telah diasaskan dalam tahun 1960an di bawah bahagian UMNO Pantai Bharu. Di peringkat cawangan ini juga terdapat biro khas untuk wanita yang dikenali sebagai Jawatankuasa Pergerakan Wanita UMNO.

Keseluruhannya penglibatan wanita dalam politik tertumpu kepada menjadi ahli biasa. Daripada sejumlah 50 orang responden yang ditemui hanya tiga orang memegang jawatan dalam pergerakan tersebut di peringkat cawangan iaitu sebagai Ketua Wanita, Bendahari dan seorang lagi berjawatan Ahli Jawatankuasa. Didapati mereka yang memegang jawatan ini mempunyai pengetahuan dan kesedaran politik yakni perjuangan mereka dalam politik bukan sekadar untuk faedah diri dan mengambil kesempatan daripadanya. Mereka mempunyai kesedaran bahawa penglibatan wanita dalam politik itu penting untuk memilih kerajaan yang akan memerintah dan juga untuk perjuangan bangsa dan negara.

Di antara ahli-ahli biasa ini hanya segelintir kecil yang menyertainya disebabkan minat dan mereka ini akan menghadiri mesyuarat dan aktiviti-aktiviti yang dianjurkan oleh parti. Majoriti responden hanya mendaftar sebagai ahli tetapi tidak pernah menghadiri mesyuarat dan kegiatan yang dianjurkan. Mereka hanya membayar yuran dan menjadi pengundi sewaktu pilihanraya. Oleh itu dapatlah dikatakan majoriti responden hanya menjadi penyokong yang pasif.

Pengetahuan dan kesedaran politik mereka sangat terbatas. Misalnya kebanyakan mereka tidak mengetahui siapakah Ketua Pergerakan Wanita UMNO Malaysia walaupun menyertai politik UMNO. Apa yang terlintas dalam fikiran mereka berpolitik hanyalah untuk mendapat faedah daripadanya iaitu untuk kepentingan diri bukan untuk bergiat

cergas di dalamnya.

Mereka berpendapat dengan menyertai UMNO senanglah bagi mereka untuk mendapat manfaat dari pembangunan yang diadakan. Ada responden yang menyatakan jika mereka tidak menyertai UMNO sukarlah bagi mereka untuk dipertimbangkan bagi mendapat sesuatu kemudahan misalnya kemudahan rumah jika pihak kerajaan membuat pemindahan setinggan ini. Jelaslah di sini penyertaan mereka dalam politik bukanlah disebabkan kesedaran berpolitik tetapi untuk kepentingan diri.

Keadaan yang sama berlaku di lain-lain kawasan setinggan di bandaraya. Azizah Kassim dalam kajiannya mengenai politik setinggan (1985: 232 - 238) menyatakan penghuni-penghuni setinggan di Kampung Selamat menggunakan parti politik sebagai alat untuk memenuhi tujuan dan kehendak mereka. Kehendak-kehendak itu dipenuhi kerana ahli-ahli politik menggunakan pengaruh mereka untuk mendapat undi dari penghuni setinggan. Cawangan-cawangan parti pemerintah terdapat di mana-mana kawasan setinggan.

Seterusnya beliau menyatakan salah satu faktor yang menyebabkan penduduk setinggan menyertai UMNO adalah untuk memperolehi hal-hal yang berfaedah. Mereka menjadikan parti politik bukan saja untuk mencapai kehendak komuniti tetapi untuk memenuhi kehendak individu. Inilah yang menyebabkan mereka menyokong UMNO.

Mereka berkeyakinan hanya parti pemerintah mempunyai potensi dan berkeupayaan untuk memenuhi objektif mereka.

Jadi pendekatan politik mereka adalah untuk mendapat faedah diri dan komuniti bukan disebabkan kesedaran berpolitik. Menurut Azizah Kassim:

> "Squatters political attitude is inward looking; they involve themselves in a political organisation merely to bring changes for themselves and their neighbourhood, not to change the world outside."
>
> (1985: 270)

Kesemua wanita di kawasan kajian yang melibatkan diri dalam politik menganggotai parti politik yang memerintah iaitu parti UMNO. Hal ini tidak dapat dielakkan kerana hanya wujud parti pemerintah di kawasan setinggan dan sebagai penghuni setinggan mereka mesti menyokong kerajaan. Mereka mendaftar dan menyertai parti UMNO tetapi dari segi hakikatnya ada yang menyokong parti lawan. Seorang responden yang ditemui menyatakan beliau mendaftar sebagai ahli pergerakan Wanita UMNO tetapi pada hakikatnya beliau menyokong pergerakan dan perjuangan parti lawan iaitu parti PAS. Keadaan yang sama terdapat dalam kajian Azizah Kassim. Menurut beliau, walaupun tidak wujudnya parti pembangkang secara rasmi di kawasan setinggan tetapi ini tidak bermakna semua penghuni setinggan menyokong parti kerajaan, cuma mereka tidak menunjukkan

sokongan ini secara terbuka. Menurut Azizah Kassim:

> "The absence of signboards of the opposition parties does not mean that the squatters are all for the political parties of the government in power ...., but they are not keen to display their support openly."
> (1985: 239)

Keseluruhannya dapatlah dikatakan kaum wanita di sini tidak mempunyai kesedaran politik yang luas dan mereka tidak bergiat cergas dalam politik. Ini sesuai dengan taraf pelajaran mereka yang rendah. Ini terbukti kerana mereka yang bergiat cergas dalam politik adalah terdiri dari mereka yang berkedudukan tinggi iaitu dari golongan elit dan kelas menengah, manakala golongan yang berpendapatan rendah banyak menjadi ahli biasa dan sumbangan mereka yang penting hanyalah dari segi undi. Menurut Manderson:

> "Wanita Melayu merupakan golongan yang ketara dalam barisan panjang di pusat-pusat mengundi..."
> (1980: 209)

Mazidah Zakaria (1985: 3) mengutarakan pandangannya bahawa kemajuan negara telah menyebabkan munculnya sistem pelajaran moden. Golongan wanita dari kelas atasan yang utama sekali mendapat keuntungan dari sistem ini dan merekalah yang terlibat dalam aktiviti-aktiviti sukarela yang mempunyai hubungan dengan kebajikan, sosial, politik dan sebagainya. Hal ini menunjukkan pelajaran adalah penting dalam menentukan keaktifan wanita dalam politik.

Jika dilihat dari peranan kaum wanita di sini dalam bidang politik, ia tidaklah dapat memenuhi definisi peranan politik. Tidak terdapat penglibatan yang serius dari kebanyakan mereka. Selain dari status pelajaran seperti yang dinyatakan di atas, kurangnya pendedahan dan juga pengaruh rumahtangga menghadkan penglibatan mereka dalam politik. Keadaan ini mungkin disebabkan keaktifan dalam politik tidak memberi hasil yang spontan seperti mana bergiat dalam ekonomi.

Sebagai masyarakat dari strata bawahan, sosialisasi politik mereka amatlah kurang yang seterusnya memberi implikasi kepada penyertaan politik mereka. Didapati responden ini juga tidak mempunyai sikap yang tegas dalam politik dan ada yang berpendapat politik itu lebih sesuai untuk lelaki. Beberapa orang responden apabila ditanya pernahkah mereka menghadiri mesyuarat parti dan sebagainya, mereka menyatakan tidak pernah menghadirinya kerana suami mereka yang menghadirinya. Jadual 21 menunjukkan kedudukan responden dalam pergerakan Wanita UMNO peringkat Cawangan.

Kajian oleh Fauziah Hanim Nordin (1983) dan Wong Kwai Cheng (1983) terlalu sedikit menyentuh mengenai penglibatan wanita dalam politik. Menurut Fauziah Hanim Nordin (1983: 105) selain daripada ketua rumahtangga yang menyertai parti politik, terdapat juga ahli-ahli keluarga lain yang menjadi ahli dalam parti politik. Menurutnya, 66.66% daripada para isteri responden menjadi ahli parti

politik. Namun begitu mereka tidaklah bergiat dalam memegang apa-apa jawatan dalam parti dan hanya menjadi ahli sahaja.

Jadual 21: Kedudukan Responden Dalam Pergerakan Wanita UMNO

| Kedudukan Responden | Jumlah | Peratus |
|---|---|---|
| Memegang Jawatan | 3 | 6 |
| Ahli Biasa | 30 | 60 |
| Bukan Ahli | 17 | 34 |
| Jumlah | 50 | 100 |

Kajian Wong Kwai Cheng (1983: 115) di kawasan setinggan Cina menunjukkan ramai di antara penghuni kawasan tersebut yang lebih mementingkan kegiatan ekonomi untuk memenuhi 'periuk nasi' mereka daripada berpolitik. Kajian beliau menunjukkan wanita Cina melibatkan diri dalam MCA (Malaysian Chinese Association) tetapi mereka jarang aktif.

## 4.2 Kelas Kemajuan Masyarakat (KEMAS)

Aktiviti KEMAS yang dijalankan adalah atas anjuran Cawangan UMNO kampung ini. KEMAS merupakan satu badan di bawah Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar. Secara amnya objektif KEMAS ialah untuk melahirkan satu masyarakat yang berjaya dan progresif melalui kesedaran di kalangan wanita tentang peranan dan tanggungjawab

mereka terhadap pembangunan negara. Ia juga bertujuan memaju potensi kebolehan wanita ke peringkat maksima dan perubahan sosial masyarakat.

Kegiatan-kegiatan yang dianjurkan untuk wanita ialah kelas ekonomi rumahtangga dan kelas agama. Bagi kelas ekonomi rumahtangga seorang guru bertugas untuk mengajar kaum wanita. Pada amnya kelas ini bertujuan untuk memaju diri dan juga meninggikan taraf sosio-ekonomi kaum wanita. Selain dari menambah pengetahuan, objektif kelas ini supaya kaum wanita di sini mengambil inisiatif untuk menambah pendapatan. Ini terpulanglah kepada kebijaksanaan dan kemahuan mereka untuk membuat sesuatu yang boleh menambah pendapatan dari pengetahuan yang diperolehi.

Kelas ekonomi rumahtangga ini diadakan seminggu sekali iaitu pada tiap-tiap hari Jumaat antara pukul 3.00 - 5.00 petang. Antara aktiviti yang dijalankan ialah masakan, kerjatangan seperti gubahan, sulaman, mengkait dan sebagainya. Dari segi masakan, objektif KEMAS ialah mengajar seseorang wanita itu kepada penyediaan makanan yang seimbang dan makanan yang berzat dengan menggunakan sayur-sayuran dan buah-buahan tempatan misalnya cara membuat kuih muih dengan menggunakan ubi dan pisang. Walau bagaimanapun menurut guru yang bertugas di kawasan ini, oleh kerana kawasan ini merupakan kawasan bandar, objektif KEMAS itu tidak dapat dipraktikkan sepenuhnya. Selain dari masakan di atas, mereka juga diajar masakan moden dan

ini adalah permintaan dari kaum wanita itu sendiri yang ingin mempelajari sesuatu yang baru.

Selain dari masakan, mereka juga diajar mengenai kraftangan seperti membuat gubahan, menjahit, sulaman, mengkait dan sebagainya. Mereka juga diberi pengetahuan mengenai penjagaan ibu semasa mengandung, penjagaan anak dan sebagainya.

Jumlah wanita yang menghadiri kelas ini adalah tidak tetap, selalunya kurang daripada 15 orang. Setiap kali kelas diadakan mereka yang menghadirkan diri selalunya terdiri daripada orang yang sama. Kajian yang dijalankan terhadap 50 orang responden, hanya 19 orang yang terlibat dengan kegiatan ini. Ada di antara mereka ini yang tidak menyertainya pada tiap-tiap minggu tetapi jika ada kelapangan sahaja. Kelas ekonomi rumahtangga ini lebih diminati oleh golongan muda. Namun begitu terdapat juga wanita yang sudah berumur berminat menghadiri kelas ini.

Satu lagi kegiatan yang dianjurkan oleh KEMAS ialah kelas agama. Seorang guru ditugaskan untuk mengajar. Mereka diajar berbagai aspek dalam agama iaitu dari segi tauhid, feqah, membaca Quran dengan tajwid yang betul, doa-doa hinggalah kepada aspek-aspek kemasyarakatan seperti berbaik-baik dengan jiran tetangga, tanggungjawab isteri terhadap suami dan sebagainya. Kelas ini diadakan setiap minggu pada hari Isnin dari pukul 2.00 hingga 4.00 petang. Sambutan yang

diberikan samalah seperti mana kelas ekonomi rumahtangga iaitu setiap kali diadakan jumlah yang hadir lebih kurang 15 orang. Kelas ini lebih menarik perhatian golongan tua.

Kajian terhadap 50 orang responden menunjukkan 20 orang daripada mereka melibatkan diri dalam kelas agama ini. Mereka menyatakan dengan menyertai kelas ini mereka mendapat manfaat daripada apa yang dipelajari untuk dipraktikkan dalam kehidupan mereka seharian.

Dari huraian di atas ternyata sambutan untuk aktiviti-aktiviti KEMAS tidaklah begitu menggalakkan. Beberapa faktor menyebabkan kaum wanita di sini tidak berminat untuk menyertai kegiatan sosial ini. Jarak antara rumah dengan tempat diadakan aktiviti ini menjadi salah satu faktor mengapa mereka tidak menyertai kegiatan yang dianjurkan. Didapati mereka yang aktif menyertai kegiatan KEMAS ini adalah mereka yang tinggal berhampiran dengan pusat di mana aktiviti ini dijalankan. Misalnya bagi penduduk Kampung Paya, mereka sebelum ini pernah menyertai kegiatan KEMAS tetapi setelah kampung tersebut disatukan dengan Kampung Hj. Abdullah Hukum, aktiviti KEMAS di kawasan itu diberhentikan dan kelas KEMAS diadakan di Kg. Hj. Abdullah Hukum. Dengan sebab itu pada masa ini kebanyakan mereka tidak menyertai aktiviti KEMAS ini disebabkan jauh dari rumah.

Masalah penjagaan anak juga menghalang mereka dari melibatkan diri. Bagi wanita yang mempunyai anak yang masih kecil, mereka menyatakan sukar untuk melibatkan diri kerana tidak ada siapa yang akan menjaga anak mereka yang menunjukkan masalah rumahtangga menjadi penghalang kepada penglibatan mereka.

Memandangkan kelas-kelas yang diadakan berbentuk informal, mereka boleh membawa bersama anak-anak mereka, tetapi ini agak menyulitkan kerana anak-anak kecil ini akan mengganggu pelajaran yang diajar. Keadaan ini menyebabkan mereka mengambil keputusan tidak menyertai kegiatan-kegiatan yang diadakan. Terdapat juga wanita yang membawa bersama anak-anak kecil mereka dan kadang-kadang mereka akan beredar sebelum kelas berakhir. Aktiviti-aktiviti KEMAS ini diadakan pada hari Jumaat dan Isnin. Ini bermakna wanita yang bekerja tidak dapat menyertainya.

Kaum wanita di kawasan ini diberi kebebasan oleh suami untuk menyertai kegiatan yang dianjurkan dan ini terserahlah kepada mereka untuk menyertainya atau tidak. Apa yang penting ialah minat dan kemahuan mereka kerana ada wanita yang tidak menghadapi masalah rumahtangga seperti penjagaan anak tetapi tidak melibatkan diri disebabkan tidak berminat.

Kurangnya penglibatan yang menyeluruh daripada kaum wanita dalam kegiatan yang dianjurkan terjadi di mana-mana sahaja sama ada

di bandar atau luar bandar. Rokiah Talib (1984) dalam kajiannya tentang aktiviti Persatuan Wanita Pekebun Kecil (PWPK) mendapati penyertaan wanita pekebun kecil tidak begitu memuaskan walaupun usaha dijalankan oleh pegawai RISDA untuk melibatkan mereka dengan aktiviti-aktiviti yang dijalankan, yang menunjukkan penerimaan yang pasif dari pembangunan oleh kerajaan.

Seperti yang dinyatakan di atas, objektif KEMAS selain dari memberi pengetahuan, ia juga bertujuan untuk mengubah taraf sosio-ekonomi iaitu dengan menambah pendapatan. Namun begitu, menurut guru KEMAS bagi kawasan ini, tidak ada usaha yang menyeluruh dari wanita di kawasan ini untuk mempraktikkan segala yang dipelajari untuk menambah pendapatan. Mereka belajar hanya sekadar untuk menambah pengetahuan diri dan untuk keluarga.

Terdapat juga wanita yang menyertai aktiviti ini supaya dapat bercampur gaul dengan masyarakat. Jelaslah kegiatan ini mempunyai fungsi sosial. Bagi mereka yang sering sibuk dengan urusan rumahtangga inilah masanya mereka mendapat bertemu dengan jiran dan rakan-rakan dalam suatu tempat yang seterusnya mengeratkan lagi perhubungan antara mereka.

Secara idealnya KEMAS merupakan satu pertubuhan yang bercorak sosial untuk memajukan masyarakat khususnya kaum wanita, tetapi pada hakikatnya ia mempunyai fungsi politik. Seperti yang

dinyatakan, kegiatan KEMAS di kawasan ini adalah atas anjuran parti UMNO. Sedikit sebanyak penglibatan wanita dalam KEMAS menunjukkan peranan dan penglibatan mereka dalam politik. KEMAS juga dianggap sebagai organisasi separuh politik.

Kegiatan KEMAS ini juga dijalankan di lain-lain kawasan setinggan. Aktiviti-aktiviti yang dijalankan adalah sama. Kajian Azizah Kassim (1985: 338) menunjukkan sambutan yang diberikan terhadap aktiviti yang dijalankan adalah sama seperti di kawasan ini iaitu jumlah mereka yang hadir antara 10 - 15 orang sahaja. Kegiatan KEMAS di lain-lain kawasan setinggan juga dijayakan oleh parti UMNO peringkat Cawangan.

## 4.3 Aktiviti-Aktiviti Yang Tidak Tetap

Aktiviti-aktiviti tidak tetap ini hanya diadakan pada waktu-waktu tertentu seperti hari perayaan, upacara keagamaan dan juga apabila sesuatu keperluan timbul misalnya untuk membersihkan kampung.

### 4.3.1 Aktiviti Keagamaan dan Perayaan-Perayaan Tertentu

Aktiviti ini terbuka untuk seluruh penduduk sama ada lelaki atau perempuan. Kegiatan ini diadakan di surau kampung tersebut. Kegiatan yang dijalankan adalah atas anjuran parti cawangan kerana di bawah organisasi parti ini telah dibentuk

Jawatankuasa Surau yang mengelolakan segala aktiviti yang berkaitan dengan keagamaan.

Pada hari-hari perayaan seperti Hari Raya, Maulud Nabi, Israk dan Mikraj berbagai kegiatan dianjurkan. Kegiatan-kegiatan itu seperti ceramah, jamuan dan sebagainya. Ceramah juga diadakan pada hari-hari biasa selain dari perayaan agama misalnya selepas waktu maghrib. Penceramah adalah dari Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI). Selain dari ceramah, Jawatankuasa Surau juga ada menjalankan penyembelihan korban semasa Hari Raya Haji.

Kaum wanita di sini turut menghadirkan diri dalam kegiatan keagamaan dan perayaan ini. Selepas ceramah selalunya diadakan jamuan dan wanitalah yang bertanggungjawab dalam hal-hal seperti ini. Aktiviti ini secara tidak langsung mengeratkan lagi perhubungan antara penduduk kawasan ini.

### 4.3.2 Gotong-Royong

Gotong royong juga menjadi amalan yang penting kerana ia mempunyai implikasi sosial yang dapat mengeratkan lagi perhubungan. Kerja-kerja gotong-royong mendapat penyertaan yang agak menyeluruh dari penduduk kampung. Mereka beramai-ramai mengadakan aktiviti seperti membersih kawasan kampung, menolong jiran membuat atau memperbaiki rumah dan sebagainya.

Kaum wanita juga tidak ketinggalan dalam gotong-royong yang dianjurkan dengan membuat kerja-kerja yang sesuai dengan mereka. Ada antara mereka yang tidak melibatkan diri secara langsung dalam kegiatan gotong-royong tetapi bertanggungjawab dari segi penyediaan makanan. Kegiatan gotong royong seperti membersih kampung adalah juga atas anjuran parti cawangan.

Oleh kerana kehidupan mereka di sini seakan-akan masyarakat kampung maka tolong menolong dan bergotong-royong di dalam sesuatu aktiviti merupakan satu fenomena sosial yang penting.

Keseluruhannya segala aktiviti sama ada berbentuk sosial, keagamaan dan politik adalah di bawah anjuran parti cawangan iaitu parti UMNO. Walaupun aktiviti sosial dan agama yang dianjurkan tidak mempunyai perkaitan politik tetapi sedikit sebanyak ia dipengaruhi oleh parti pemerintah. Menurut Azizah Kassim:

> "The party conducts activities which
> are not directly political in nature
> but which contribute positively
> towards the party's image."
> (1985: 347)

## 4.4 Kegiatan Yang Bercorak Bukan Politik

Kumpulan kutu yang disertai oleh kaum wanita seperti yang telah dihuraikan dalam Bab III juga mempunyai fungsi sosial. Di sebalik fungsi ekonomi kegiatan ini dapat mengeratkan lagi hubungan

University of Malaya

antara jiran tetangga. Mereka yang menyertai kumpulan ini saling mempercayai antara satu sama lain dan mereka yang beramanah. Ada responden yang ditemui menyatakan beliau menyertai kumpulan kutu ini hanya untuk suka-suka menunjukkan kegiatan ini mempunyai fungsi sosial yang penting.

Oleh kerana ahli yang menyertai kumpulan kutu ini terdiri daripada mereka yang telah mengenali antara satu sama lain, sudah tentu mereka mengelakkan diri dari tidak beramanah. Jika keadaan ini berlaku ia memberi kesan buruk dari segi perhubungan dengan ahli-ahli lain.

Organisasi kutu wujud di lain-lain kawasan setinggan yang mana kaum wanitalah yang menyertai kumpulan ini. Kajian Azizah Kassim menunjukkan kumpulan kutu ini mempunyai implikasi sosial dan kejayaan kumpulan kutu ini bergantung kepada kebaikan dan amanah. Menurutnya:

> "Yet the kutu scheme has never been known to fail, no member it seems has even 'defaulted' and the secret of the success of the scheme lies entirely in social sanctions."
>
> (1985: 352)

Kajian beliau juga menunjukkan terdapat kegiatan informal lain seperti jualan parti yang dianjurkan. Sistem jualan parti ini di sebalik fungsi ekonomi mempunyai implikasi sosial yang penting.

Melalui kegiatan informal ini perjumpaan dapat diadakan. Kaum wanita akan menyertainya supaya tidak dikatakan 'anti-social'.

> "To squatter's women, these party sales may seem more like social functions. They come bringing their children to meet friends and neighbours, to joke and gossip, while enjoying the food and delicacies served by the hostess..."
> (Azizah Kassim, 1985: 350-351)

Kenduri kendara juga penting dari segi hubungan sosial. Walaupun ianya jarang diadakan ia adalah amat berkesan. Pada umumnya kaum wanitalah yang sibuk membantu sewaktu diadakan majlis kenduri. Tolong menolong sewaktu jiran mengadakan kenduri samalah seperti yang berlaku di kampung-kampung. Sebelum hari kenduri diadakan mereka akan menolong jiran berkenaan menyediakan kelengkapan untuk kenduri seperti membuat kerisik, pelamin, bunga telur dan sebagainya. Pada hari kenduri, mereka akan datang pagi-pagi lagi untuk membantu kerja-kerja yang berpatutan seperti memotong daging, bawang dan sebagainya.

Tolong menolong semasa kenduri ini mempunyai implikasi sosial kerana dengan cara ini hubungan dengan jiran tetangga bertambah erat. Pertolongan ini dengan sendiri akan mendapat balasan sewaktu mereka mengadakan kenduri pula walaupun balasan seumpama ini tidak diminta. Mereka yang tidak terlibat dalam tolong menolong semasa kenduri ini, mereka seolah-olah terasing

University of Malaya

dan dikatakan tidak mahu bermasyarakat. Tolong menolong ini bukan saja berlaku pada aktiviti seperti kenduri kendara tetapi jika ada kematian dan sebagainya.

4.5 Wanita dan Jiran Tetangga

Perhubungan wanita dengan jiran tetangga adalah penting kerana merekalah yang banyak berada di rumah berbanding dengan lelaki yang banyak menghabiskan masa di luar kawasan ini untuk aktiviti ekonomi. Seperti yang telah dihuraikan dalam Bab I, hampir semua responden berasal dari luar kawasan ini. Sebagai orang yang merantau, kebanyakan mereka tidak mempunyai saudara mara di sini, dengan itu berbaik-baik dengan jiran adalah penting.

Pada keseluruhannya dapatlah dikatakan bahawa hubungan wanita dengan jiran tetangga adalah baik, walaupun dikatakan hidup di bandar semangat kejiranan tidak lagi penting. Hubungan ini dipelihara untuk kepentingan bersama. Hal ini disebabkan kedudukan perumahan dan desakan hidup yang sama-sama mereka hadapi. Perasaan kekitaan dan perhubungan menjadi lebih erat dan ketara ketika mengadakan kenduri dan aktiviti-aktiviti pekerjaan dan lain-lain bentuk hubungan dan interaksi persemukaan.

Wanita-wanita di sini sering berkunjung ke rumah jiran jika ada kelapangan sama ada untuk menziarahi dan sebagainya. Di antara mereka ada yang mempunyai hubungan secara sederhana dan

ada yang mempunyai hubungan rapat yang menganggap jiran seperti saudara mereka sendiri dan sering membuat kunjungan berbalas (mutual exchange). Kadang-kadang mereka tidak bertandang ke rumah jiran tetapi pada waktu petang mereka kelihatan duduk bersama di halaman rumah sambil berbual, menunjukkan satu hubungan yang mesra antara mereka.

Berbaik-baik dengan jiran adalah perlu kerana bagi mereka yang tidak mempunyai saudara mara di sini, kepada jiranlah pertolongan diharap sama ada masa gembira atau masa susah seperti kenduri kendara, sakit demam, kematian dan sebagainya. Tolak ansur adalah penting dalam menjalin hubungan baik dengan jiran. Keadaan rumah yang rapat memerlukan tolak ansur jiran, misalnya bunyi radio yang kuat dan juga masalah yang ditimbulkan oleh anak-anak seperti membuat bising, bergaduh dan sebagainya. Tolak ansur juga penting kerana beberapa kemudahan digunakan bersama seperti kemudahan air paip. Jika tidak ada tolak ansur sudah tentu akan mengeruhkan suasana.

Namun begitu tidak dapat dinafikan terdapat konflik antara kaum wanita tersebut. Didapati ada wanita yang tidak begitu menyenangi jiran mereka. Semasa kajian ini dijalankan seorang responden mengadakan majlis kenduri kahwin. Apabila ditanya kepada wanita di kawasan ini mengapakah kenduri yang diadakan itu tidak begitu mendapat pertolongan daripada mereka yang berhampiran, mereka menyatakan hal ini disebabkan sikap responden itu yang tidak disenangi

oleh mereka seperti suka memperkatakan tentang hal orang.

Seorang lagi responden yang ditemui menyatakan beliau tidak berminat untuk menyertai aktiviti yang dijalankan dan bercampur gaul dengan masyarakat di kampung itu kerana mereka suka mengambil tahu hal orang atau istilah yang lebih tepat lagi 'suka menjaga tepi kain orang'.

Namun begitu konflik-konflik ini tidak ditunjukkan secara terbuka kerana mereka masih berbaik-baik dengan jiran mereka.

Kajian Fauziah Hanim Nordin (1983: 118) juga memperlihatkan hubungan baik dengan jiran dipelihara.Komuniti setinggan yang dikajinya adalah komuniti kumpulan primary yang dicirikan oleh kemesraan berjiran dan satu perasaan kepunyaan pada komuniti yang dirasakan mempunyai masalah yang sama. Oleh kerana mereka biasanya adalah orang-orang yang berhijrah dari kawasan-kawasan luar bandar, mereka membawa bersama institusi budaya dan tradisi dan kawalan sosial, dengan itu membentuk komuniti yang bersatu dalam kawasan bandar. Kajian oleh Wong Kwai Cheng (1983: 75) pula memperlihatkan bahawa setinggan Cina lebih bersifat individualistik.

## 4.6 Persatuan Luar Yang Disertai Oleh Wanita

Persatuan luar yang disertai oleh wanita adalah seperti Jadual 22.

Jadual 22: Persatuan Luar Yang Disertai Oleh Wanita

| Persatuan | Jumlah | Peratus |
|---|---|---|
| Persatuan Ibubapa-Guru(PIBG) | 35 | 70 |
| Kelab Wanita | 2 | 4 |
| Pelitawanis | 1 | 2 |
| Persatuan Peniaga Kecil | 1 | 2 |
| Jumlah | 39 | 78 |

PIBG dianggotai oleh semua ibubapa yang anak-anak mereka bersekolah. Kerana secara otomatis mereka akan menjadi ahli persatuan ini. Walau bagaimanapun mereka tidak bergiat cergas kerana hal ini diserahkan kepada suami mereka. Mereka hanya akan menghadiri mesyuarat dan sebagainya jika suami mereka tidak dapat berbuat demikian.

Bagi persatuan-persatuan lain seperti Kelab Wanita dan Pelitawanis yang dianggotai di tempat kerja, kegiatan yang dianjurkan sama seperti kegiatan KEMAS iaitu mengadakan kelas-kelas masakan dan kerjatangan. Persatuan Peniaga Kecil pula dianggotai oleh seorang responden yang menjalankan perniagaan warung nasi. Ia bertujuan menjaga kepentingan peniaga-peniaga kecil dan sering mengadakan perjumpaan untuk menyuarakan masalah mereka.

4.7 Wanita dan Media Massa

Hal ini penting kerana media massa merupakan alat pengetahuan yang boleh mempengaruhi penyertaan wanita dalam sosial dan politik. Pengetahuan yang luas adalah penting dalam menentukan keaktifan dalam pergerakan sosial dan politik. Didapati mereka yang suka melibatkan diri dalam kegiatan-kegiatan yang dianjurkan adalah terdiri daripada mereka yang mempunyai pengetahuan yang agak luas. Mereka ini gemar membaca akhbar dan juga mengikuti ruangan yang memberikan pengetahuan seperti siaran berita. Kurangnya pengetahuan menyebabkan kesedaran mereka terhadap kegiatan sosial dan politik adalah terbatas.

Keseluruhannya wanita di sini terdedah kepada media massa seperti radio, tv, video, suratkhabar dan sebagainya. Walau bagaimanapun kecenderungan mereka lebih kepada rancangan-rancangan dan ruangan yang bercorak ringan seperti rancangan hiburan iaitu drama, filem Melayu dan juga yang berkaitan dengan keluarga seperti masakan dan sebagainya. Mereka kurang berminat untuk melihat dan membaca ruangan seperti forum dan politik yakni rancangan yang agak berat bagi pemikiran mereka. Kebanyakan mereka membaca akhbar pada hari-hari tertentu saja dan amat sedikit sekali yang membacanya pada tiap-tiap hari.

University of Malaya

Tegasnya pengetahuan am wanita-wanita di sini amat terbatas. Ini sesuai dengan status pelajaran mereka yang rendah dan jika adapun yang boleh membaca dengan baik, kesempatan untuk berbuat demikian amat terbatas kerana sibuk dengan urusan rumahtangga.

Kesimpulannya penyertaan wanita dalam persatuan yang bercorak sosial dan politik tidak begitu menyeluruh. Kebanyakan mereka tidak begitu berminat untuk menyertai kegiatan yang dianjurkan ditambah pula dengan halangan-halangan rumahtangga.

University of Malaya

## BAB V

## KESIMPULAN

Perbincangan dalam bab-bab sebelum ini menunjukkan telah berlaku perubahan peranan kaum wanita di kawasan kajian. Tugas dan peranan mereka tidak lagi berkisar di sekitar rumahtangga semata-mata malah telah menjangkaui lingkungan 'domestic' ini untuk bergiat dalam ekonomi, sosial dan politik.

Huraian dalam Bab III menunjukkan kaum wanita di sini turut melibatkan diri dalam kegiatan ekonomi sama ada ekonomi formal atau informal. Penglibatan wanita dalam ekonomi atas kesedaran bahawa mereka juga bertanggungjawab untuk sama-sama mencari nafkah dan mereka amat memahami bahawa pendapatan suami mereka yang rendah sudah tentu tidak berupaya untuk menampung kos hidup yang tinggi di bandar kerana majoriti suami responden adalah kaum buruh yang tidak memungkinkan tingkat pendapatan yang tinggi.

Implikasi dari penglibatan wanita dalam ekonomi ini menyebabkan pendapatan keluarga bertambah, mereka berupaya memiliki tabungan sendiri, membantu suami menampung perbelanjaan keluarga dan berupaya memiliki berbagai barangan dan keperluan yang dianggap 'mewah' yang membolehkan kehidupan lebih selesa.

Penyertaan wanita dalam kegiatan ekonomi berlaku di lain-lain kawasan setinggan. Kajian Azizah Kassim (1985: 155 - 230)

University of Malaya

menunjukkan bahawa kaum wanita setinggan tidak hanya terikat dengan kerja-kerja rumahtangga malah telah bergiat cergas dalam ekonomi membantu keluarga, apalagi pekerjaan untuk wanita senang diperolehi dalam hierarki pekerjaan yang rendah yang tidak memerlukan kemahiran dan kelulusan akademik yang tinggi. Kajian beliau menunjukkan oleh kerana pendapatan ketua rumahtangga yang rendah iaitu 67% berpendapatan di bawah $400, maka isteri dan lain-lain anggota keluarga terpaksa bekerja. Keadaan yang sama ditemui oleh pengkaji di mana semakin rendah pendapatan suami, maka kecenderungan isteri untuk bekerja adalah lebih (Lihat Jadual 14). Kajian beliau juga menunjukkan halangan untuk wanita bergiat dalam ekonomi ialah masalah penjagaan anak. Hal yang sama dialami oleh wanita di kawasan kajian.

Kajian Fauziah Hanim Nordin (1983: 73) menunjukkan kaum wanita bertanggungjawab sebagai pencari nafkah jika suami tidak dapat bekerja. Manakala kajian oleh Saw Sor Tin (1983: 43 - 62) dan Wong Kwai Cheng (1983: 55 - 80) di kawasan setinggan Cina juga menunjukkan kaum wanitanya turut melibatkan diri dalam kegiatan ekonomi.

Data-data menunjukkan kaum wanita turut melibatkan diri dalam kegiatan sosial dan politik. Walau bagaimanapun penglibatan wanita dalam politik adalah di peringkat minima dan tidaklah begitu aktif. Kegiatan mereka adalah di peringkat cawangan sahaja. Hal ini tidak dapat dielakkan kerana kebanyakannya mempunyai taraf

pelajaran yang rendah ditambah dengan halangan-halangan rumahtangga. Tidak dapat dinafikan bahawa taraf pelajaran memainkan peranan penting dalam menentukan keaktifan seseorang dalam politik. Namun begitu, sumbangan mereka dari segi undi tidak dapat dinafikan kepentingannya. Huraian pengkaji dalam Bab IV menunjukkan terdapat responden yang menyertai politik bermotifkan faedah diri seperti yang wujud di lain-lain kawasan setinggan.

Walaupun terdapat responden yang tidak bergiat dalam kegiatan sosial dan politik secara formal, ini tidaklah bermakna kaum wanita di sini bersifat individualistik, tidak bermasyarakat atau 'anti-social'. Hubungan baik dengan jiran tetangga dipelihara walaupun dikatakan hidup di bandar, konsep kejiranan tidak lagi penting. Terdapat rasa kekitaan di kalangan penduduk. Hal ini ketara apabila adanya hari-hari perayaan, gotong-royong dan sebagainya. Ini ialah kerana majoriti responden berasal dari luar bandar, jadi amalan-amalan ini diteruskan. Keadaan ini berlainan dengan setinggan Cina yang rata-ratanya bersifat individualistik di mana interaksi sosial di peringkat komuniti tidak begitu ketara (Azizah Kassim, 1984: 48).

Responden yang bekerja walaupun telah mengalami perubahan dari segi peranan, mereka tidak terlepas dari tanggungjawab di rumah. Huraian dalam Bab II menunjukkan wanita yang bekerja terpaksa

bertungkus lumus menjalankan dua peranan. Pendapatan mereka yang rendah sudah tentu tidak berupaya memiliki orang gaji. Keadaan ini sudah tentu berbeza dengan cara hidup kelas menengah.[1]

Apabila mengaitkan kajian yang dijalankan ini dengan rangka konsep yang dikemukakan, saranan yang berdasarkan environmentalis lebih menepati bagi wanita di kawasan kajian. Menurut aliran ini, peranan lelaki dan wanita lebih banyak dipengaruhi oleh persekitaran sosio-budaya masyarakat yang dianggotai. Keadaan ini jelas dilihat berdasarkan huraian pengkaji sebelum ini. Faktor-faktor sosio-budaya seperti pembangunan yang pesat, lokasi yang strategi dari segi ekonomi, taraf pendapatan suami yang rendah dan sebagainya telah menjadi pendorong kepada wanita untuk melibatkan diri dalam ekonomi.

---

[1]Kajian Nordin Selat (1975: 329 - 351) mengenai perkembangan gaya hidup pentadbir kelas menengah menunjukkan hampir 90% golongan yang dikajinya mempunyai orang gaji. Orang gaji adalah diperlukan walaupun isteri tidak bekerja. Ini adalah perlu untuk menjaga taraf di samping menolong pelbagai urusan rumah dan membuat kerja-kerja berat seperti membasuh longkang, mencuci lantai, mengelap cermin dan sebagainya yang tidak manis dilakukan oleh isteri seorang "Encik". Sebilangan daripada mereka mempunyai orang gaji lebih dari seorang dan ada yang mempunyai tukang masak profesional dan tukang kebun. Bagi isteri yang mempunyai orang gaji, sebahagian besar tanggungjawab merupakan arahan kepada orang gaji. Mereka hanya membuat kerja-kerja yang menjelma keperibadian seperti menggubah bunga dan menanam orkid.

Dapatlah dikatakan bahawa kelemahan tenaga fizikal bukan menjadi penghalang kepada penglibatan wanita dengan tugas-tugas di luar rumah tetapi lebih memberat kepada kemajuan dan perubahan teknikal yang berlaku dalam masyarakat. Ini terbukti dalam masyarakat yang dikaji di mana kaum wanita melibatkan diri dalam pekerjaan di kilang-kilang dan menjalankan perniagaan. Di sini dapat dilihat bahawa kemajuan yang dialami telah menyebabkan berlakunya perubahan kepada peranan manusia.

Pendapat yang dikemukakan oleh pengkaji ini selaras dengan pendapat golongan modenis. Pendapat mereka bertepatan dengan kajian yang dijalankan. Asas sosio-budaya dan alam keliling yang berhubung dengan perubahan yang berlaku dalam bidang sosio-ekonomi telah menyebabkan berlaku perubahan dalam pandangan dan sikap masyarakat terhadap wanita.

Golongan modenis menyatakan bahawa aspek pencapaian, kebolehan dan motivasi seseorang adalah lebih penting dari aspek biologi dan psikologi dalam menentukan peranan. Pengkaji seperti Fransella & Frost menyatakan beberapa faktor menyebabkan wanita bekerja. Misalnya keperluan kewangan dan anak yang telah dewasa. Saranan ini bertepatan bagi wanita di kawasan ini. Kajian menunjukkan bahawa faktor kewanganlah yang menjadi pendorong mengapa wanita bekerja. Didapati juga wanita yang mempunyai anak yang telah dewasa lebih banyak melibatkan diri dalam kegiatan ekonomi.

Walaupun golongan yang berorientasi environmentalis dan golongan modenis menekankan tentang perubahan peranan kaum wanita, ini tidak bermakna mereka menyangkal pendapat golongan biologikal ini sepenuhnya. Mereka mengakui bahawa kaum wanita tidak dapat mengelak dari tuvas-tugas biologi seperti mengandung dan melahirkan anak. Apa yang dianggap kurang tepat ialah golongan biologikal ini terlalu menekankan aspek-aspek biologi dan psikologi dalam menentukan peranan seseorang.

Dari sudut psikologi pula, seperti mana saranan golongan yang berorientasi biologi ini, bahawa peranan antara lelaki dan wanita telah disosialisasi sejak anak-anak lagi. Anak-anak perempuan dididik dengan tugas-tugas rumahtangga manakala anak lelaki lebih terdedah kepada rakan sebaya (peer group). Apabila kanak-kanak tersebut dewasa, melalui proses sosialisasi mereka menerima sahaja tugas tersebut iaitu perempuan melakukan tugas dalam rumahtangga manakala lelaki melakukan tugas dalam lingkungan 'public'. Namun begitu, dari kajian yang dijalankan, pembahagian tugas ini tidaklah diterima sebagai satu pembahagian yang rigid kerana terdapat suami yang sedia membantu isteri mereka jika keadaan memerlukan.

Mengenai konsep 'male-dominance' atau penguasaan di pihak lelaki, tidak dapat dinafikan suami merupakan ketua dalam rumahtangga tetapi dalam beberapa hal, konsep 'male-dominance' ini tidaklah begitu ketara seperti mana dalam masyarakat pertanian. Kajian

Hasiah Mat Yusuf (1986: 95) dari segi pemilikan tanah adalah dimiliki atau atas nama pihak suami, kerana pemilikan atau penguasaan ke atas harta tersebut, lelaki lebih berhak untuk menentukan jenis-jenis tanaman yang akan diusahakan, luas tanah yang terlibat dan sebagainya. Keputusan dalam bidang atau kegiatan pertanian secara keseluruhannya terletak di tangan lelaki. Jumlah pendapatan yang diperolehi pada tiap-tiap bulan adalah dikira sebagai pendapatan suami walaupun kedua-dua suami isteri tersebut sama-sama bekerja.

Bagi kaum wanita di kawasan kajian, yang terlibat dalam sektor ekonomi bandar, mereka berhak ke atas pendapatan daripada apa yang mereka usahakan. Selain dari itu, mereka juga mempunyai hak dalam rumahtangga sama ada dari segi menentukan perbelanjaan, memberi pendapat dan pandangan dan juga memiliki harta benda seperti barang kemas, tabungan dan sebagainya.

Secara keseluruhannya tugas dan peranan kaum wanita di sini telah mengalami perubahan. Wujudnya faktor-faktor pendorong telah dapat menyokong pendapat golongan modenis dan juga saranan yang berorientasi environmentalis. Namun begitu pengkaji ingin mengemukakan beberapa saranan yang difikirkan perlu dalam usaha mengatasi beberapa masalah yang wujud yang boleh menghalang dan menghadkan penyertaan wanita dalam kegiatan ekonomi, sosial dan politik.

1. Untuk mengatasi masalah penjagaan anak adalah difikirkan perlu bagi pihak-pihak tertentu misalnya pihak KEMAS untuk menubuhkan nurseri di kawasan setinggan dengan bayaran yang berpatutan. Pusat-pusat penjagaan anak yang terdapat di bandaraya ini adalah tinggi bayarannya yang tidak termampu oleh mereka.

2. Kajian menunjukkan kaum wanita bersedia menerima tanggungjawab yang baru sebagai pekerja. Apa yang menjadi krisis ialah pertambahan tugas-tugas baru ini tidak disertai dengan perubahan-perubahan lain dalam masyarakat, khususnya perubahan pembahagian tugas antara suami dengan isteri dan perubahan sikap untuk menghargai sumbangan wanita kerana tanggungjawab dalam keluarga adalah tanggungjawab bersama suami isteri. Anak-anak lelaki hendaklah disemai dengan sikap yang positif terhadap kerja-kerja rumahtangga dan dengan itu mengubah anggapan bahawa bidang ini khas untuk wanita sahaja.

3. Kaum wanita di sini harus diintergrasi ke dalam masyarakat yang lebih luas dari segi kegiatan sosial dan politik mereka. Kebanyakan mereka bergaul dan menjalankan aktiviti sesama mereka sahaja yang

menyebabkan pengetahuan mereka terbatas. Ceramah-ceramah kesedaran perlu diadakan agar terdapat penglibatan yang menyeluruh dalam projek-projek yang dilaksanakan dan menghapuskan pandangan sempit politik mereka iaitu berpolitik bukan hanya untuk memperolehi keuntungan dan kehendak-kehendak sendiri.

University of Malaya

## BIBLIOGRAFI

### Teks


Ahmad Mahdzan Ayob
1982 — Kaedah Penyelidikan Sosio-Ekonomi, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pelajaran Malaysia, Kuala Lumpur.

Azizah Kassim
1985 — Wanita dan Masyarakat, Utusan Publications and Distributions Sdn. Bhd.

Claire, S.
1959 — Research Methods in Social Relations, Revised One - Volume Edition, New York.

Dahlstrom, E.
1967 — The Changing Roles of Men and Women, Gerald Duckworth Co., Ltd. London.

David L. Sills (ed.)
1968 — International Encyclopedia of Social Science, Vol. 13, USA, Mc Millan Free Press.

Fransella, F. & Frost, K.
1977 — Women-On Being A Woman, Tavistock, Publication, London.

Friedl, E.
1975 — Women and Men: An Anthropologist View, Holt, Rinehart and Winston, New York.

Hing A.Y. & Rokiah Talib (eds.)
1986 — Women and Employment in Malaysia, Keluaran Khas Jurnal Manusia dan Masyarakat.

Huber, J.
1973 — Changing Women in a Changing Society, The University of Chicago Press, Chicago.

Irene, T. & M.B. Bransen (eds.)
1976 — Women and World Development, Washington D.C., Overseas Development Council.


University of Malaya

Linton, R.
1936 The Study of Man, Peter Owen, London.

Manderson, L.
1981 Wanita, Politik dan Perubahan: Pergerakan Kaum Ibu UMNO Malaysia 1945 - 1972, terjemahan Shamsuddin Jaafar, Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Mead, M.
1935 Sex and Temperament in Three Primitive Societies, London.

Mednick, M.T.S. (ed.)
1975 Women and Achievement: Social and Motivational Analyses, Hamisphere Pub.

Nik Safiah Karim & Rokiah Talib (eds.)
1981 Wanita Seiring Jalan: Pandangan Tun Hj. Abd. Razak Terhadap Wanita Malaysia, anjuran Pertiwi, Printing Works Sdn. Bhd., Kuala Lumpur.

Rein, M.
1971 Problems in Definition and Measurement of Poverty, Dalam P. Townsend (ed.), The Concept of Poverty, London, Heinemann.

Rokiah Talib
1984 Developing The Rural Women, Dalam Women in Malaysia, Pelanduk Publications & Distributors Sdn. Bhd.

Rosaldo M.Z. & Lamphere, L. (eds.)
1974 Women, Culture and Society, Stanford, California, Stanford University Press.

## Tesis

Azizah Kassim
1985 Politics of Accommodation - A Case Study of Malay Squatters in Kuala Lumpur. Thesis Submitted for the Degree of Doctor of Philosophy to the University of London.

University of Malaya

Fauziah Hanim Hj. Nordin
1983 — Kemiskinan Orang Melayu Di Bandar: Satu Kajian Kes Di Kawasan Setinggan Kampung Sentosa, Wilayah Persekutuan dari Prospek 'Culture of Poverty'. Latihan Ilmiah, Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Hasiah Mat Yusuff
1986 — Peranan Wanita Dalam Sosio-Ekonomi. Kajian Kes Di Kg. Batu 7, Jln. Kebun, Kelang, Selangor. Latihan Ilmiah, Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Khadijah Hj. Muhammad
1969 — Wanita Melayu dan Pekerjaan: Satu Kajian Kes Tentang Penyertaan Wanita Melayu Di Dalam Bidang Pekerjaan dan Pengaruhnya Ke Atas Keluarga. Tesis M.A., Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Nordin Selat
1975 — Kelas Menengah Pentadbir Melayu - Satu Kajian Perkembangan Gaya Hidup, Ph.D. Tesis, Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Norkhayati Hashim
1978 — Penduaan Peranan Wanita dan Kesannya Terhadap Institusi Kekeluargaan. Latihan Ilmiah, Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Saw Sor Tin
1983 — The Socio-Economic Organisation of Squatters: A Case Study in Kampung Pakar, Kuala Lumpur. Projek Penyelidikan, Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Wong Kwai Cheng
1983 — The Socio-Economic Organisation of a Squatter Settlement in Kuala Lumpur: A Case Study of Kampung Pakar. Latihan Ilmiah, Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Majalah, Jurnal dan Laporan

Azizah Kassim
1985 "Satu Perbandingan: Setinggan Melayu dan Cina,"dalam Dewan Masyarakat, Keluaran September.

__________ 1984 "Urbanisasi dan Kekeluargaan: Kajian Kes Komuniti Setinggan Melayu" dalam Manusia dan Masyarakat, Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

__________ 1982 "Wanita dan Perceraian" dalam Masyarakat Melayu Bandaran, Nusantara, Vol. 9.

__________ Rancangan Malaysia Kelima, 1986 - 1990.

Kertaskerja dan Seminar

Fatimah Abdullah
1983 "Penglibatan Wanita Dalam Pekerjaan Formal Di Sektor Bandar dan Kesannya Terhadap Famili" dalam Seminar Perbandaran dan Pembangunan Negara, Bangi.

Fatimah Daud
1984 "Peranan Wanita dan Kepimpinan" dalam Seminar Maju Ke Arah Wanita Cekap dan Sempurna, Kuala Lumpur.

Mazidah Zakaria
1985 "Cabaran dan Potensi Wanita Di Tahun-Tahun Hadapan" dalam Seminar Dekad Wanita, Pencapaian dan Cabaran, Subang Jaya.

Nik Safiah Karim
1985 "Wanita Malaysia Sebelum dan Sesudah Dekad Wanita" dalam Seminar Dekad Wanita, Pencapaian dan Cabaran, Subang Jaya.

University of Malaya

Rafidah Aziz
1975 "The Role of Women in Social, Economic and Political Development in Malaysia, Part I & II," in Seminar Peranan Wanita Dalam Bidang Pelajaran Tinggi dan Implikasinya, Kuala Lumpur.

Rusmiati Hj. Harun
1984 "Peranan Wanita Dalam Rumahtangga dan Kerjaya Sesuai Dengan Nilai-Nilai Islam," dalam Seminar Maju Ke Arah Wanita Cekap dan Sempurna, Kuala Lumpur.

University of Malaya

LAMPIRAN 1

SOALSELIDIK

1. Nama Responden: ____________________________

2. Alamat: ____________________________

____________________________

3. Taraf Perkahwinan:

(a) Berkahwin dan tinggal bersama

(b) Berkahwin dan tinggal berasingan

(c) Bercerai

(d) Lain-lain (nyatakan): ____________________

4. Jika bersuami, apakah pekerjaan suami: ____________________________

5. Pendapatan suami: ____________________________

6. Carta isi rumahtangga:

| Bilangan dalam Keluarga | Hubungan dgn ketua rumah | Umur | Jantina | Masih hidup/ meninggal | Taraf perkahwinan | Yang tinggal berasingan | Pelajaran | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | | | | | Membaca/ Menulis | Tingkat Pencapaian Pelajaran |
| | | | | | | | | |
| | | | | | | | | |
| | | | | | | | | |
| | | | | | | | | |
| | | | | | | | | |
| | | | | | | | | |
| | | | | | | | | |
| | | | | | | | | |
| | | | | | | | | |
| | | | | | | | | |
| | | | | | | | | |
| | | | | | | | | |

University of Malaya

7. Umur Responden: ____________ tahun.

8. Taraf pelajaran Responden:

(a) Tidak bersekolah
(b) Sekolah rendah/Darjah
(c) Sekolah Arab
(d) Sekolah Menengah/Tingkatan
(e) Maktab/Universiti

9. Adakah anda boleh membaca/menulis:
Ya ( ) Tidak ( )

10. Kebolehan menulis dan membaca:

(a) Bahasa Malaysia Jawi sahaja
(b) Bahasa Malaysia Rumi sahaja
(c) Bahasa Malaysia Jawi dan Rumi
(d) Bahasa Malaysia, Jawi, Rumi dan Inggeris
(e) Bahasa Malaysia dan lain-lain.

11. Negeri asal anda: ______________________

12. Berapa lama menetap di sini: ______________________

13. Apa pandangan anda mengenai kehidupan di sini berbanding dengan tempat asal:

______________________________________________

______________________________________________

RUMAHTANGGA

14. Kerja dalam rumahtangga:

| Jenis Tugas | Orang yang melakukannya | Kekerapan melakukan | |
|---|---|---|---|
| | | Setiap masa | Kadangkala |
| (a) Memasak | | | |
| (b) Membasuh pakaian | | | |
| (c) Mengemas rumah | | | |
| (d) Bersih kawasan sekeliling | | | |
| (e) Jaga anak | | | |
| (f) Menjahit | | | |
| (g) Lain-lain | | | |

University of Malaya

15. Adakah suami anda membantu kerja rumah?
    (a) Tidak pernah
    (b) Jarang-jarang
    (c) Selalu

16. Jika tugas di atas dilakukan oleh pembantu yang digaji, berapa gajinya:____________________

17. Hubungan pembantu dengan keluarga ini:____________________

18. Apa pendapat anda, wanita yang berkahwin bekerja selain dari mengurus rumahtangga:

____________________________________________

____________________________________________

____________________________________________

19. Apakah jenis pekerjaan yang ansa suka?
    (a) Suka bekerja dalam mengurus rumahtangga
    (b) Bekerja di luar rumah misalnya kilang
    (c) Berniaga
    (d) Kedua-dua suka samada kerja dalam rumah atau kerja di luar rumah.

20. Siapa yang mengatur perbelanjaan dalam rumahtangga:

____________________________________________

University of Malaya

21. Perbelanjaan dan Simpanan:

| Jenis Perbelanjaan | Jenis Barangan | Jumlah dibeli dalam seminggu | Dibeli/ Dikeluarkan sendiri | Siapa Membeli |
|---|---|---|---|---|
| a. Barang kegunaan Rumahtangga | Ikan | | | |
| | Daging | | | |
| | Sayur | | | |
| | Beras | | | |
| | Minyak | | | |
| | Gula | | | |
| | Kopi | | | |
| | Ayam/Telur | | | |
| | Lain-lain | | | |
| b. Pelajaran anak-anak | Tambang | | | |
| | Wang saku | | | |
| | Buku, dll. | | | |
| | Uniform, kasut, dll | | | |
| | Bayaran asrama, dll | | | |
| | Lain-lain | | | |
| c. Kesihatan | | | | |
| d. Kenduri (tahun sudah) | | | | |
| Lain-lain perbelanjaan (misalnya kutu, ansuran barang, dll. | | | | |

University of Malaya

22. Apakah pekerjaan yang anda boleh lakukan:

(a) Jahit-menjahit
(b) Menyulam
(c) Memasak
(d) Lain-lain.

<u>KESIHATAN</u>

23. Adakah anda pernah mengidap sebarang penyakit:

(i) Penyakit berjangkit
(a) malaria
(b) dengue
(c) taun
(d) selsema
(e) lain-lain

(ii) Penyakit tidak berjangkit
(a) Canca
(b) Penyakit jantung
(c) Kencing manis
(d) Darah tinggi
(e) lain-lain

24. Adakah suami anda pernah mengidap sebarang penyakit:

(i) Penyakit berjangkit
(a) Malaria
(b) dengue
(c) taun
(d) selsema
(e) lain-lain

(ii) Penyakit tidak berjangkit
(a) Malaria
(b) Penyakit jantung
(c) kencing manis
(d) darah tinggi
(e) lain-lain

25. Adakah anak anda pernah mengidap sebarang penyakit:

(i) Penyakit berjangkit
(a) Malaria
(b) dengue
(c) taun
(d) selsema
(e) lain-lain

(ii) Penyakit tidak berjangkit
(a) Malaria
(b) Penyakit jantung
(c) kencing manis
(d) darah tinggi
(e) lain-lain

University of Malaya

26. Bila keluarga anda sakit di mana mendapat rawatan:

(a) Bomoh
(b) Kelinik kesihatan/hospital
(c) Kelinik swasta
(d) Berubat sendiri
(e) Lain-lain (nyatakan):

Pada pandangan anda samada makanan yang mahal mempunyai khasiat daripada yang berharga murah?

(a) Benar (b) Tidak benar (c) Tidak tahu

27. Mengapa berubat cara moden:

(a) Ada kemudahan kelinik kesihatan/hospital berdekatan
(b) Lebih yakin cara moden/tradisional
(c) Untuk mempasti sembuh cepat
(d) Lebih selamat
(e) Disusun berbuat oleh kakitangan perubatan dan saudara-mara
(f) Lain-lain (nyatakan)

28. Adakah anda pernah mengamal perancang keluarga:

Ya ( ) Tidak ( )

29. Jika ya, kenapa?

(a) anak ramai
(b) Tidak mampu/keadaan memaksa dari segi ekonomi
(c) Untuk kesihatan
(d) Dapat tahu akan kebaikannya
(e) Untuk mencuba/pengaruh teman-teman
(f) Disusun suami
(g) Lain-lain (nyatakan)

University of Malaya

PELAJARAN ANAK-ANAK

30. Adakah anda menyemak buku pelajaran anak-anak anda:

(a) selalu (b) Jarang-jarang (c) Tidak pernah

31. Adakah anda sentiasa menggalakkan dan memberi dorongan kepada anak-anak anda untuk kemajuan dalam pelajaran:

(a) selalu (b) Jarang-jarang (d) Tidak pernah

32. Apakah harapan anda terhadap anak-anak anda dalam pelajaran:

______________________________

______________________________

KEGIATAN MASA LAPANG

33. Apakah kegiatan yang anda lakukan, jika mempunyai masa lapang:

______________________________

______________________________

34. Apakah yang sering anda lakukan masa hujung minggu:

______________________________

______________________________

35. Adakah anda berkunjung ke rumah jiran pada masa lapang dan apakah tujuannya:

______________________________

______________________________

EKONOMI

36. Apakah anda mempunyai pekerjaan tetap:

Ya ( ) Tidak ( )

37. Jika ya, apakah jenis pekerjaan itu: ____________________

38. Pendapatan: ____________________

University of Malaya

39. Adakah suami menggalakkan anda bekerja:

(a) Menggalakkan (b) Tidak menggalakkan

40. Kenapa? ______________________________

______________________________

41. Apakah masalah yang anda hadapi dalam menghadapi pekerjaan:

(a) Tempat kerja jauh
(b) Pengurusan rumahtangga
(c) Suami/keluarga kurang menggalakkan
(d) Latih, banyak menganggu tugas terhadap anak-anak
(e) Tidak ada masalah
(f) Lain-lain (nyatakan)

42. Adakah anda mempunyai pekerjaan sampingan?

Ya ( ) Tidak ( )

43. Jika ada, nyatakan pekerjaan itu: ______________________________

44. Jumlah pendapatan: ____________________

45. Adakah mendapat bantuan dari anak yang bekerja dan berapakah jumlahnya: ____________________

46. Pendapatan dari sumber-sumber lain dan jumlahnya:

| Jenis | Dari siapa/sumber | Jumlah |
|---|---|---|
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |

University of Malaya

47. Adakah semua pendapatan ini mencukupi untuk anda:

(a) Berlebihan

(b) Cukup makan saja

(c) Tidak cukup

48. Pada pendapat anda apakah jumlah pendapatan yang dikatakan mencukupi:____________________

49. Hakmilik Barang-barang

| Jenis | Jumlah | Tahun di pero-lehi | Cara diperolehi | | | Milik siapa |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | Tunai/ Ansur | Masih dibayar | Siapa yg mahu brg dibeli | |
| a. Rumah (Jika disewa, sebutkan) | | | | | | |
| b. Barang-barang dalam rumah: Radio | | | | | | |
| TV | | | | | | |
| Basikal | | | | | | |
| Motosikal | | | | | | |
| Mesin Jahit | | | | | | |
| Barang kemas | | | | | | |
| Lain-lain: | | | | | | |

TABUNGAN DAN PINJAMAN

50. Dapatkah anda menyimpan wang dari masa ke semasa:

Ya ( )  Tidak ( )

51. Apakah tujuan anda menyimpan wang:________________________________

____________________________________________________________

University of Malaya

52. Cara anda menyimpan wang:

(a) Simpan sendiri
(b) Pejabat Pos
(c) Bank
(d) Lain-lain (nyatakan)

53. Mengapa menyimpan cara ini: ______________________________

______________________________

54. Siapakah yang biasanya membuat keputusan untuk menabung:

(a) Isteri
(b) Suami
(c) Kedua-dua suami-isteri
(d) Orang lain

55. Adakah anda mempunyai hutang pada masa sekarang:

Ya ( )    Tidak ( )

56. Jika ya, dari mana anda meminjam:

(a) Badan kewangan
(b) Keluarga
(c) Kawan-kawan
(d) Peminjam wang

57. Jumlah yang anda pinjam: ______________________________

58. Kadar yang diperlu dibayar sebulan: ____________________

59. Sebab meminjam:

(a) Untuk perbelanjaan keluarga
(b) Untuk pelajaran anak-anak
(c) Untuk perbelanjaan rumah
(d) Untuk perbelanjaan kesihatan
(e) Untuk pelaburan
(f) Lain-lain.

University of Malaya

60. Adakah anda menyertai kumpulan kutu, samada kutu wang atau kutu barang: ______________________

61. Mengapa anda menyertai kegiatan ini: ______________________

______________________

SOSIAL DAN POLITIK

62. Apakah pertubuhan yang anda sertai:

(a) Pertubuhan politik
(b) Syarikat kerjasama
(c) Relawati
(d) Kemas
(e) Sosial/Kebajikan/Keagamaan
(f) Persatuan Ibubapa (PIBG)
(g) Lain-lain (nyatakan): ______________________

63. Apakah jawatan anda dalam pertubuhan tersebut:

(a) Ahli biasa ______________________
(b) Ahli Jawatankuasa ______________________
(c) Setiausaha/Pen. Setiausaha ______________________
(d) Bendahari ______________________
(e) Pengerusi/Naib Pengerusi ______________________
(f) Penasihat ______________________
(g) Tidak berkenaan ______________________

64. Jika tidak melibatkan diri, mengapa?

(a) Tidak tahu akan wujudnya
(b) Tidak ada masa/banyak urusan
(c) Tidak berminat
(d) Membuang masa
(e) Jauh
(f) Lain-lain (nyatakan): ______________________

University of Malaya

65. Jika anda memasuki persatuan, apakah tujuannya:

(a) Sebagai tempat menyatakan rasa tidak puashati

(b) Untuk mendapat pengetahuan yang lebih dari kelas-kelas yang dianjurkan.

(c) Untuk bergaul

(d) Mengikut kawan.

66. Apakah faktor yang mendorong anda memasuki persatuan:

(a) Sendiri

(b) Galakan suami

(c) Untuk berkhidmat pada masyarakat dan negara

(d) Kegiatannya bermunafaat

(e) Untuk dapat bergaul dan pendidikan rumahtangga.

67. Pernahkah anda mengikuti kegiatan-kegiatan kebajikan yang dianjurkan oleh pergerakan ini. Jika pernah isikan butir-butir dalam ruangan di bawah:

| Kegiatan | Selalu | Jarang-jarang | Tidak Pernah |
|---|---|---|---|
| | | | |
| | | | |
| | | | |
| | | | |
| | | | |

68. Pada pendapat anda adakah kegiatan-kegiatan yang dijalankan setakat ini berfaedah:

(a) Berfaedah

(b) Kurang berfaedah

(c) Tidak berfaedah langsung.

69. Di antara banyak aktiviti tersebut yang mana harus diutamakan:

(a) Politik

(b) Ekonomi

(c) Ugama

(d) Pelajaran

University of Malaya

70. Adakah anda menyertai wanita UMNO:

Ya ( ) Tidak ( )

71. Apakah faktor yang mendorong anda menjadi ahli pergerakan wanita UMNO:

(a) Galakan suami
(b) Galakan kawan
(c) Berminat dalam politik
(d) Kesedaran bahawa parti politik UMNO memperjuang kepentingan bangsa sendiri.

72. Adakah anda tahu siapa ketua pergerakan Wanita UMNO Malaysia:

______________________________

73. Jika diberi peluang, mahukah anda memegang jawatan dalam pergerakan tersebut:

Ya ( ) Tidak ( )

74. Jika ya, jawatan apa yang anda ingin pegang:

(a) Ketua
(b) Ahli Jawatankuasa
(c) Ahli Jawatankuasa Kecil

75. Jika anda seorang AJK dalam sesuatu pergerakan, bagaimana anda membahagi masa untuk menjalankan tugas tersebut di samping tugas rumahtangga:

______________________________

______________________________

76. Adakah kegiatan-kegiatan ini mengganggu tugas rumahtangga:

Ya ( ) Tidak ( )

SEBARAN AM

77. Adakah anda mengikuti sumber sebaran am seperti di bawah:

(a) Akhbar/Majalah
(b) Radio
(c) TV

78. Adakah mengikuti sumber sebaran am di atas:

(a) Selalu/kerap
(b) Kadang-kadang
(c) Kurang mengikuti
(d) Tidak mengikuti

79. Ruangan yang diminati:

(a) Sukan
(b) Politik
(c) Halaman pengguna
(d) Hiburan/Seni/Sastera
(e) Ruangan ugama
(f) Berita/Peristiwa/luar & dalam negeri
(g) Kemasyarakatan/wanita/keluarga
(h) Lain-lain (nyatakan): ______________________________

80. Apakah sebab anda tidak mengikuti perkembangan di atas:

(a) Tidak ada kemudahan/tidak mampu
(b) Tidak ada masa
(c) Tidak berminat
(d) Tidak tahu membaca
(e) Lain-lain (nyatakan): ______________________________

81. Adakah anda pernah mendengar, persatuan isteri-isteri yang dipukul oleh suami ______________________________

82. Adakah anda mengetahui mengenai Biro Bantuan Guaman:

(a) Pernah
(b) Tidak pernah

University of Malaya

LAMPIRAN 2

KAJIAN-KAJIAN MENGENAI WANITA LUAR BANDAR

1. Asis Ujang, Penyesuaian Adat dan Syara' Bagi Kedudukan Wanita Beradat Perpatih Di Kampung Terusan. Latihan Ilmiah, Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1976.

2. Aziz Mohamad, Penyertaan Wanita Di Dalam Pembangunan Tanah Di RTB Bukit Mambai, Segamat, Johor. Latihan Ilmiah, Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1978.

3. Azizah Abd. Rahman, Peranan Wanita Dalam Politik dan Agama Di Kubang Pasu, Kedah. Latihan Ilmiah, Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1975.

4. Azizah Jalil, Peranan Wanita Luar Bandar Dalam Kegiatan Sosio-Ekonomi: Satu Kajian Kes. Latihan Ilmiah, Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1981

5. Azizah Kassim, Kedudukan Wanita Dalam Masyarakat Melayu Beradat Perpatih, Negeri Sembilan. Tesis M.A., Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1970.

6. Che Norma Noriati Tahir, Wanita dan Pembangunan - Peranan Wanita Dalam Pembangunan Peringkat Kampung: Satu Tinjauan Ke Atas Kg. Pengkalan Berangan Mukim Jerang, Marang, Terengganu. Latihan Ilmiah, Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1982.

7. Che Norlia Yahaya, Peranan Wanita Luar Bandar Dalam Kegiatan Sosio-Ekonomi: Kes Kajian Di Parit 4, Labung Kubang, Perak. Projek Penyelidikan, Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1981

8. Desnawati Soelaiman Djamaan, Peranan Wanita Luar Bandar Dalam Bidang Sosio-Ekonomi: Satu Kajian Kes. Latihan Ilmiah, Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1981.

9. Fadhil Mustapha, Peranan Wanita Di Rancangan Kemajuan Tanah Bukit Bading, Trengganu. Latihan Ilmiah, Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1980.

10. Faridah Hanum Khalil, Wanita Dalam Pembangunan Di Luar Bandar: Satu Kajian Ke Atas Projek RISDA. Latihan Ilmiah, Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1984.

11. Hasiah Mat Yusuf, Peranan Wanita Dalam Sosio-Ekonomi: Satu Kajian Kes Di Kampung Batu 7, Jalan Kebun, Kelang, Selangor. Latihan Ilmiah, Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1986.

12. Heng Lai Leng, Satu Kajian Kes Mengenai Pekerja Wanita Di Satu Ladang Teh Di Cameron Highlands. Latihan Ilmiah, Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1984.

13. Jama'yah Zakaria, Peranan dan Penglibatan Kaum Wanita Di Bidang Sosio-Ekonomi Masyarakat Pekebun Kecil Getah: Satu Kajian Kes Di Kg. Bukit Keledang, Segamat, Johor. Latihan Ilmiah, Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1982.

14. Josephine Emas Melina, The Roles and Status of Iban Women in Rural Community With Special References to the Ibans of Ng. Mepi, Batang Ai, Sarawak. Latihan Ilmiah, Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1982.

15. Ku Mahazir Ku Idris, Penyertaan Wanita Di Dalam Politik Di Kawasan Tunjang, Kedah. Latihan Ilmiah, Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1976.

16. Maimon Mat Yunus, Penyertaan Wanita Dalam Lapangan Perniagaan Di Pasir Mas, Kelantan. Latihan Ilmiah, Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1977.

17. Nazeli Hamzah, Peranan Wanita Dalam Pembangunan Peringkat Kampung: Satu Kajian Kes Di Kg. Jerang, Triang Hilir, Negeri Sembilan. Projek Penyelidikan, Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1986.

18. Noraini Ismail, Peranan Wanita Dalam Komuniti Nelayan Di Kg. Perupuk, Bachok, Kelantan. Latihan Ilmiah, Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1977.

19. Norbee Abdul Hamid, Peranan Wanita Dalam Masyarakat Pekebun Kecil Di Bidang Ekonomi: Satu Tinjauan Kes Di Kg. Jerong Suran, Kuala Terengganu, Terengganu. Latihan Ilmiah, Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1982.

20. Norehan Mohd. Noor, Peranan Wanita Luar Bandar Dalam Sosio-Ekonomi. Latihan Ilmiah, Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1986.

21. Nor Fadilah Sulaiman, Wanita Dalam Pembangunan: Kajian Projek Wanita Pekebun Kecil (RISDA). Latihan Ilmiah, Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1984.

22. Norimah Abu Bakar, Peranan Wanita Dalam Gerakan Sosial dan Ugama Di Rancangan Felda Air Hitam, Johor. Latihan Ilmiah, Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1984.

23. Noor Laila Mohd. Halip, Peranan dan Penglibatan Wanita Luar Bandar Di Bidang Sosio-Ekonomi: Satu Kajian Di Kg. Sagil, Johor. Latihan Ilmiah, Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1982.

24. Noor Saaidah Johan Noor, Peranan Wanita Dalam Masyarakat Luar Bandar. Latihan Ilmiah, Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1984.

25. Nor Zaharah Mohd. Yusof, Peranan Wanita Dalam Masyarakat Pekebun Kecil Di Bidang Sosio-Ekonomi: Satu Tinjauan Kes Di Kg. Jerong Tuan, Kuala Terengganu, Terengganu. Latihan Ilmiah, Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1982.

26. Ramdzan Hj. Chali, Kedudukan dan Peranan Wanita Di Dalam Islam dan Adat Perpatih Serta Realitinya Di Dalam Konteks Masyarakat Melayu Beradat Perpatih Di Nerasau, Rembau, Negeri Sembilan. Latihan Ilmiah, Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1976.

27. Ramlah Hj. Ishak, Peranan Kaum Wanita Dalam Bidang Sosio-Ekonomi: Satu Kajian Kes Di Mukim Jabi, Alor Star, Kedah. Latihan Ilmiah, Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1986.

28. Saodah Abdullah, Kesan Kegiatan RISDA Terhadap Peranan Wanita Pekebun-Pekebun Kecil Di Dalam Bidang Ekonomi dan Pendidikan: Satu Kajian Kes Di Kg. Sagil, Tangkak, Muar, Johor. Latihan Ilmiah, Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1982.

29. Sharin Said, Peranan dan Penglibatan Wanita Masyarakat Pekebun Kecil Getah Dalam Bidang Sosio-Ekonomi: Satu Kajian Kes Di Kg. Genuang Baru, Segamat, Johor. Latihan Ilmiah, Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1982.

30. Zaidah Mustapha, 'Decision Making' Di Kalangan Wanita Di Mukim Pulau Tiga, Parit, Perak. Latihan Ilmiah, Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

31. Zaliha Hassan, Peranan Wanita Luar Bandar Dalam Kegiatan Sosio-Ekonomi: Kes Kajian Di Kg. Panchor, Pantai Remis, Perak. Latihan Ilmiah, Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1981.

University of Malaya